AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 37 BILANGAN 21 | RABU 20 MEI, 1992. | رابو 17 ذوالقعده، 1412 | PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam Republik Arab Mesir, Yang Berhormat Dr. Mohamed Ali Mahgoup di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-Undang Malaysia, Yang Berhormat Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar.

# Tingkatkan kerjasama yang sedia ada — titah

Oleh
Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Mei. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam, Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamed Ali Mahgoup di istiadat yang berlangsung di Istana Nurul Iman hari ini.

Tuan Yang Terutama Dr. Mohamed Ali Mahgoup telah menyembahkan ke hadapan majlis baginda perutusan dari Presiden Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Presiden Hosni Mubarak.

Di istiadat itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyatakan kegembiraan baginda di atas hubungan dan kerjasama yang rapat di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Arab Mesir khasnya dalam bidang keagamaan.

Kerjasama yang ada itu, titah baginda boleh ditingkatkan di masa hadapan.

Tuan Yang Terutama diiringi oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim dan Duta Besar Republik Arab Mesir ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Ahmed Nazmi Moustafa.

Setiausaha-Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman dan Dato Paduka Awang Haji Alimin bin Haji Abd Wahab juga hadir di istiadat itu.

Tuan Yang Terutama Dr. Mohamed Ali Mahgoup dan dua orang pegawai kanan Republik Arab Mesir adalah dalam rangka lawatan tiga hari ke negara ini yang juga diiringi oleh Duta Besar Republik Arab Mesir ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Ahmed Nazmi Moustafa.

Selepas itu baginda, berkenan pula menerima mengadap Tuan Yang Ter-

LIHAT MUKA 16

ڤتيكن تيته

## PETIKAN TITAH

" NEGARA Brunei Darussalam, dalam menempuh masa depannya yang panjang, perlulah bersedia menyiapkan diri dengan berbagai-bagai rancangan pembangunan yang dilengkapi dengan strategi-strategi yang jelas. "

*Dititahkan sempena sambutan hari keputeraan baginda ke-45 tahun di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman, pada 15 Julai, 1991*

# Menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-Undang Malaysia, Yang Berhormat Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar di Istana Nurul Iman di sini.

Di istiadat itu Yang Berhormat Dato' Syed Hamid diiringi oleh Menteri Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin dan Setiausaha I Suruhanjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Encik Shamsuddin bin Abdullah serta Ketua Setiausaha Kementerian Undang-Undang Malaysia, Puan Nur Hayati binti Mohamad.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-Undang Malaysia itu tiba pada 17 Mei lepas bagi mengadakan lawatan muhibah tiga hari telah disertai oleh isteri, Datin Sharifah Aziah binti Syed Zainal Abidin dan empat orang pegawai di Kementerian Undang-Undang Malaysia.

Semasa berada di negara ini, Yang Berhormat Dato' Syed Hamid menghadiri taklimat dan seterusnya mengadakan perbincangan mengenai pengendalian kes-kes tertangguh, latihan untuk para pegawai kehakiman, sistem maklumat pengurusan bagi mahkamah, sistem bantuan guaman, pengurusan hal-hal kebankrapan dan pengurusan dan pentadbiran amanah dan pusaka.

# Utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Mei. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Harold V, Raja Norway dan kepada Puan Yang Terutama Puan Gro Harlem Brundtland, Perdana Menteri Norway bersempena dengan Hari Perlembagaan Norway pada hari ini.

مانيس ايمان

## MANISNYA IMAN

"BARANGSIAPA mati padahal ia belum haji maka biarlah dia mati. Jika ia suka (pilihlah) jadi Yahudi atau Nasrani." — Maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
فليتا بروني
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

20 MEI, 1992 BERSAMAAN 17 ذوالقعده، 1412

دڠن نام الله يڠمها
فموره دان مها فڽايڠ

## RASUAH MESTILAH DITENTANG HINGGA KE AKAR UMBI

SEBAGAI negara yang ternama lagi bermaruah kesedaran menentang rasuah hingga ke akar umbi adalah merupakan sebagai satu kewajipan dan tanggungjawab. Dalam hal ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Akta Pencegah Rasuah yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1982 adalah sentiasa bersikap tegas, dan tidak teragak-agak dalam menjalankan tanggungjawabnya menurut lunas dan undang-undang tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang juga selaku ketua kerajaan adalah sangat-sangat mengambil berat bagi membanteras kegiatan rasuah ini sebelum ianya menulari masyarakat kerana masyarakat yang ditulari rasuah akan kehilangan imej yang baik dan tidak dihormati lagi. Atas asas inilah bukan saja akal dan jiwa kita yang bersih menolak rasuah malah agama kita yang suci mengutuk serta menjanjikan seksa yang amat pedih dan berat kepada pelakunya sama ada yang memberi ataupun yang menerima rasuah.

Ketika merasmikan Majlis Mesyuarat Negeri pada 21 Disember 1981 baginda berhasrat untuk mewujudkan suatu sistem pentadbiran kerajaan yang cekap, jujur lagi amanah. Bagi mencapai hasrat ini baginda menegah sama sekali para pegawai dan kakitangan di dalam kerajaan baginda mengamalkan apa jua bentuk rasuah.

Baginda rapat kali mengingatkan para pegawai dan kakaitangan kerajaan baginda agar mereka yang diamanahkan dengan tugas serta kuasa-kuasa yang tertentu hendaklah menunjukkan contoh teladan serta pembawaan yang tertib lagi sempurna pada menunaikan tugas dan kewajipan mereka supaya dengan demikian mereka akan digalati serta dihormati oleh pegawai-pegawai bawahan.

Agama Islam yang suci yang menjadi agama rasmi negara mendorong ke arah amalan budaya kerja yang baik, sempurna dan lutanan serta menentang sebarang penipuan dan penyelewengan termasuklah rasuah. Nilai-nilai murni yang digalakkan oleh agama suci kita itu adalah seperti rajin bekerja, amanah, berniat baik, sedia tolong-menolong, bekerjasama, patuh dan taat dan lain-lain akhlak yang mulia mestilah menjadi pegangan setiap pekerja.

Bagi pekerja yang beragama Islam, kerja-kerja dan tanggungjawab yang dijalankan adalah suatu ibadat yang akan mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu Wataala. Di samping itu seorang pekerja sentiasa yakin dan sedar bahawa segala tingkah lakunya dan pekerjaan itu adalah diketahui dan dicatat oleh Allah Subhanahu Wataala. Apabila kesedaran dan keinsafan ini wujud seseorang tidak akan berani menyeleweng atau melakukan perkara yang tidak jujur dalam menjalankan tugasnya sama ada dalam bentuk pengurangan produktiviti atau menerima sesuatu yang ditegah oleh agama dan undang-undang kerana khidmat yang diberikan.

Yang jelas, rasuah apa pun sifatnya adalah bertentangan dengan semua kepentingan awam, yang boleh melemahkan pentadbiran dan negara. Jadi kita tidak ada pilihan lain kecuali menyusun perancangan-perancangan yang kemas dengan strategi-strategi yang tepat untuk memerangi rasuah itu dengan lebih berkesan lagi sama ada di kalangan para pegawai kerajaan mahupun orang awam.

Namun dalam kesungguhan kerajaan untuk membasmi rasuah di negara ini, pertimbangan terhadap keadilan, ketelitian dan maruah serta harga diri seseorang adalah sentiasa diberikan perhatian dan dipelihara.

Kerana itu jaminan dan peringatan telah disarankan dalam sama-sama kita membasmi rasuah terutama sekali kepada mereka yang dipertanggungjawabkan amanah ini hendaklah sentiasa bersikap adil dan penuh teliti sebelum menjalankan sebarang langkah dan tindakan ke atas orang-orang yang dimaksudkan kerana sebarang langkah itu, apa pun bentuknya, adalah melibatkan harga diri dan maruah seseorang.

Sesiapa jua yang bersangkutan dalam melaksanakan Akta Pencegah Rasuah mestilah berhati-hati dalam membuat penyiasatan dan penilaian bagi mengelakkan berlakunya sebarang kesilapan dan penzaliman kerana harga manusia itu adalah terletak pada maruah dan kehormatan diri.

Namun kita berkeyakinan orang ramai akan sentiasa menghulurkan kerjasama dalam sama-sama membantu pihak kerajaan dalam perkara-perkara yang layak dan munasabah agar pintu jenayah sama ada kerana menerima atau pun memberi rasuah itu akan dapat dikawal dan ditutup rapat oleh kita kerana baginda sendiri menyedari rasuah adalah penyakit masyarakat antarabangsa yang telah lama wujud meracuni kehidupan manusia.

# KITA TIDAK BOLEH LALAI DARI MELAKUKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH — titah

***SEBAGAI negara yang ternama lagi bermaruah, maka Brunei Darussalam patutlah mengekalkan ciri-ciri kesedaran menentang rasuah itu hingga ke akar-akar umbinya. Kita tidaklah boleh lalai dari melakukan usaha-usaha pencegahan, walau dengan apa carapun, terutamanya melalui proses undang-undang yang ada.***

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAHI Rabbil 'Aalameen, Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihie Wasahbihie Ajma'een, Waba'du.

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita hadir pada hari ini di Majlis Pelancaran Kempen Anti Rasuah yang disempenakan sekali dengan pembukaan rasmi Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah.

Bangunan yang baru dan indah ini, biarlah turut melambangkan kesungguhan kita pada menghadapi keadaan yang ada, serta juga seterusnya yang mungkin timbul dari masa ke semasa.

Rasuah adalah merupakan penyakit masyarakat antarabangsa yang telah lama wujud meracuni kehidupan manusia. Ia berlaku dengan tidak memilih tempat, waktu dan peringkat orang. Pendeknya, di mana-mana dan kepada siapa sahaja ia boleh berlaku atau terjadi.

Apabila rasuah sudah berleluasa dan menulari masyarakat, maka masyarakat itu akan kehilangan imej yang baik dan tidak dihormati lagi.

Maka atas asas inilah, bukan sahaja akal dan jiwa kita yang bersih akan menolaknya, malahan juga agama kita yang suci telah sedia mengutuk dan menjanjikan seksa yang amat pedih kepada pelakunya, sama ada yang memberi ataupun yang menerima rasuah itu.

Sebagai negara yang ternama lagi bermaruah, maka Brunei Darussalam patutlah mengekalkan ciri-ciri kesedaran menentang rasuah itu hingga ke akar-akar umbinya. Kita tidaklah boleh lalai dari melakukan usaha-usaha pencegahan, walau dengan apa carapun, terutamanya melalui proses undang-undang yang ada.

Kerajaan adalah sentiasa tegas, dan tidak akan teragak-agak dalam menjalankan tanggungjawab menurut lunas



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pelancaran Kempen Anti Rasuah dan Pembukaan Rasmi Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah pada 12 Mei, 1992.

dan kuasa undang-undang tersebut.

Tetapi sungguhpun begitu, suka pula beta mengingatkan, bahawa bagi sesiapa juga yang dipikulkan tanggungjawab ke arah ini, hendaklah sentiasa bersikap adil dan penuh teliti sebelum menjalankan sebarang langkah dan tindakan ke atas orang-orang yang dimaksudkan, kerana sebarang langkah itu, apapun bentuknya, adalah melibatkan harga diri dan kehormatan seseorang.

Peringatan ini, bukanlah bermakna suatu tolak ansur, atau isyarat untuk pihak-pihak berkenaan memberhentikan operasi membanteras rasuah, bukan itu hakikat yang dimaksudkan. Tetapi sebaliknya supaya mereka itu lebih berhati-hati dalam membuat penyiasatan dan penilaian bagi mengelakkan berlakunya sebarang kesilapan dan penzaliman.

Berpandu kepada perkembangan-perkembangan yang ada, kita memanglah masih memerlukan jentera pencegahan rasuah terus digiatkan. Kerana walaupun biro yang berkenaan itu telah ditubuhkan semenjak tahun 1982, namun masih sahaja terdapat kes-kes rasuah, yang setengahnya itu pula turut melibatkan pegawai-pegawai kerajaan sendiri. Sedangkan rasuah, apapun sifatnya, adalah bertentangan dengan semua kepentingan awam, yang boleh melemahkan pentadbiran dan negara.

Jadi kita tidaklah ada pilihan lain, melainkan mesti menyusun perancangan-perancangan yang kemas dengan strategi-strategi yang tepat untuk memerangi rasuah itu dengan lebih berkesan lagi, sama ada di kalangan para pegawai kerajaan mahupun orang awam.

Khas mengenai dengan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan ini, beta percaya kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan akan dapat memastikan, bahawa tidak akan terdapat sebarang 'loop-holes' dalam jentera pentadbiran di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan tersebut yang boleh digunakan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

Sementara di pihak orang ramai pula, kerjasama mereka adalah amat dipentingkan bagi sama-sama membantu kerajaan dalam perkara-perkara yang layak dan munasabah, sehingga dengan wujudnya kerjasama yang seumpama itu, maka semua pintu jenayah, sama ada kerana menerima ataupun memberi rasuah itu, akan dapat dikawal dan ditutup rapat oleh kita.

Beta berharap dan sambil berdoa mudah-mudahan Kempen Anti Rasuah yang disempenakan dengan pembukaan Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah ini, akan berjalan dengan baik dan lancar, dan akan mendatangkan hasil yang memuaskan, sebagai salah satu daripada rancangan kita untuk melahirkan masyarakat yang bahagia.

Dengan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala, serta dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, selawat dan salam ke atas Nabi kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, maka beta lancarkan Kempen Anti Rasuah yang juga disempenakan dengan pembukaan rasmi Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah pada hari ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

***RASUAH adalah merupakan penyakit masyarakat antarabangsa yang telah sekian lama wujud meracuni kehidupan manusia. Ia berlaku dengan tidak memilih tempat, waktu dan peringkat orang. Pendeknya, di mana-mana dan kepada siapa sahaja ia boleh berlaku atau terjadi.***

٢٥ تاهون" ککل قارال ممرينته دأتس تخت

## "25 TAHUN" KEKAL QARAL MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

# PERMINTAAN IKAN MENINGKAT

KEPERLUAN bahan-bahan permakanan bagi rakyat dan penduduk negara ini meningkat dari setahun ke setahun selaras dengan pertambahan penduduk yang juga meningkat. Meskipun peningkatan penduduk ini dalam peratus yang agak kecil tapi keperluan bahan makanan terutama ikan dan sayur-sayuran meningkat dalam jumlah peratus yang begitu banyak.

Negara Brunei Darussalam mempunyai tradisi yang panjang berhubung dengan perikanan ini di mana Teluk Brunei adalah merupakan sumber utama bagi nelayan-nelayan kita memperolehi ikan-ikan dengan menggunakan pelbagai jenis alat menangkap ikan sama ada memukat, menjala, memancing, membalat dan sebagainya.

Oleh
Mohd. Salleh
Abdul Latif

Sebelum itu nelayan-nelayan kita cuma mampu menangkap ikan di persekitaran sungai-sungai atau anak-anak sungai yang berhampiran malah akhir tahun 1960-an pun kegemaran menangkap ikan di sungai-sungai ini menjadi kebiasaan. Kerana permintaan pada ketika itu tidaklah berapa banyak.

Tapi di akhir tahun 70-an hinggalah sekarang permintaan ikan itu tambah meningkat maka nelayan-nelayan kita sama ada nelayan sepenuh masa mahupun nelayan sambilan (bagi menambah pendapatan) maka kegiatan menangkap ikan itu diperluaskan jauh di Teluk Brunei. Hasilnya dapatlah dibanggakan.

Kemahiran menangkap ikan yang dimiliki oleh anak watan menunjukkan mereka mampu mengharung lautan luas untuk menambah hasil pendapatan di samping adanya galakan-galakan dan dorongan-dorongan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha mempelbagaikan sumber pendapatan negara yang tidak semata-mata mahu bergantung kepada minyak dan gas.

Pada bulan September 1978 melalui agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam bidang perikanan, kerajaan baginda telah mengadakan penyelidikan perikanan di negara ini dengan menggunakan sebuah kapal ikan yang diberi nama K/P Lumba-Lumba.

Kerajaan baginda membeli kapal penyelidikan perikanan ini daripada UK Sea Fish Industry Authority, dan dalam tempoh dua tahun yang pertama operasi K/P Lumba-Lumba telah dapat mencapai dua matlamat Jabatan Perikanan.

Pertama, satu pengkajian yang komprehensif telah selesai terhadap sumber-sumber yang dapat diperolehi hingga ke dasar bawahnya yang dapat dijangkau oleh pukat tunda.

Data-data itu dikumpul dan dianalisis lalu diadun dalam laporan yang komprehensif untuk jadi panduan dalam sebarang keputusan yang berhubungkait dengan perkembangan perikanan di masa depan di samping mengenalpasti jenis-jenis kapal perikanan dan alat-alat menangkap ikan yang digunakan. Dalam waktu yang sama program latihan-latihan perikanan dapat diadakan bagi memastikan sumber-sumber laut dapat dieksploitasi secara cekap dan selamat dengan mengambil kira kepentingan untuk jangka panjang.

Jabatan Perikanan memperolehi kejayaan dengan pengenalan kapal pukat tunda di mana empat buah kapal pukat tunda telah dilesenkan.

Matlamat kedua yang dicapai ialah pembentukan krew tempatan yang kekal serta cekap bagi kapal tersebut.

Bagi memudahkan nelayan-nelayan memunggahkan ikan-ikan mereka maka kerajaan baginda telah membina beberapa buah Kompleks Pendaratan Ikan.

Brunei Darussalam mempunyai pesisir pantai sepanjang 130 kilometer, dan had penangkapan ikan mencapai 321.87 kilometer keluar pantai. Justeru itu stok perikanan dieksploitasi secara sederhana saja dengan batas maksima penghasilan 21,000 tan.

Sejumlah 4,315.1 tan ikan segar dan 1,197.4 tan udang telah dipasarkan di negara ini sepanjang tahun 1989 di mana penghasilan tempatan ialah 826.5 tan ikan segar dan 36.1% udang.

Dalam pada itu akuakultura adalah aktiviti perikanan yang begitu penting di negara ini sejak tahun-tahun kebelakangan. Pembiakan serta pemeliharaan spesis ikan, udang dan lain-lain dalam bentuk komersial telah menambahkan lagi sumber-sumber pendapatan di samping memenuhi keperluan pengguna-pengguna.

Pada ketika ini aktiviti akuakultura ditumpukan kepada pembiakan udang, ikan air tawar dan udang galah di samping memelihara ikan air laut dan udang di kawasan-kawasan tertentu secara berpagar manakala ikan air tawar dan udang galah pula dalam kolam-kolam yang dibuat sebegitu rupa. Permintaan ikan air tawar ini juga meningkat dari masa ke semasa memandangkan pertukaran selera di kalangan para penggunanya.

Manakala itu bagi memastikan ikan-ikan itu tetap membiak dalam kawasan-kawasan yang dulunya jadi tumpuan ikan-ikan maka kerajaan baginda telah berusaha membuat terumbu-terumbu tiruan di mana ianya adalah merupakan projek Jabatan Perikanan bagi mengekal kehidupan-kehidupan yang ada di laut.

Terumbu-terumbu tiruan ini bertindak sebagai tempat perlindungan ikan-ikan daripada dibawa arus yang kuat di samping tempat pembiakan.

Keseluruhan pasaran ikan pada tahun 1984 ialah 2,133,433 kilogram di mana 1,411,075 kg ikan dari laut; 7,072 kg ikan air tawar termasuk ikan-ikan yang dipelihara dalam kolam-kolam ikan air tawar; 567,879 kg udang segar; 44,016 kg udang galah air tawar dan lain-lainnya seperti kerang ialah 103,411 kg.

Pada 1984 nilai jualan yang diperolehi dari keseluruhan pasaran ikan 2,133,433 kg itu ialah semuanya berjumlah $12,720,571 di mana nilai ikan dari laut ialah $6,869,634; ikan air tawar $61,017; udang segar ialah $4,862,622; udang galah air tawar ialah $569,802; dan lain-lainnya seperti kerang ialah $357,457.

Nilai jualan ikan meningkat kepada $13,837,878 hasil dari jualan 2,401,227 kg pada tahun 1985 berbanding dengan nilai jualan sebanyak $5,902,989 bagi jualan ikan 1,997,714 kg pada tahun 1972. Suatu peningkatan yang agak perlahan tapi memberangsangkan.

Kerajaan baginda dari masa ke semasa terus memberi bimbingan kepada nelayan-nelayan penuh masa di negara ini di samping memberi peluang-peluang yang begitu luas untuk mereka yang berminat dalam bidang perikanan secara komersial sesuai dengan titah baginda sempena sambutan ulang tahun kelima Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 1989 yang antara lain bertitah:

"Kerajaan juga adalah mengalu-alukan bagi pelabur-pelabur asing untuk melabur di Negara Brunei Darussalam, iaitu dengan cara mengadakan usahasama di bidang perusahaan, pertanian dan perikanan. Kehadiran mereka juga dialu-alukan kerana Negara Brunei Darussalam memerlukan kepakaran teknikal dan pengurusan mereka."

Namun dalam kepekaan pelabur-pelabur asing untuk menjalankan usahasama ini ianya hendaknyalah mendatangkan manfaat dan faedah kepada kedua-dua belah pihak di samping mereka mestilah memahami akan aspirasi dan matlamat ekonomi negara.



**DATA A : PASARAN IKAN SEGAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

| Tahun | Ikan Dari Laut (kilogram) | Ikan Air Tawar (kilogram) | Udang Segar (kilogram) | Udang Galah (kilogram) |
|---|---|---|---|---|
| 1984 | 1,411,075 | 7,052 | 567,879 | 44,016 |
| 1985 | 1,802,095 | 3,515 | 480,089 | 54,023 |
| 1986 | 1,645,296 | 7,607 | 373,684 | 39,253 |
| 1987 | 1,717,708 | 2,757 | 242,117 | 18,555 |
| 1988 | 1,091,074 | 3,877 | 357,248 | 18,645 |
| 1989 | 1,255,213 | 2,400 | 432,321 | 43,705 |

**DATA B : NILAI PASARAN IKAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

| Tahun (B$) | Ikan Dari Laut (B$) | Ikan Air Tawar (B$) | Udang Segar (B$) | Udang Galah Air Tawar (B$) |
|---|---|---|---|---|
| 1984 | 6,869,634 | 61,017 | 4,862,622 | 569,802 |
| 1985 | 8,767,477 | 31,178 | 4,096,415 | 673,529 |
| 1986 | 7,536,511 | 71,398 | 3,357,149 | 512,005 |
| 1987 | 7,232,870 | 26,798 | 2,457,273 | 243,775 |
| 1988 | 6,185,759 | 36,535 | 3,342,037 | 265,399 |
| 1989 | 6,179,957 | 20,356 | 4,209,179 | 645,032 |



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima watikah perlantikan Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Tuan Jin Guihua.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima watikah perlantikan Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Tuan Ranhoti Pedige Edmond Jayashinghe.

# Berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Republik Rakyat China

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Mei. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan menerima mengadap Puan He Junxia, isteri Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap.

Istiadat mengadap itu telah berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Di istiadat tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan menerima cenderamata yang disembahkan oleh Puan He Junxia.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga telah berkenan menerima mengadap Puan He Junxia di Istana Nurul Izzah, Jerudong pada keesokan harinya (13 Mei).

Di istiadat tersebut Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berkenan menerima cenderamata yang disembahkan oleh Puan He Junxia.

# Berkenan menerima watikah perlantikan

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Mei. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima watikah perlantikan tiga orang ketua perwakilan asing ke negara ini di istiadat berasingan yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Mula-mula menyembahkan watikah perlantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duta Besar Finland ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Tuan Pertti Justus Ripatti.

Tuan Yang Terutama Tuan Pertti Justus Ripatti, 62 tahun, mula berkidmat di Kementerian Bagi Hal Ehwal Luar pada bulan Mei, 1977. Tuan Yang Terutama pernah memegang jawatan sebagai Konsular Perdagangan, Kedutaan Finland di Washington; Duta Besar Finland ke Kuwait, Caracas dan hingga kini masih menjawat jawatan selaku Duta Besar Finland ke Malaysia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya berkenan menerima watikah perlantikan Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Tuan Ranhoti Pedige Edmond Jayashinghe.

Tuan Yang Terutama Tuan Ranhoti Pedige Edmond Jayasinghe, 52 tahun, mula berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Hal Ehwal Luar pada tahun 1971 hingga 1973. Tuan Yang Terutama pernah memegang jawatan selaku Setiausaha ke II dan ke III di Kedutaan Sri Lanka ke London, Timbalan Pengarah Bahagian Eropah Barat dan Bangsa-Bangsa Bersatu, Ketua Protokol Kementerian Hal Ehwal Luar dan Timbalan Perwakilan Tetap Misi Sri Lanka ke Bangsa-Bangsa Bersatu.

Setelah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima watikah perlantikan Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Tuan Jin Guihua.

Tuan Yang Terutama Tuan Jin Guihua, 57 tahun, pernah berkhidmat sebagai ahli kakitangan di Jabatan Penerangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Republik Rakyat China dari tahun 1954 hingga 1964.

Lihat muka 13



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Finland ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Tuan Pertti Justus Ripatti sejurus selepas Tuan Yang Terutama menyembahkan watikah perlantikan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berkenan menerima mengadap Puan He Junxia, isteri Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan menerima mengadap Puan He Junxia, isteri Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap.

# Negara jalin hubungan diplomatik dengan Swaziland

LONDON, 11 Mei. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan The Kingdom of Swaziland telah bersetuju untuk menjalinkan hubungan diplomatik antara kedua buah negara mulai hari ini.

Majlis menandatangani Kenyataan Bersama Penjalinan Hubungan itu telah diadakan di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha bin Pengiran Metasan, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom sementara mewakili Kerajaan The Kingdom of Swaziland, Tuan Yang Terutama Mr. Mboni N. Dlamini, Pesuruhjaya Tinggi, The Kingdom of Swaziland di London.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Tuan Jin Guihua. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Tuan Ranhoti Pedige Edmond Jayashinghe. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

# Menerima mengadap tiga orang perwakilan asing

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Mei. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap tiga orang perwakilan asing.

Majlis tersebut telah berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di sini.

Mula-mula mengadap ialah Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Tun Jin Guihua. Kemudian diikuti dengan Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Tuan Ranhoti Pedige Edmond Jayashinghe.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah juga berkenan menerima mengadap Duta Besar Finland ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Tuan Pertti Justus Ripatti.

Di ketiga-tiga majlis mengadap itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah telah membincangkan isu-isu serantau dan dua hala dengan ketiga-tiga orang perwakilan asing itu yang beribu pejabat di Republik Singapura.

Ketiga-tiga orang perwakilan asing itu juga menyembahkan watikah perlantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman pada sebelah petangnya.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Finland ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Tuan Pertti Justus Ripatti. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

## RUANGAN SOAL JAWAB SEMPENA HARI KESIHATAN SEDUNIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sempena dengan sambutan Hari Kesihatan Sedunia 1992, PELITA BRUNEI akan menyediakan Ruangan Soal Jawab untuk soalan-soalan daripada orang ramai tentang penyakit jantung. Bagi pembaca-pembaca yang ingin bertanya tentang isu-isu yang berkaitan dengan penyakit jantung silahlah menulis dengan segera kepada :

Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Kesihatan
Bandar Seri Begawan, 1210
Negara Brunei Darussalam

Soalan-soalan akan dijawab oleh Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan dan akan diterbitkan di dalam PELITA BRUNEI mulai 27 Mei, 1992.

"Penyakit jantung koronari adalah pembunuh utama di Negara Brunei Darussalam. Ketahuilah tentang penyakit ini untuk mengelakan."

# Industri makanan berpotensi untuk berkembang

Oleh
Dk. Saidah POA

BERAKAS, 13 Mei. — Industri makanan di negara ini menunjukkan perkembangan yang menggalakkan walaupun kebanyakan daripada perusahaan-perusahaan itu masih di peringkat "cottage industri".

Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Razali bin Mohd. Yusof berkata industri tersebut mempunyai potensi untuk dipertingkatkan dengan pembungkusan yang baik dan sesuai.

"Pembungkusan yang sempurna dapat meningkatkan pasaran barang gunaan terutama sekali kepada barang-barang makanan. Pembungkusan dapat membantu mengelakkan kerosakan memanjangkan 'shelf-life' makanan dan mempertahankan kualitinya," katanya di Seminar Mengenai Pembungkusan Makanan.



SEBAHAGIAN daripada pegawai-pegawai kerajaan dan wakil-wakil dari pihak swasta yang menghadiri Seminar Mengenai Pembungkusan Makanan baru-baru ini. — Gambar oleh Harun Rashid.

Bagaimanapun jelasnya teknologi pembungkusan di negara ini tidak terlalu diendahkan berbanding dengan negara-negara lain.

Seminar itu dianjurkan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan kerjasama Pusat. Promosi ASEAN di Jepun. Ianya diadakan di Bilik Mesyuarat Kementerian berkenaan.

Beliau menambah meskipun Negara Brunei Darussalam sudah menghasilkan beberapa industri makanan seperti makanan tradisi Melayu Brunei dan makanan basah seperti mi, bebola ikan dan "burger" tetapi disebabkan pembungkusan yang kurang sempurna boleh menjejaskan kualiti makanan dan menimbulkan masalah pemasaran.

Menyedari akan hal itu, kementerian tersebut telah mengundang khas dua orang pakar di bidang pembungkusan makanan dari Institusi Pembungkusan Jepun untuk memberikan khidmat-nasihat di seminar itu.

Kementerian tersebut berharap seminar ini akan memberi penggerak kepada inisiatif pengusaha-pengusaha industri makanan untuk meningkatkan tahap pembungkusan makanan keluaran mereka.

Seminar dua hari itu dihadiri oleh lebih 100 orang yang mewakili 42 dari sektor swasta dan pegawai-pegawai kerajaan. Ianya bertujuan memberikan kesedaran kepada semua mengenai pentingnya aspek pembungkusan makanan di samping memperkenalkan beberapa kaedah dan teknologi pembungkusan yang ada di luar negeri.

Beberapa topik telah dibentangkan di seminar tersebut antaranya peredaran dalam industri makanan dan pembungkusan makanan, teknologi pembungkusan makanan dan pembungkusan dan perniagaan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS . . . . Siri ke-640



YANG Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan.

# TANDA-TANDA HAMPIR KIAMAT

## PERKHABARAN NABI SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM AKAN ORANG-ORANG SEKARANG YANG MENYELEWENG YANG ZANDIQ MENZAHIRKAN ISLAM DAN MENYEMBUNYIKAN KUFUR DALAM HATI DAN BAGINDA SEBUTKAN SIFAT-SIFAT YANG ADA PADA MEREKA SEKARANG

Bahagian keempat

MENURUT setengah-setengah dari dalil-dalil bagi ayat-ayat dalam Surah Al-Baqarah yang terdahulu iaitu:-

Bahawa satu kumpulan ulamak telah meriwayatkan daripada Al-A'masy daripada Al-Minhal bin Amru daripada Abdullah bin Abdillah Al-Asadi daripada sahabat Salman Al-Faarisi Radiallahuanhu pada erti firman Allah dalam ayat 11 yang bermaksud:

*"Apabila dikatakan kepada mereka jangan kamu membuat kerosakan dan kacau bilau di atas muka bumi dengan membuat kufur dan menegah orang dari beriman kepada Allah, maka mereka berkata: Kami hanya berbuat ishlah dan membaiki dunia ini."*

Berkata sahabat Salman : Orang-orang yang berkenaan dalam ayat ini belum ada lagi (pada masanya).

Dan telah diriwayatkan olah Al-Imam Ibnu Jareer daripada sahabat Salman juga dengan ia berkata : Belum ada mereka yang disebutkan dalam ayat ini.

Hadis ini dihukumkan seperti Hadis Marfu' hingga boleh disebutkan hadis ini hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, kerana tiadalah dapat dikatakan datang dari fikiran, dan tiada ada ia masuk di bawah ertikata ijtihad, bahkan ia semata-mata taufik yang datang daripada Rasululllah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Bahawa perkataan "Mushlih" tiada diketahui banyak disebutkan pada masa dahulu, bahkan tiada disebutkan pada masa ada anak-anak muda Islam yang belajar di sekolah-sekolah mission itu, tiada pernah didengar dari mulut orang mukmin yang beriman dengan Allah dan Hari Kiamat akan menyebut perkataan Mushlih. Hanya perkataan "Mushlih" didengar dari mulut pemuda-pemuda yang mulhid itu dan juga perkataan "Khaain" yakni khianat, maka dua perkataan itu menjadi simbol bagi mereka. Dan hadis-hadis ada menyebutkan darihal mereka begitu.

Pemuda Islam mulhid itu apabila mereka berhimpun dengan orang-orang awam Islam dan mereka hendak orang awam Islam itu mengikut mereka, maka mereka berkata: Kami orang-orang beriman dan berkhidmatkan Islam, dan kami orang-orang yang membaiki sosial orang Islam. Dan apabila mereka kembali berjumpa ketua-ketua dan kawan-kawan mereka yang mulhid seperti mereka dan orang-orang kafir yang mendirikan sekolah-sekolah dan universiti Kristian yang menyeru kepada agama Kristian, mereka berkata kami bersama-sama kamu dan hanya kami mempersendakan dan memperolok-olokkan orang-orang awam itu dan kita jalan dengan cara siasah bersama mereka sehingga kita dapat menerangkan tujuan kita itu.

Setengah yang ada di Mesir itu ialah Ismail Mazhhar yang berkata bahawa fikiran ramai belum bersedia menerima! : Ia berkata: Fikiran ketuhanan itu adalah fikiran salah, dan bahawa Quran hanya kata Ashdaqus Shadiqin dan penghulu sekalian Nabi-Nabi dan Sayyidil Mursalin Sallallahu Alaihi Wasallam dan namanya bukan Muhammad bin Abdillah bahkan Qutsam dan lain-lain lagi katanya yang kita malu dan tiada dapat disebutkan. Ini dia kata-kata kufur kepada Allah, kepada Quran dan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam daripada orang mulhid itu.

Adalah 'Abdul Qadir Al-Maghribi itu ada hadir di majlis membaca Musnad Al-Imam Ahmad oleh tuan guru kepada setengah guru kita Al-Imam Assyed Muhammad bin Jaafar Al-Kattani Al-Hasani di rumahnya bertempat di Shalihiyah di Damsyik Syria, dan penulis yang menulis cerita ini ada hadir di majlis membaca Musnad Al-Imam Ahmad bersama orang-orang mukmin yang hadir di majlis itu, dan apabila ia berhimpun dengan kawan-kawannya yang mulhid maka menegaskan apa yang berlawan dengan apa yang ia dengar dalam majlis ilmu hadis itu, maka datang satu kumpulan ulamak Damsyik Syria dan orang-orang ternama di bandar raya itu kepada tuan guru mereka memohon supaya dihalau 'Abdul Qadir Al-Maghribi dari majlis hadis itu dan guru itu jangan membaca Musnad Ahmad bersama-samanya, dan adalah guru itu mengajar Musnad Al-Imam Ahmad itu dalam masjid dengan permintaan 'Abdul Qadir Al-Maghribi, maka selepas itu guru itu meninggalkan ajaran Musnad Ahmad di masjid itu sebab permintaan ulamak dan orang ternama Damsyik Syria itu.

Katanya : Adalah Muhammad Kurdi Ali itu ia menzahirkan kepada orang-orang beriman sebagai dia orang yang beriman, dan apabila ia bersendiri dengan kawan-kawan yang kufur sepertinya, maka janganlah tuan tanya akan kufurnya itu.

Katanya : Pada suatu ketika saya hendak masuk ke dalam makam Sayidina Al-Husa'in di Mesir hendak sembahyang Asar bersama-sama setengah-setengah orang bakal ilhad yang belum menzahirkan Al-Ilhaadnya pada masa itu, dan dia itu adalah kawan Muhammad Kurdi Ali maka dia dapati Muhammad Kurdi Ali itu keluar dari makam Sayidina Al-Husain yang ada bersambung dengan majid yang dinamakan Masjid Sayidina Al-Husain dekat dengan sebelah Al-Azhar, maka kami terperanjat, dan kawannya memberi salam kepadanya, dan kawannya bergurau dengannya, bagaimana awak melawat Sayidina Al-Husain ini? Dia menjawab dan berkata kepadanya : Saya wallahi tiada ada iktikad (Beriman) kepada Muhammad, maka bagaimana saya beriktikad pada Al-Husain itu? Saya datang hanya hendak melihat tempatnya dan hendak tahu tempatnya itu.

Begitulah beberapa banyak orang-orang seperti itu, maka mereka di dalam majlis orang-orang mukminin ini, mereka bacul hendak menyatakan sesuatu daripada ilhad mereka (menyeleweng dari yang benar), tetapi apabila mereka bersendiri atau mereka sangka dapat mempengaruhi seseorang, maka ia meluahkan ilhaad dan kufurnya kepada orang itu.

Akan saya sebutkan sandaran perkhabaran yang di atas ini kemudian kelak.

Cerita bersambung cerita, pada masa beberapa tahun yang sudah saya ada dalam satu majlis meraikan Menteri ASEAN, masa itu belum ada ASEAN dan di situ ada orang-orang ternama dan pegawai-pegawai kerajaan, ada yang memakai kot pentilon, ada yang memakai baju Melayu dan ada yang melilitkan serban di atas kepala. Maka tiba-tiba menteri itu datang kepada saya ketika mengambil makanan itu dengan katanya : saya makan ini bukan kerana Allah. Tujuannya mengejek-ejek majlis itu dan setengah orang-orang yang ada di majlis itu. Saya terperanjat seorang menteri yang memakai nama dengan nama Islam berucap seperti itu kepada Mufti .

Ini kisah setengah-setengah orang yang dinamakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam orang Maariqiina 'Aniddin yakni keluar dari agama Islam setelah mereka masuk Islam, bagaimana telah lalu sebutan hadis ini pada bilangan (132) dan (133).

Sila baca kitab Mauqiful Aqli Wal 'ilmi Wal 'aalami Mirrabbil 'Aalamina Wa'iebadihil Mursalin. Dalam kitab itu disebutkan banyak orang-orang mulhid daripada orang-orang Mesir, Syria, Iraq dan lain juga ulamak Al-Azhar.

WALLAHU A'ALAM

(Bersambung)

# KESIHATAN DALAM ISLAM

Siri Kedua

KALAU diamat-amati dari apa yang disyarakkan di dalam agama Islam megenai penjagaan kebersihan dan kebersihan tubuh badan, adalah menepati apa yang dijadikan mutu dalam ilmu perubatan moden hari ini yang berbunyi: Mencegah dari berlakunya sesuatu penyakit itu lebih baik atau lebih utama dari mengubatinya.

Adalah menjadi satu kenyataan bahawa penyakit akan hinggap tanpa adanya pencegahan yang rapi. Oleh kerana itu, rawatan yang lebih mujarab bagi sesuatu penyakit - apa pun jua jenis penyakitnya - ialah dengan cara mencegahnya dari berjangkit atau merebak.

Contohnya : Kalau kita mahu menghapuskan sama sekali penghidapan penyakit yang disebabkan oleh nyamuk aedes ialah dengan mencegah pembiakan nyamuk tadi dari meluas dan berkembang dengan cara menghapuskan tempat-tempat pembiakannya atau memberikan suntikan-suntikan antibiotik kepada orang-orang yang terdedah kepada serangan penyakit ini. Dengan cara inilah yang dijelaskan sekarang sebagaimana kempen-kempen yang pernah dilakukan.

Menyentuh tentang mencegah lebih baik dari mengubati hanya akhir-akhir ini sahaja baru disedari dan mahu dipraktikkan oleh kebanyakan negara, sedangkan kita umat Islam sudah mengenalnya sejak lebih seribu tahun yang lalu melalui tabligh seorang manusia pilihan yang tidak ada padanya gelaran doktor atau profesor. Dia adalah junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diutus sebagai rahmat untuk sekalian isi alam.

Tetapi kerana sikap kita yang kurang memerhati ditambah lagi dengan sistem yang ada, menjadikan kita kurang peka terhadap apa yang ada pada diri kita sendiri, sebaliknya kita cepat silau dengan apa yang di datangkan dari Barat dan ini menjadikan kita yang seolah-olahnya meminjam atau meniru tetapi bukan yang meminjamkan atau yang menirukan sesuatu. Padahal di dalam Al-Quran kita umat Islam disebut sebagai umat yang terbaik dan terpilih sebagaimana firman Allah dalam Surah Ali-'Imran ayat 110 yang tafsirnya:

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang diutuskan kepada sekalian manusia lainnya yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran."

Mutu tadi, kita yang punya dan kitalah yang mula-mula sekali mengamalkannya dari peraturan-peraturan atau hukum yang telah diwajibkan ke atas kita.

Menyentuh tentang konsep pencegahan dalam Islam, dapat kita perhatikan dari dua aspek sebagai contoh, walaupun banyak lagi aspek-aspek yang lain yang boleh diperhatikan. Aspek-aspek yang dimaksudkan ialah sudut kebersihan yang dianjurkan oleh syarak dan sudut makanan dan minuman yang diharamkan oleh syarak.

Sebagaimana yang telah disebutkan di awal-awal tadi, agama Islam amat mementingkan soal-soal kebersihan. Hal ini terbukti dengan kenyataan bahawa kebersihan itu adalah sebahagian dari iman atau adalah ia dari perbuatan orang-orang yang beriman. Kerana itu, seseorang yang tidak mengambil berat tentang kebersihan atau dalam kata lain selalu sahaja dalam keadaan kotor, maka akan dianggap sebagai kurang iman atau dicap sebagai tidak beriman andaikata kekotoran itu meliputi keadaan zahir dan batinnya.

Bersambung






MAJLIS kesyukuran bagi meraikan guru-guru agama yang akan menunaikan Fardu Haji telah berlangsung di Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Malik, Bengkurong di sini pada 8 Mei yang lalu.

Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Kasim bin Haji Lamat selaku tetamu kehormat di majlis itu telah menyampaikan cenderamata kepada bakal-bakal haji itu. Majlis itu dimulakan dengan bacaan Surah Yaasiin. — Gambar oleh Halim Sulaiman.

## Bersyukur tanda mengenali budi dan mengenang pemberian

# Allah akan limpahi nikmat kepada mereka yang bersyukur




MARILAH kita sama-sama bertakwa kepada Allah dengan mengerjakan apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Seseorang yang meneroka hidup tidak terlepas daripada dua keadaan :

1. Susah tercabar, duka sengsara sebagai dugaan daripada Allah Subhanahu Wataala, keadaan memerlukan kepada sabar di dalam menanggung hidup.

2. Di dalam nikmat kemewahan, serba kesenangan dapat dimiliki, keadaan ini menghendaki orang-orang yang berkenaan bersyukur kepada pencipta (Al-Khaliq), Allah Subhanahu Wataala firmannya dalam Surah An-Nahl ayat 114 yang maksudnya :

**"Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah jika benar kamu hanya menyembah akan Dia semata-mata."**

Nikmat itu banyak tidak terhingga daripada sebesar-besar sehingga sekecil-kecilnya. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nahl ayat 18 yang bermaksud :

**"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah (yang dilimpahkan-Nya kepada kamu) tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu."**

Bersyukur merupakan tanda mengenali budi atau mengenang pemberian nikmat yang dibagikan oleh pencipta. Ia juga sebagai pintu peninggalan dan menambahkan rahmat dan nikmat Allah. Sebaliknya pula jika tidak ada bersyukur ditujukan kepada Allah maka orang yang demikian dicap sebagai hamba yang bakhil terhadap Allah dan derhaka kepada-Nya. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ibrahim ayat 7 yang bermaksud :

**"Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu! Dan demi sesungguhnya! Jika kamu kufur engkar, sesungguhnya azab-Ku amatlah berat."** Kesyukuran boleh berlaku melalui beberapa peringkat:

Peringkat pertama ; Penguasaan ilmu tentang kebesaran Allah, kekuatan, kelimpahan rahsia kejadian makhluk ini serta mengiktirafkan bahawa Allah ialah sumber segala sesuatu. Bila manusia mengetahui dengan yakin dan mengiktiraf segala kelimpahan yang didapati itu semua daripada Allah umpamanya : Satu kali kelipan mata pun daripada Allah, segala rahsia perjalanan matahari, bulan bintang, kesemuanya ini menimbulkan keinsafan dan tanda ajaib. Di dalam ajaib inilah memberikan pertanyaan kenapa kita tidak bersyukur kepada yang mentadbir alam ini.

***"DEMI sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmati-Ku kepada kamu! Dan demi sesungguhnya! Jika kamu kufur engkar, sesungguhnya azab-Ku amatlah berat."***

Peringkat kedua : Perasaan senang hati dan gembira serta mesra diikuti oleh sanjungan dan penghargaan terhadap pemberi nikmat.

Peringkat Ketiga : Tindakan peringkat ini boleh dilaksanakan melalui tiga saluran :

1. Hati - Orang yang bersyukur kepada Allah melalui hati dengan menarik kembali di dalam ingatan sesuatu nikmat kebesaran Allah itu dengan perasaan insaf, rendah diri, rasa gembira dengan pemberian itu serta ada rasa muhibah terhadap yang memberi nikmat.

2. Dilahirkan dalam bentuk nada suara dengan memuji Alhamdulillah (Bersyukur kepada Allah). Peringkat ini sebagai tambahan kepada yang pertama tadi.

3. Ditonjolkan dalam bentuk amalan yang bersangkutan dengan Allah secara langsung dan perhubungan dengan kemasyarakatan atau makhluk. Dengan kata lain menggunakan nikmat Allah untuk taat kepada Allah dan menghindarkan diri daripada terlibat ke dalam perkara maksiat.

Sebagai contoh :

***KEMERDEKAAN sebagai satu nikmat pemberian Allah. Maka nikmat-nikmat ini hendaklah dipenuhi dengan pengisian yang betul sejajar dengan hukum Allah. Bila pengisian tidak betul, ia akan berubah kepada tidak mensyukuri nikmat Allah dan pengisian itu akan menghancur-leburkan kepentingan umat Islam sendiri.***

1. Nikmat Islam yang ada pada kita iaitu satu nikmat terbesar - maka digunakan Islam untuk mempertahankan Islam, bukan untuk mempersona bagi membuat fitnah dalam usaha yang bercanggah dengan Islam sendiri.

2. Kemerdekaan sebagai satu nikmat pemberian Allah. Maka nikmat-nikmat ini hendaklah dipenuhi dengan pengisian yang betul sejajar dengan hukum Allah. Bila pengisian tidak betul, ia akan berubah kepada tidak mensyukuri nikmat Allah dan pengisian itu akan menghancur-leburkan kepentingan umat Islam sendiri.

3. Kekayaan alam semulajadi dan kekayaan olehnya semuanya nikmat Allah. Tetapi bila berlaku penyelewengan di dalam penggunaan nikmat itu, ia akan merupakan keris terhunus menunggu masa untuk menikam dada anak bangsa dan umat Islam seluruhnya sebagai akibat salahguna nikmat dan salah konsep syukur yang diamalkan oleh masyarakat Islam sendiri.

## وقت سمبهيغ ، امساك دان متهاري تربيت.

وقت٢ سمبهيغ امساك دان متهاري تربيت باݢي دائره بروني دان موارا مولأي دري هاري رابو، 17 ذوالقعده، 1412 برسمأن 20 مي، 1992 هيغݢ كهاري ثلاث، 23 ذوالقعده، 1412 برسمأن 26 مي، 1992 اداله سفرت دباوه اين :—

| هاريبولن | متهاري تربيت | صبح | | امساك | عشاء | | مغرب | | عصر | | ظهر | | هاريبولن |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | براخير | برمولا | | براخير | برمولا | براخير | برمولا | براخير | برمولا | براخير | برمولا | ذوالقعده |
| مي 20 | 6.06 | 6.05 | 4.44 | 4.34 | 4.43 | 7.42 | 7.41 | 6.30 | 6.28 | 3.41 | 3.40 | 12.18 | 17 |
| 21 | 6.06 | 6.05 | 4.44 | 4.34 | 4.43 | 7.42 | 7.41 | 6.28 | 6.27 | 3.41 | 3.40 | 12.18 | 18 |
| 22 | 6.05 | 6.04 | 4.44 | 4.34 | 4.43 | 7.43 | 7.42 | 6.28 | 6.27 | 3.42 | 3.41 | 12.18 | 19 |
| 23 | 6.05 | 6.04 | 4.43 | 4.33 | 4.42 | 7.43 | 7.42 | 6.28 | 6.27 | 3.42 | 3.41 | 12.19 | 20 |
| 24 | 6.05 | 6.04 | 4.43 | 4.33 | 4.42 | 7.43 | 7.42 | 6.28 | 6.27 | 3.42 | 3.41 | 12.19 | 21 |
| 25 | 6.06 | 6.05 | 4.43 | 4.33 | 4.42 | 7.43 | 7.42 | 6.28 | 6.27 | 3.43 | 3.42 | 12.19 | 22 |
| 26 | 6.06 | 6.05 | 4.43 | 4.33 | 4.42 | 7.43 | 7.42 | 6.28 | 6.27 | 3.43 | 3.42 | 12.19 | 23 |

وقت سمبهيغ دان امساك باݢي دائره بلأيت هندقله دتمبه تيݢ مينيت دان ددائره توتوڠ هندقله دتمبه ساتو مينيت منكالا باݢي دائره تمبوروڠ هندقله دكورڠكن ساتو مينيت تيف٢ وقت. سمبهيغ فرض جمعة دسلوروه نݢارا بروني دارالسلام دمولأي دري فوكل 12.45 تڠهاري.

# BERANGKAT KE MAJLIS PELANCARAN KEMP PEMBUKAAN RASMI IBU PEJABAT BIR



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah di Majlis Pelancaran Kempen Anti Rasuah sempena Pembukaan Rasmi Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah.



KEBERANGKATAN Kebawah D Yang Maha Mulia Paduka Seri Bag Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izza din Waddaulah, Sultan dan Yang D Pertuan Negara Brunei Darussalam Majlis Pelancaran Kempen Anti Rasuah sempena Pembukaan Rasmi Ibu Pejab Biro Mencegah Rasuah 12 Mei lep jelas menunjukkan yang baginda sent mengambil berat tentang gejala rasuah sebelum penyakit ini melarat meresap di Negara Brunei Darussalam.

Semasa keberangkatan baginda, ya diiringi oleh paduka adinda-adi baginda, Duli Yang Teramat Mu Paduka Seri Pengiran Perdana Wa Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengir Muda Haji Mohamed Bolkiah, Duli Ya Teramat Mulia Paduka Seri Pengir Bendahara Seri Maharaja Permaisu Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah d Duli Yang Teramat Mulia Paduka S Pengiran Digadong Sahibul M Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah sel berkenan menyaksikan pamer pencegahan rasuah yang termasuk buk buku dan poster-poster di tingkat d bangunan dan seterusnya menurunk tandatangan sebagai tanda kenang lawatan baginda.

Biro Mencegah Rasuah ditubuhk pada 1 Februari, 1982 mempunyai t susunan pentadbiran, iaitu: Bahagi Pentadbiran, Bahagian Penyiasatan d Bahagian Data dan Bantuan. Di samp mempunyai dua jawatankuasa ia Jawatankuasa Menilai Aduan d Jawatankuasa Perancangan.

Bangunan yang baru sahaj dirasmikan itu menelan belanja kira-ki $8 juta dilengkapi dengan peralat yang moden




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan berbagai-bagai poster yang memenangi Peraduan Melukis Poster sempena Kempen Anti Rasuah.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menitahkan sesuatu ketika baginda melawat sebahagian daripada pameran buku-buku mengenai pencegahan rasuah sambil menerima penerangan dari Pengarah Biro Mencegah Rasuah, Dato Paduka Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memerhatikan sebuah peralatan yang terdapat di Bangunan Biro Mencegah Rasuah (bawah).







Gambar-gambar oleh
Awang Haji Sharbini Haji Taha
Pg. Bahar PHO dan Harun Rashid.

SEBAHAGIAN daripada ketua-ketua jabatan-jabatan yang hadir di majlis pelancaran tersebut (kiri sekali).

BAGI merestui majlis, bacaan doa selamat disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim (k

انيكا
ANEKA

AKHBAR RASMI KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤليتا بروني
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

BILANGAN 21 RABU 20 MEI, 1992. رابو 17 ذوالقعده، 1412 PERCUMA

# INGATKAN KELUARGA DAN MASA DEPAN BISKITA KETIKA BERADA DI JALAN RAYA




*RASUAH adalah penyakit masyarakat antarabangsa yang telah lama wujud meracuni kehidupan manusia di mana ianya berlaku dengan tidak memilih tempat, waktu dan peringkat orang.*

*Apabila rasuah berleluasa dan menulari masyarakat maka masyarakat itu akan kehilangan imej yang baik dan tidak akan dihormati.*

RENCANA LANJUT DI MUKA 2

## ANTARA KANDUNGAN


- **Cerpen — Sentuhan Kasih —** *muka 4 & 5*
- **Pat-Pat Gulambir —** *muka 12*
- **Nya Nini — Menghilangkan Gatal-Gatal Di Badan —** *muka 6*
- **Apa Pendapat Biskita —** *muka 6*
- **Resipi — Dadar Jagung dan Cucur Udang —** *muka 6*
- **Rancangan Radio & Tv —** *muka 8 & 9*

انيكا ANEKA Pelita Brunei

Rencana رنچان

## Jika sabit kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah

# BOLEH DIKENAKAN DIDENDA TIDAK MELEBIHI $30 RIBU

OLEH
DK. FATIMAH PHMN

AKTA Pencegahan Rasuah memberi peruntukan denda terhadap berbagai kesalahan di bawah akta tersebut. Sebagai mislan sesiapa jua didapati sabit kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi $30,000.00 atau penjara tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.

Sekiranya kesalahan di bawah Bab 5 dan 6 itu tidak melibatkan urusan dengans ebuah badan awam, maka si pesalah boleh dikenakan hukuman denda sebanyak $30,000.00 dan penjara selama 10 tahun.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mendengar penerangan mengenai stastik rasuah yang disembahkan oleh Pengarah Biro Mencegah Rasuah, Dato Paduka Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim.

Rasuah adalah salah di sisi undang-undang. Malah agama Islam mengatakan, ianya adalah di antara perbuatan yang dikeji oleh Allah. Berhubung dengan ini Biro Mencegah Rasuah (BMR) telah ditugaskan untuk menghapuskan kemunkaran ini. Di samping itu rakyat dan penduduk negara ini samasama bertanggungjawab untuk membantu Biro Mencegah Rasuah dalam menuju matlamatnya iaitu untuk menegakkan kewibawaan perkhidmatan awam dengan cara membasmi dan menghapuskan rasuah dan membawa mereka yang terlibat dalam rasuah ke muka pengadilan.

Matlamat ini dicapai melalui dua fungsi.

Pertama dengan menjalankan langkah-langkah pencegahan.

Kedua, dengan menjalankan penyiasat ke atas maklumat dari laporan yang diterima oleh BMR.

Perbuatan rasuah telah berleluasa di beberapa buah negara dan sebelum penyakit ini melarat di Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan penuh bijaksana, telah mengenalkan Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah, 1981) untuk membasmi rasuah di negara ini yang berkuatkuasa pada 1 Janurai, 1982 seperti yang tersebut di atas.

Bagi membenteras rasuah di negara ini, dengan adanya kuasa-kuasa yang telah diberikan oleh Perientah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menubuhkan satu organisasi bebas yang diberi nama Biro Mencegah Rasuah.

Akta Pencegahan Rasuah ini memberi kuasa yang luas kepada BMR untuk memerangi rasuah. Akta tersebut memberi kuasa kepada BMR untuk menyiasat beberapa kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

### DIPERGIATKAN

Dari setahun ke tahun BMR terus mempergiatkan pengambilan pegawai-pegawai penyiasat kini BMR mempunyai 56 orang pegawai dan kakitangan.

Dari segi susunan pentadbiran, BMR mempunyai 3 bahagian iaitu:

i) Bahagian Pentadbiran.

ii) Bahagian Penyiasatan.

iii) Bahagian Data dan Bantuan.

Di samping itu BMR mempunyai dua Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Menilai Aduan dna Jawatankuasa Perancangan.

Pada 12 Mei lepas, adalah merupakan hari bersejarah dan kenangan manis bagi BMR, iaitu keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menyempurnakan pelancaran Kempen Anti Rasuah sempena pembukaan rasmi Ibu Pejabat BMR.

Bangunan baru yang menelan belanja $8 juta ditempatkan di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Lama di Berakas. Manakala kerja-kerja pembinaan Ibu Pejabat ini bermula pada bulan Mei 1989 dan siap pada tahun 1991 dan BMR mula menggunakannya mulai 17 Mac 1992. Kompleks Ibu Pejabat ini akan mengandungi sebuah dewan serbaguna yang mana kerja-kerja pembinaannya kini dalam proses dan dijangka siap pada penghujung tahun 1993.

Dengan terbinanya bangunan ini sudah barang tentunya rancangan-rancangan membenteras rasuah sama ada ianya berupa langkah-langkah penyiasatan mahupun langkahlangkah pencegahan akan dapat dirancang dengan lebih teratur.

Langkah-langkah pencegahan yang dijalankan oleh BMR adalah termasuk:

* Menyebarkan surat-surat keliling danlain-lain maklumat yang berkaitan dengan rasuah.

* Mengadakan ceramahceramah dan seminar.

* Membuat lawatan-lawatan ke kementerian/jabatan/badan awam.

* Membuat kajian terhadap kesa-kesa rasuah yang berlaku di kementerian/jabatan dan menghadapkan sokongansokongan bagi mencegahnya dari berlaku lagi.

* Membuat perangkaan bagi mengenalpasti kadar berlakunya kegiatan rasuah, siapa yang selalu rasuah, di mana selalu berlaku, mengapa ia berlaku, dengan harapan langkahlangkah tertentu boleh dilakukan untuk mengatasi rasuah dari berlaku.

Menjalankan penapisan ke atas pegawai dan kakitangan kerajaan yang dicadangkan dibaikkan pangkat dan pengurniaan pingat dan bintangbintang kebesaran.

Lain-lain aktiviti yang boleh dijalankan dari masa kesemasa.

Selain daripada itu BMR juga mengadakan Etika Mencegah Rasuah bagi membasmi rasuah yang perlu ditanamkan di sanubari setiap rakyat dan penduduk di negara ini antaranya:

* Teguhkan iman dan takwa kita dnegan berkhidmat kepada negara kerana Allah.

* Penduduk di Negara Brunei Darussalam mestilah bersedia untuk memberi kesetiaan mereka kepada negara ini, bukan kepada kekayaannya.

* Penduduk di Negara Brunei Darussalam mestilah menerima kenyataan bahawa rasuah itu salah sama ada dari segi agama, moral atau undang-undang dan boleh menjerumuskan negara kepada sistem pentadbiran pembangunan yang tidak efisien.

* Badan-badan 'professional' mestilah menggalakkan ahliahlinya untuk melayan orang ramai bukan mempergunakan mereka.

* Mereka yang melawan rasuah mestilah diberi sanjungan dan mereka yang mengembangkannya serta melakukannya hendaklah dibongkar keluar/dibendung.

* Semua pegawai, sama ada dari pihak kerajaan atau persendirian (swasta) mestilah bertanggungjawab untuk menegakkan kewibawaan perkhidmatan kerajaan dan perkhidmatan persendirian/ swasta.

Keupayaan untuk berkata 'tidak' kepada rasuah dan tanggungjawab untuk melapor sebaragn kegiatan rasuah kepada pihak yang berkenaan hendaklah disemai dalam diri setiap individu.




BANGUNAN BIRO MENCEGAH RASUAH tersergam indah yang terletak di bekas Lapangan Terbang Lama, Berakas.

***DENGAN terbinanya bangunan ini sudah barang tentunya rancangan-rancangan membenteras rasuah sama ada ianya berupa langkah-langkah penyiasatan mahupun langkah-langkah pencegahan akan dapat dirancang dengan lebih teratur.***

## RENCANA SEMPENA KEMPEN ANTI RASUAH

# RASUAH AMALAN YANG DITEGAH

### DARI SUDUT AGAMA ISLAM

AGAMA Islam adalah agama rasmi di negara ini, maka adalah wajar sosio-budaya yang kita warisi sejak zaman-berzaman itu diselaraskan dengan berlandaskan hukum-hukum agama Islam yang suci itu, agar kita akan terselamat di dunia dan di akhirat.

Justeru itu, agama adalah memainkan peranan yang penting dalam memberikan sukat-sukat kepada apa jua perkara duniawi mahupun akhirat. Oleh yang demikian, menyentuh mengenai amalan rasuah itu, beberapa petikan firman dan hadis telah dipilih sebagai dalil yang menyatakan amalan rasuah ini adalah salah di sisi agama.

Di antara perkara yang diharamkan oleh Allah kepada kita ialah memakan atau mengambil harta orang lain secara yang tidak dibenarkan oleh syarak sepertimana yang difirmankan Allah dalam *Surah Al-Baqarah ayat 188* yang tafsirnya :

**"Dan janganlah kamu memakan harta benda kamu di antara kamu dengan cara yang batal (salah) dan kamu ajukan perkara itu kepada penguasa (pemerintah) dengan maksud supaya kamu makan sebahagian harta orang lain dengan dosa padahal kamu mengetahui."**

Di antara memakan harta dengan cara yang tidak halal itu ialah rasuah. Dalam hal ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang ertinya :

**"Allah melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah dalam hukum."** (Diriwayatkan oleh Ahmad, Termidzi dan Ibnu Haban).

Thauban mengatakan :

**"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melaknat pemberi rasuah, penerima rasuah dan perantara rasuah."** (Diriwayatkan oleh Ahmad dan Hakim).

Berdasarkan kepada dua hadis tersebut dinyatakan bahawa rasuah itu adalah di antara perkara yang amat dibenci oleh Allah dan Rasul-Nya, orang yang memberi rasuah sama ada dengan harta benda, perjanjian atau sebagainya adalah haram dan dilaknat Allah. Begitu juga yang menerimanya adalah juga haram dan dianggap sebagai mengambil harta orang secara batal.

**MUKADIMAH**

**RENCANA "Rasuah Amalan Yang Ditegah" oleh Haji Asri bin Haji Puteh dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam adalah pemenang kedua dalam Peraduan Menulis Rencana Sempena Kempen Anti Rasuah yang dianjurkan oleh Biro Mencegah Rasuah Negara Brunei Darussalam baru-baru ini. Dihidangkan untuk renungan dan tatapan para pembaca. — Penyunting.**

### MENENTANG PENYELEWENGAN

Semua agama mendorong ke arah amalan budaya kerja yang baik dan menentang sebarang penyelewengan serta penipuan.

Nilai-nilai murni yang ditentukan oleh agama seperti rajin bekerja, amanah, berniat baik, tolong-menolong, bekerjasama, setia dan sebagainya harus menjadi pegangan setiap pekerja.

Bagi pekerja yang beragama Islam, kerja-kerja yang dijalankan di pejabat adalah satu ibadat yang penting. Apabila sesuatu pekerjaan dianggap sebagai ibadat maka bentuk pemikiran yang murni mestilah wujud di dalam pekerjaan yakni seorang pekerja sentiasa yakin dan sedar bahawa segala tingkah lakunya dan pekerjaannya diketahui oleh Allah Subhanahu Wataala dan akan diberi ganjaran di dunia dan di akhirat.

Bila pemikiran ini wujud maka seseorang itu tidak berani menyeleweng dan bertindak tidak jujur dalam menjalankan tugasnya sama ada penyelewengan itu dalam bentuk pengurangan produktiviti atau menerima sesuatu sebagai ganjaran tambahan sama ada yang ditegah oleh agama atau undang-undang.

Budaya kerja Islam boleh dibentuk dengan tiga prinsip. Pertama prinsip yang berteraskan **ayat 105 Surah Al-Taubah** *yang bererti :*

**"Katakanlah, bekerjalah kamu, Allah melihat kerja kamu, begitu juga Rasul-Nya dan orang Mukmin."**

Menurut prinsip ini, sesuatu organisasi perlu berusaha menimbulkan kefahaman dan suasana yang boleh mendorong keyakinan setiap perkara bahawa matlamat pekerjaan ialah ganjaran daripada Allah dan dipandang tinggi oleh orang Mukmin.

Di samping itu ada kesedaran dalam dirinya bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan dilihat oleh pihak lain iaitu Allah Subhanahu Wataala terus dan orang ramai secara langsung dan tidak langsung dan secara cepat atau lambat.

Prinsip ini juga meletakkan ganjaran duniawi bukan di tempat utama. Menurut prinsip ini juga, usaha perlu dijalankan supaya menimbulkan kesedaran bahawa bekerja adalah satu tuntutan agama dan tanggungjawab yang tidak boleh diabaikan atau diselewengkan.

### KESEDARAN DALAM HATI

Kedua, prinsip yang berasaskan hadis yang bererti :

**"Buatlah hisab mengenai diri kamu sebelum hisab kamu dibuat."**

Menurut prinsip ini kesedaran perlu ditimbulkan dalam hati dan pemikiran setiap pekerja bahawa adalah menjadi tugas setiap orang untuk membuat perhitungan mengenai dirinya sama ada ia menunaikan tugas dengan sempurna atau penyelewengan dalam penunaian tugas itu walau dalam apa bentuk juga.

Begitu jugalah mengenai harta benda yang termasuk dalam pemiliknya sama ada sesuai dengan kedudukannya. Pihak yang bertanggungjawab perlu mengadakan sistem bagi membuat hisab terhadap setiap pekerja.

Ketiga, prinsip yang berasaskan dasar yang dibuat oleh Sayidina Omar yang bererti : "Dari mana engkau perolehi barang ini?"

Menurut prinsip ini seseorang pekerja mesti sentiasa sedar kalau ia memperolehi sesuatu barang atau sebagainya mestilah ia sentiasa persoalkan mengenai cara ia memperolehinya.

Di samping itu suasana mesti juga diwujudkan supaya rakan sejawat dan pihak berkuasa boleh melaksanakan dasar ini sama ada secara pentadbiran atau dengan cara kesedaran umum.

**SIRI KEDUA**

### BIRO MENCEGAH RASUAH

Sebagaimana yang dinyatakan di atas bahawa agama Islam sesungguhnya memainkan peranan yang penting dalam memberikan sukat-sukat ke arah kehidupan bernegara yang lebih harmoni dan selamat.

Oleh sebab itu, agama Islam adalah dipilih sebagai panduan dalam pembangunan negara ini sesuai dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) yang telah diamalkan sekian lama.

Maka sebagai sebuah negara yang sedang giat membangun adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk membasmi apa jua unsur yang boleh melemahkan pentadbiran negara.

Salah satu unsur yang dimaksudkan itu adalah 'rasuah', yang mana penyakit ini telah sekian lama melanda ke setiap pelusuk negara di dunia ini dan tidak terkecuali di negara kita Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

Justeru itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai ketua negara adalah sangat-sangat mengambil berat bagi membanteras kegiatan amalan rasuah ini sebelum ianya berleluasa.

Baginda pernah bertitah dalam Majlis Mesyuarat Negeri yang berlangsung pada 21 Disember, 1981 di mana baginda menghasratkan untuk mewujudkan suatu sistem pentadbiran kerajaan yang efisien, jujur lagi amanah.

Ke arah itu, baginda sama sekali menegah pegawai-pegawai di dalam kerajaan baginda mengamalkan apa jua bentuk 'corruption' atau rasuah.

Pada tarikh yang sama iaitu 21 Disember, 1981, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat satu perintah darurat (Pencegah Rasuah), 1981 yang sekarang dikenali sebagai Akta Pencegah Rasuah, dan telah berkuatkuasa mulai 1 Januari, 1982.

Dengan itu juga terbentuklah satu biro yang dinamakan Biro Mencegah Rasuah yang mana pegawai pertama yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi Pengarah Biro Mencegah Rasuah ialah Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud (sekarang Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri).

Pengarah Biro Mencegah Rasuah, Dato Paduka Awang Haji Ismail bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahim dalam ceramahnya :

"Pencegahan rasuah adalah tanggungjawab bersama," menyatakan bahawa di samping Biro Mencegah Rasuah orang ramai adalah memainkan peranan yang penting dalam usaha bersama bagi membanteras apa jua kegiatan amalan rasuah ini. Sebab tanpa kerjasama dan sokongan orang ramai ke arah ini, segala apa jua usaha kerajaan mengenainya pasti tidak akan mendatangkan kesan sepertimana yang diharapkan.

***MAKA sebagai sebuah negara yang sedang giat membangun adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk membasmi apa jua unsur yang boleh melemahkan pentadbiran negara. Salah satu unsur yang dimaksudkan itu adalah 'rasuah', yang mana penyakit ini telah sekian lama melanda ke setiap pelusuk negara di dunia ini dan tidak terkecuali di negara kita Brunei Darussalam yang kita cintai ini.***

Bersambung minggu depan

انيكا ANEKA Pelita Brunei

# SENTUHAN KASIH

CERPEN

چرفين

OLEH
EDA SYAKIDA

DI JENDELA yang terbuka luas, ia melemparkan pandangan ke kawasan tanah lapang, yang dulunya hutan rimba dan bukit bukau, kini menjadi tanah yang rata dan juga luas. Tercium bau masakan Mak Usunya. Segera ditutupkan jendela dan melangkah pantas ke dapur.

Dari belakang Mak Usunya, ia menegur, "Sedap baunya!"

"Eh...Amirah, terkejut Mak Usu."

Amirah tersengih saja.

"Senang hati nampak?"

"Tak adalah Mak Usu..." Amirah cuba menafikan. Kerana kesibukkan memasak, Mak Usu tak dapat membaca riak wajah Amirah. Sesekali Amirah turut membantu sambil bergurau. Neneknya muncul tiba-tiba entah dari mana.

"Hai Nek..." Amirah memang suka mengusik neneknya. Kerana kekejutan nenek melatah.

"Budak ni....."

Amirah tertawa senang. Begitulah tabiatnya, selagi nenek tidak membalas sapaan ataupun guraunya selagi itu ia akan mengusik. Amirah sedang bercuti dua bulan. Dan ia memilih tempat neneknya saja untuk menghabiskan waktu bercuti. Lagipun ia jarang juga ke rumah nenek.

Keesokan harinya, Amirah lambat bangun. Kelihatan sarapan pagi sudah tersedia, dan dia seorang saja di rumah. Nenek seperti biasa pergi ke kebun dan Mak Usu pula pergi kerja. Amirah berhasrat untuk masak istimewa hari itu. Entah kenapa tiba-tiba dadanya rasa sakit seketika.

"Assalamualaikum.... assalamualaikum..."

Kedengaran orang memberi salam dari halaman rumah. Pantas ia menjenguk siapa gerangannya.

"Tumpang tanya, ini rumah nenek Sarimah?" Seorang pemuda tampan berdiri di depan anak tangga.

"Er...iya kenapa?" Amirah bertanya balik.

"Nenek ada tak?" Suaranya garau dan serak tapi lembut menusuk ke gendang telinganya.

"Er...dia ke kebun..."

Perasaan malu menyelubungi dirinya.

"Oh...saya...er...boleh jumpa Nenek?"

Matanya tepat memandang Amirah yang masih tercegat di ambang pintu.

"Boleh, kejap ya..." Pantas ia menuruni anak tangga dan melangkah cepat ke kebun sambil berlari anak. Fikirannya ligat meneka siapakah gerangan pemuda itu dan apa hajatnya.

"Nek!..Nek!.." Amirah melaung dari jauh setelah melihat nenek bersandar di pokok jati.

"Mirah! Apa hal ni?" Nenek terkejut dengan kedatangan Amirah.

"Ada ..... ada orang nek!"

"Ada orang? Kalau ia pun bertenanglah dulu."

Amirah masih tercungap-cungap dan mula menarik nafas.

"Ada pemuda Nek.." belum sempat meneruskan ucapannya, nenek ketawa pula. Seolah-olah lucu pula.

"Alah Nenek ni, belum Mirah habis cakap dah nak usik pula," Amirah memuncungkan mulutnya macam budak-budak.

"Yalah, pemuda tu kenapa?" Nenek masih lagi tertawa kecil.

"Nak jumpa nenek."

"Nak....nak jumpa Nenek?" Nenek terkejut. Hai apa tuah nenek hari ni ye Mirah?" Masih lagi bernada guruan. Amirah cuma membisu.

"Marilah!"

Bila mereka sampai di perkarangan rumah, lantas pemuda itu memberi salam.

"Assalamualaikum nek, apa khabar? Masih kenal dengan Syafiq?"

Seketika nenek membisu.

"Oh...Syafiq...waalaikumusalam, eh kenapa tak naik tadi?" Nenek nampak mesra dengan pemuda bernama Syafiq itu.

"Tak apalah Nek, lagipun Fiq tunggu nenek tadi dan..." percakapannya tidak diteruskan kerana matanya melirik pada Amirah.

Nenek mula sedar seorang lagi cucunya yang berdiri di belakangnya.

"Oh yah, Mirah...ni abang Syafiq kau. Anak Pak Tua kau di Temburong itu," nenek memperkenalkan mereka.



"Hah, Fiq, ni pula Amirah, adik sepupu kau. Anak Pak Tua kau di Tutong pula."

"Oh...Amirah, tak sangka ye dah besar panjang...emm...cantik pula tu."

Wajah Amirah berubah. Perasaan malu bertukar geram.

"Mestilah, ingat kita ni anak patung ke!"

Syafiq tertawa lucu.

"Ah...sudahlah tu. Baru jumpa dah nak gaduh pula...hai...apalah jadi dengan cucu-cucu aku ni!"

**SELEPAS menikmati minuman tadi, ia menyusuli Amirah untuk mengucapkan terima kasih. Tiba-tiba dari bilik dapur ia terdengar orang menangis, lantas mencari siapakah gerangannya. Pintu bilik dibuka.**

Terledaklah ketawa mereka.

"Oh yah, emak dan ayah kirim salam pada nenek dan juga Mak Usu."

"Waalaikumusalam," sahut nenek senang.

Amirah sudah naik mendahului mereka. Lepas mandi dia terus melakukan kerja dapur. Bila semuanya beres, mereka pun makan tengah hari.

Kebetulan hari itu Mak Usu balik awal. Katanya ada firasat menyuruhnya balik awal. Amirah dan syafiq ketawa gembira. Begitu juga Nenek.

Suasana tambah gamat dengan kelakuan Syafiq yang suka melucu dan bergurau. Lebih-lebih lagi dengan Amirah. Mukanya sentiasa merah padam dengan usikkan Mak Usu dan Syafiq.

Sudah hampir sebulan Syafiq menetap di sana. Kebetulan Syafiq ditugaskan di daerah neneknya tinggal. Jadi untuk kemudahan Syafiq sendiri, neneknyalah meminta Syafiq menumpang di situ. Mulanya Syafiq agak keberatan, tetapi bila difikirkan, baik juga.

Suasana petang memang menyeronokkan. Amirah begitu asyik menyiram bunga halaman.

"Hai...asyik nampak!"

Teguran itu membuat Amirah terkejut. Dan tiba-tiba penyakitnya menyerang lagi. Tapi ia tak berani memandang Syafiq.

"Marah?...Bilakah agaknya cucu-cucu nenek nak berbaik-baik..."

Amirah tahu Syafiq cuma bergurau, tapi kadang-kadang Amirah geram dengan tingkah Syafiq. Dia cuba berlagak biasa. Lagipun dadanya terasa sakit. Namun dia tetap bersikap biasa juga.

"Alah...makin lama makin manislah Mirah macam tu," Syafiq tak henti-henti mengusik lagi. Amirah tetap membisu.

"Tolong cuci tangan Mir," Amirah hanya menghulurkan muncung hos paip tanpa suara juga.

"Mir...boleh tolong abang tak? Er...kalau ia pun takkan nak tunduk aje. Tak sudikah tengok muka abang yang cantik ni."

Bermacan-macam gaya Sayfiq cuba menarik perhatian tapi Amirah tetap macam biasa selah-olah tiada orang di sisinya.

"Buatkan abang air limau?" Pertanyaan itu membuat Amirah tersentak sekali lagi.

Tak kuasa lagi ia melayan usikan pemuda itu, lantas masuk ke rumah. Tak lama kemudian ia muncul membawa air limau.

"Ni dia saudara yang kacak...," katanya penuh dengan geram.

"Hai...dah lama abang di sini, masih juga Mir panggil abang saudara? Kenapa takut gigi Mir tanggalkah?"

Usikkan itu menambah sakit di hatinya.

"Cik abang...kalau nak air limau ni, tolong cepat sikit...Mir banyak kerja lagi!" Keras sikit suaranya. Pun begitu ia menahan malu juga.

LIHAT MUKA 5

DARI MUKA 4

"Hah ... macam tulah adik abang yang manis, kan tak tercabut gigi Mir," ujarnya sambil menyambut minuman dan mengenyetkan mata.

Aminah berlari masuk semula. Dan sempat ia berpaling memandang Syafiq, dijelirkan lidah macam budak kecil. Syafiq tercegat melihat telatah Amirah. Dia tersenyum senang.

Selepas menikmati minuman tadi, ia menyusuli Amirah untuk mengucapkan terima kasih. Tiba-tiba dari bilik dapur ia terdengar orang menangis, lantas mencari siapakah gerangannya. Pintu bilik dibuka terdengar orang menangis, lantas mencari siapakah gerangannya. Pintu bilik dibuka.

"Mir? ... Kenapa Mir?" Rupanya Amirah.

"Tolong Mir bang," nafasnya tercungap-cungap sambil menekan dada. Tiba-tiba Amirah terus terkulai di pangkuannya.

"Mir! Mir! Mak Usu! Nek... Nek... Nek!!"

Syafiq kebingungan.

"Nek! Mak Usu!"

Teriakkan Syafiq menyebabkan nenek dan Mak Usu terus mendapatkannya. Mereka rupanya di belakang rumah.

"Ada apa Syafiq? Ya Allah! Mirah, kenapa ni?"

Mereka turut terkejut dengan keadaan Amirah.

"Entah nek. Syafiq tak tahu. Cepat kita bawa ke hospital, Mak Usu," melihat keadaan Amirah, nenek tak dapat menahan perasaan sedihnya.

Di hospital Amirah terus dirawat di wad kecemasan. Hari sudah agak malam. Seorang doktor keluar dari wad rawatan. Mereka terus mendapatkannya. Kebetulan Amirah turut diusung keluar. Syafiq pula bercakap dengan tuan doktor.

"Isteri saudara harus rajin makan ubat," kemudian beredar mendapatkan Amirah. Kelihatan Amirah baru hendak sedarkan diri. Syafiq segera mendapatkannya.

"Mir! Mirah!..."

Serentak mereka memanggil nama Amirah.

"Nek! ..." keadaan Amirah masih lemah.

"Alhamdulillah ....." Mak Usu terharu begitu juga nenek dan syafiq. Malam itu nenek yang menjaga Amirah. Sementara itu Syafiq dan Mak Usu balik ke rumah.

Tengah hari keesokannya, giliran Syafiq menjaga pula. Lagipun ia minta cuti dua hari untuk menjaga Amirah.

"Er... isteri saudara sudah pulih. Harap puan rajin-rajin makan ubat." Doktor yang merawat itu pun terus beredar. Hal ini membuat Amirah dalam kebingungan.

"Kenapa doktor tu kata Mir isteri abang?"

Syafiq hanya tersenyum dan merenungnya.

"Mir tanya ni ..." Syafiq tertawa kecil.

"Apa salahnya!... Satu hari nanti Mir jadi isteri abang kan baik..." Ujar Syafiq sambil mencapai tangan Amirah, erat digenggamnya. Amirah tertunduk malu. Tak lama kemudian ayah, emak dan abangnya datang. Amirah terus memperkenalkan Syafiq pada keluarganya.

"Mak, ayah, ni abang Syafiq anak Pak Tua di Temburong tu..."

"Anak Hisyam?" Ayahnya minta kepastian.

"Ya Pak Tua..." ujar Syafiq sopan sambil menyalami mereka.

Mereka terus bercakap dan bergurau. Amirah terhibur, lupa akan sakitnya. Petang itu juga keluarga Amirah balik. Sebelum itu sempat abangnya membisikkan sesuatu pada Syafiq, sambil menjeling pada Amirah. Syafiq mengangguk dan tersenyum.

"Apa abang Mirul bisikkan tu?" Tanya Amirah sebaik saja keluarganya tak kelihatan lagi.

"Tak ada apa-apa."

Amirah memasamkan mukanya.

"Cantiklah Mir macam tu!" Cepat tangan Amirah mencubit.

"Adoi! ... Dah berani nak mencubit yah!"

"Padan muka, tulah suka sangat mengusik,"

"Ah! Macam tulah, kan cantik?"

Belum sempat Amirah mencubit lagi, Syafiq cepat menangkap tangannya. Amirah cuba melepaskan dari genggaman Syafiq, tapi genggamannya terlalu erat. Amirah mengeluh kalah Syafiq senyum kemenangan. Perlahan barulah dilepaskannya tangan Amirah. Pantas tangan Amirah mencubit lagi.

"Adoi..."

Amirah tertawa senang. Seminggu selepas itu Amirah akhirnya keluar dari hospital. Keadaannya sudah pulih. Pagi itu seperti biasa Amirah tinggal seorang diri di rumah. Nenek seperti biasa ke kebun. Mak Usu pergi kerja dan juga Syafiq. Amirah ingin menyudahkan kerjanya secepat mungkin.

Sewaktu hendak mencuci terlebih dulu Amirah memeriksa pakaian Syafiq yang hendak dicuci. Dia terjumpa sekeping kertas. Mulanya tak dipedulikan, tapi hatinya teringin sangat untuk mengetahuinya.

Selesai dibaca, wajahnya pucat. Amirah cuba bertenang, setenang mungkin. Akhirnya ia menangis sedih. Peristiwa itu menyebabkannya murung, beberapa hari. Mulanya Syafiq tak perasaan, tapi melihat keadaan Amirah, Syafiq rasa sesuatu yang tak menyenangkan hatinya.

"Mir, kau sakit lagi?" Tanyanya risau.

Amirah membisu. Hanya Syafiq dan Amirah saja di ruang tamu petang itu.

"Cakaplah Mir ..... Kenapa diam saja? Risau hati abang ....."

Amirah tetap diam.

"Mir marah pada abang?"

"Ya!" Amirah baru bersuara.

Syafiq terkejut. "Apa salah abang Mir?..."

"Abang bersalah sebab merahsiakan penyakit Mir!"

Barulah Syafiq faham.

"Mir ... bukan maksud abang begitu,"

"Habis!...?

"Bila Mir sembuh, barulah abang beritahu Mir ..."

"Bukankah Mir sudah sembuh?"

"Yah ... tapi abang tak sempat beritahu Mir pula," ujar Syafiq sambil tersenyum.

"Kenapa?" Amirah terkejut.

Syafiq tersenyum terus. "Bukankah Mir dah tahu!"

Amirah tertunduk malu. Syafiq menghampirinya.

"Mir ... maafkan abang. Tiada maksud abang merahsiakan hal ini. Abang tak mahu Mir lebih risau lagi. Mir... sebenarnya abang mengasihimu," Amirah terkejut dengan penjelasan Syafiq.

"Abang mengasihi Mir sejak pertama kali kita bertemu. Maafkan abang kiranya hal ini juga membuat Mir lebih risau lagi, abang ... tak bermaksud ..." belum sempat meneruskan ucapannya, Amirah memotong.

"Adakah kasih abang kerana kasihankan diri Mir ini?"

"Tidak Mir, abang menyayangi Mir sepenuh hati."

Mata bertentangan, terlihatlah seia-sekata antara dua insan itu.

Beberapa bulan berlalu Syafiq dan Amirah pun menjadi suami isteri. Amirah menangis kerana terlalu bahagia.

**SELESAI dibaca, wajahnya pucat. Amirah cuba bertenang, setenang mungkin. Akhirnya ia menangis sedih. Peristiwa itu menyebabkannya murung, beberapa hari. Mulanya Syafiq tak perasaan, tapi melihat keadaan Amirah, Syafiq rasa sesuatu yang tak menyenangkan hatinya.**

## PUISI

### BUAH MIMPI

*Dalam sebuah mimpi*
*aku lalu menganyam angan*
*ingin sebuah kemuncak*
*berada di tanganku yang longlai malar*
*betapa agungnya senyumku kelak*
*lantaran cita-cita mengusap rasa*
*memati puja*
*menikam sukma*
*terasa.*

*Pun di dalam sebuah mimpi*
*susun angan tiada menentu*
*kalau begitu nanti jadinya*
*manakan tempua bersarang rendah*
*sirih tak pulang ke ganggang*
*berkecai kaca terungkai rasa*
*aduhai...*
*Benarlah mimpi*
*hanya khayalan dikata orang*
*tetapi ada kalanya jadi kenyataan.*

### MASIH ADA LAGI SENYUMNYA

*Kemarin*
*sebuah senyum telah dikerat nipis*
*pembunuhnya hanya sang kenit*
*lantaran hatinya terlalu marah*
*pada keagungan yang sekian lama menaiki*
*bahtera.*

*Teriakannya menyakiti suka*
*hendak dibantu tangannya tiada berjari*
*kakinya hanya satu berisi angin*
*Mahunya menolong jua*
*hanya dengan teriakan menghalilintar.*

*Hari ini*
*senyum itu sudah kering dipaut darah*
*hanya dalam satu harapan*
*hatinya masih hidup segar mekar*
*meskipun payah menongkah*
*Hidup! Hidup! Hidup!*

*Mari kubalas berkata hati*
*jangan bergerak berungkap kaki*
*sabar itu istana iman bisik sendiri.*

*Sekarang*
*masih jua bisa senyum*
*kandatipun tiada semanis madu*
*Cukup mana yang ada*
*terserah kepada Allah Subhanahu Wataala*
*yang Rahman dan yang Rahim.*

*Sabar*
*masih ada lagi senyumnya.*

**HAJI MARIAT HAJI ABDULLAH.**

### ENGKAU YANG ABADI

*Tidak ada duanya lagi*
*tidak ada yang abadi*
*hanya pada-Mu jua*
*Ya Tuhan*
*Engkau yang dipuja*
*Engkau yang ditakutkan*

*Semalam*
*dan sebelumnya*
*betapa diri khusyuk dalam doa*
*mensyukuri atas nikmat-Mu*
*mentaati ajaran kekasih-Mu*
*yang benar*
*yang suci*
*yang diredai*

*Hari ini*
*dan di sini*
*aku tidak rela berganjak lagi*
*walau di mana-mana*
*dan sampai waktu-waktunya nanti*
*pasti aku*
*akan berhadapan dengan-Mu*

*Ya Tuhan*
*betapa indah nama-Mu*
*betapa besar kuasa-Mu*
*Engkau maha segala*
*Engkau satu-satunya*
*Engkau yang abadi*
*Engkau tempat mengabdikan diri.*

**RAHIM M.S.**

انيكا
ANEKA
Pelita Brunei

سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

# سكيتر ار. تي. بي
# SEKITAR RTB

انتوق بيسكيت
UNTUK BISKITA

## APA PENDAPAT BISKITA

*CARA YANG BAIK LAGI BERKESAN UNTUK MENGEMBANGLUASKAN PENGGUNAAN TULISAN JAWI.*

SYUKUR alhamdulillah kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam yang mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja masih dapat mengekalkan penggunaan tulisan Jawi hingga ke hari ini. Jadi untuk mengembangluaskan penggunaan tulisan Jawi berbagai usaha telah dilakukan supaya tulisan Jawi tetap menjadi imej negara kita, di samping memudahkan rakyat untuk mempelajari dan membaca tulisan Al-Quran tersebut.

Sebenarnya bukan sahaja pihak sekolah yang berperanan membimbing kanak-kanak untuk mengenal huruf-huruf Jawi ini tetapi ibu bapa juga berhak mengajar mereka supaya kanak-kanak akan mudah memahami tulisan Jawi ini sebagai langkah awal sebelum mereka menjejakkan kaki ke bangku sekolah.

Sehubungan dengan itu baru-baru ini Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa penuntut yang akan menduduki peperiksaan PCE dan BJCE akan diwajibkan menjawab sebilangan kertas soalan kertas Bahasa Melayu dalam bentuk tulisan Jawi. Ini adalah salah satu cara yang baik untuk membiasakan penuntut menggunakan tulisan Jawi.

Di samping itu Peraduan Menulis Tulisan Jawi juga patut diadakan selalu bukan sahaja oleh pihak sekolah tetapi juga oleh pihak jabatan kerajaan dan swasta yang melibatkan penyertaan orang ramai agar ramai yang menyedari tulisan Jawi ini amat penting untuk pembacaan dalam sembahyang, Al-Quran, doa-doa, apatah lagi bagi mereka yang hendak memohon jawatan di bidang keagamaan di mana mereka semestinya fasih dalam menggunakan tulisan ini.

Di negara kita tulisan Jawi juga boleh digunakan pada papan-papan tanda sama ada di jalan raya, kedai-kedai, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta serta bangunan-bangunan yang lain di mana cara begini juga mengembangluaskan penggunaan tulisan Jawi kerana orang ramai terutama yang belum begitu fasih menggunakan tulisan Jawi sedikit sebanyak boleh menolong mereka mempelajari dan membaca tulisan tersebut.

Selain daripada itu mediamassa juga tidak ketinggalan menyumbangkan peranannya dalam mengembangkan penggunaan tulisan Jawi ini seperti menggunakan tulisan Jawi pada setiap tajuk rancangan televisyen dan tajuk bahan-bahan cerita dan rencana di majalah dan surahkhabar.

Apa yang penting semangat ingin belajar dan memperdalami lagi bidang tulisan Jawi ini patut wujud di kalangan rakyat Islam Negara Brunei Darussalam.

**Kiriman :**
**Hajjah Rubiah Haji Metali,**
**No : 164 L Kg. Saba Darat 'A'**
**Negara Brunei Darussalam 2483.**

**Tajuk akan datang ialah Bagaimana Membantu Lepasan Sekolah Memasuki Alam Pekerjaan.**

Tarikh tutup : 26 Mei, 1992.

# KUIZ MATEMATIK 1992

ANTARA ilmu kira-kira, ilmu hisab dan matematik ada perbezaannya. Walau macammanapun bagi mengelakkan kekeliruan adalah elok memperkatakan elemen persamaannya. Yang nyata ketiga-tiga jenis ilmu ini amat berkaitan dengan angka.

Sebarang tugas yang mengaitkan bilangan dan angka sudah tentu bersifat logik. Jadi kenapakah kebanyakan penuntut, malah orang dewasa menjauhkan diri dari terbabit dengan angka? Bukankah pada logiknya jika betul menjawab soalan matematik akan mendapat markah penuh (seratus persen) sedangkan bagi menjawab soalan karangan tidak akan memperolehi markah yang sama kerana pendapat dalam karangan itu tertakluk pada banyak pertimbangan.

Di sinilah pentingnya bimbingan supaya dapat ditanamkan dalam pemikiran penuntut bahawa pelajaran matematik itu memberi 'advantage' dibandingkan dengan pelajaran lain.

Di pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan, pembelajaran matematik ini diberi perhatian dan tumpuan yang berat. Untuk sama-sama merangsang supaya lebih ramai lagi penuntut mendampingi pelajaran ini maka tahun 1990 telah diisytiharkan sebagai Tahun Pemikatan Matematik. Banyak kegiatan telah dilaksanakan termasuk kuiz yang disiarkan melalui perkhidmatan televisyen.

Melalui Rancangan Kuiz Matematik 1992 ini kelak akan terimbas kembali usaha Kementerian Pendidikan menjadikan tahun 1990 sebagai Tahun Pemikatan Matematik yang mana ini telah dijelaskan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam ucapan pembukaan rasmi Persidangan Pendidikan Matematik Asia Tenggara Kali Ke-5.

Gambaran bahawa pelajaran matematik itu merupakan satu subjek yang susah mungkin terbit dari salah anggapan dan kurangnya dedahan teknik mempelajarinya. Matematik tidak terhad pada soal campur, tolak, darab, dan bahagi. Jika dikembangkan dengan pelbagai methodologi matematik merupakan subjek yang boleh menggembirakan dan disukai. Lihat saja nanti isi Kuiz Matematik 1992.

Dalam bentuknya yang sedia ada, format menyoal secara kuiz ini memudahkan para pendengar dan penonton mengikutinya. Bersama dengan penuntut yang menjadi wakil sekolah masing-masing, kita juga sebagai penonton boleh mencuba keupayaan kita dalam menjawab soalan-soalan yang diajukan. Gambarajah, data maklumat, sifir dan formula boleh dijadikan dasar pengiraan.

Dalam dunia sekarang kita akan terasing kalau tidak pandai menggunakan angka. Dari semudah kita berbelanja di pasar, berekreasi, menghitung putaran larian keliling padang, berangan-angan mengira bintang di langit, menunggu tarikh pembayaran gaji hinggalah pada soal kompleks pasaran saham, merangka belanjawan dan merumus dasar kewangan', semuanya menghendaki pengetahuan matematik.

Kuiz Matematik 1992 yang disiarkan melalui siaran televisyen akan sampai pada puncaknya pada 23 Mei, 1992 yang mana siarannya dijangkakan pada 7 Ogos, 1992.

Sebanyak tujuh buah rancangan telah dirakam dalam mana penonton dapat menyaksikan kebijaksanaan dan kebistarian para pelajar. Sekolah manakah yang paling bijak bistari? Sama-samalah kita menggunakan matematik untuk membuat perangkaan masing-masing.

Selamat maju jaya.

# DADAR JAGUNG




**Bahan-bahannya:**

2 biji jagung
1 biji telur ayam
½ cawan tepung gandum
½ sudu teh garam
½ sudu teh gula
½ sudu teh serbuk lada hitam
1 biji cili merah (dihiris halus)
1 tangkai daun sop/bawang (dihiris)
1 biji bawang besar (dicincang)
2 helai daun temu kunci (dihiris)
Minyak untuk menggoreng

**Cara Membuatnya :**

1. Jagung diparut.

2. Di dalam sebuah bekas, campurkan jagung, telur, tepung gandum, garam, gula, lada hitam, cili, daun sop/-bawang, bawang dan daun temu kunci. Kacau hingga rata.

3. Panaskan minyak di kuali. Ambil sesudu besar adunan jagung dan goreng di minyak yang panas. Goreng hingga habis.

4. Hidangkan ketika masih panas lagi bersama nasi, sos dan sayur-sayuran.

# CUCUR UDANG

**Bahan-bahannya :**

½ kg udang yang besar
6 sudu besar tepung jagung
1 sudu teh garam
½ sudu teh lada putih
2 biji telur (asingkan putih dan merahnya)
3 sudu besar air
Minyak untuk menggoreng

**Cara membuatnya :**

1. Bersihkan udang, buang kepala dan kulit tapi tinggalkan ekornya. Cuci lalu toskan.

2. Di dalam sebuah bekas, campurkan tepung, garam, lada putih. Tuangkan air dan kuning telur. Kacau hingga rata. Ketepikan dan biarkan kira-kira 20 minit.

3. Pukul putih telur di dalam mangkuk yang berasingan hingga ia ringan. Tuangkan ke dalam adunan tepung lalu dikacau rata.

4. Panaskan minyak di kuali, celupkan udang satu persatu ke adunan tepung lalu digoreng hingga kekuningan.

5. Hidangkan ketika masih panas lagi bersama sos dan ulam timun dan tomato.

## NYA NINI . . .

# MENGHILANGKAN GATAL-GATAL DI BADAN

BOLEH jadi ada di antara awda terutama kaum ibu yang mengalami anak-anaknya berpenyakit gatal-gatal. Penyakit ini memang membosankan. Makin digaru makin terasa tidak puas, akhirnya akan berdarah.

Cara mengatasinya dalam ubat tradisional memang ada. Bahannya juga tidak terlalu sukar untuk dicari. Ambillah belerang secukupnya. Haluskan hingga menjadi semacam habuk. Dicampurkan dengan telur yang sudah dikocak lalu dijadikan telur goreng dadar.

Setelah masak angkatlah dan jadikan hidangan sebagai lauk ketika makan nasi. Dengan pertolongan Allah, gatal-gatal itu akan hilang. Sila mencuba petua ini.



Sentiasa Bersama Biskita

# مناريق ميڠڬو اين
# MENARIK MINGGU INI

## RAMPAI PAGI

### HARI JUMAAT

RANCANGAN Rampai Pagi akan menemui awda dengan bahan-bahan yang menarik seperti :

a. Unit Petroleum
b. Restoran Selera Kampung
c. Pesta Pantai
d. Kasuba Kuih Asli Brunei
e. Laporan Dari Jeddah dan Mekah

Jangan lupa untuk bersama Rampai Pagi pada 22 Mei, 1992 hari Jumaat jam 8.30 pagi.

### HARI AHAD

BEBERAPA bahan yang menarik akan diutarakan dalam rancangan Rampai Pagi.

a. Siaran Langsung Sukan Ria
b. Soal Jawab Mengenai Dengan Penyakit Jantung
c. Kuiz Telefon
d. Novel-novel Mutakhir Brunei Darussalam.

Ikutilah rancangan ini pada 24 Mei, 1992 hari Ahad jam 8.30 pagi.

## LIPUTAN SEMASA

**Jumaat 22 Mei**
SEMINAR Mengenai On VSAT Applications.

**Isnin 25 Mei**
PAMERAN Kerjaya.

**Rabu 27 Mei**
PELANCARAN Hari Kesihatan Sedunia.



## TETAMU SUKAN

BAGAIMANAKAH perkembangan sukan di negara kita dalam tahun 50-an membawa ke tahun 60-an. Dan bagaimana pula pencapaian pasukan kita ketika menyertai kejohanan sukan di luar negeri?

Inilah yang akan dijelaskan oleh Tetamu Sukan minggu ini, Cikgu Husain bin Zainal salah seorang yang mengikuti perkembangan sukan di samping seringkali menjadi pegawai (ketua rombongan) apabila pasukan kita berada di luar negeri.

Cikgu Haji Husain bin Zainal berdiri sebelah kiri sekali ketika menjadi pengurus pasukan Brunei di kejohanan sekolah-sekolah Asia ke-5 di Manila dalam tahun 1974. (gambar atas)



TAYANGAN gambar Inggeris 'Moving' akan ditayangkan pada hari Ahad 24 Mei, kira-kira jam 11.00 pagi.

## LAPORAN DARI TANAH SUCI

**RADIO:**

Tiap-tiap hari jam : 5.00 petang.
Jumaat dan Ahad dalam Rancangan Selamat Pagi jam 9.00 pagi.

**TV:**

Tiap-tiap Rabu selepas siaran Sudut Pelita.

JUMAAT, 22 MEI

## FRESH PRINCE OF BEL AIR

**'Bid The Earth Move For You'**

**(10.05 malam)**

SIRI komedi yang menarik ini kembali lagi menemui awda bagi musim kedua dan akan dapat ditonton setiap hari Jumaat kira-kira jam 10.05 malam. Dalam episod pertama siri ini gempa bumi yang terjadi telah menyebabkan beberapa perkara yang aneh terjadi ke atas keluarga Will.

## MARI BELAJAR HADRAH

MARI Belajar Hadrah seperti biasa akan disiarkan pada hari Ahad 24 Mei jam 8.15 pagi.



TAYANGAN gambar Inggeris 'In The Line Of Duty : The Twilight Murders' ditayangkan menerusi televisyen Brunei pada hari Khamis 21 Mei, jam 9.30 malam.

ISNIN, 25 MEI

## SURVIVAL 'Strictly For The Birds'

**(5.05 petang)**

FILEM mengenai hidupan liar yang difilemkan oleh jurugambar Survival di setiap benua yang menggambarkan beribu-ribu burung dari yang kecil sehingga yang besar.



SIRI komedi bertajuk Fresh Prince Of Bel Air akan awda saksikan tayangannya pada hari Jumaat 22 Mei jam 10.05 malam.

# Tirai Keluarga تيراي کلوارݢ

AHAD, 24 MEI (8.00 MALAM)

## PANGLIMA LAYAR

MENGISAHKAN seorang lelaki yang bernama Panglima Layar yang menggelarkan dirinya sebagai raja di sebuah pulau. Setiap pendatang di pulau itu akan dikenakan bayaran dan siapa yang engkar akan dibunuh.

Pelakon yang menjayakan cerita ini terdiri dari Yusof S., Latif Borgiba, Sham Gulthom, Aziz Abdullah, Nasir Haslam, Osman Salleh dan Idris Bahar.

# Mustika Silam مستيک سيلم

SABTU, 23 MEI (8.00 MALAM)

## 'RACUN DUNIA'

AMINAH dan Jamal telah mendirikan rumahtangga selama enam tahun dan mendapat seorang anak. Mereka hidup dalam bahagia. Tapi kebahagiaan mereka mula kacau bila Jamal berkahwin lagi dengan Aisah. Apakah tindakan yang diambil oleh Aminah bila mengetahui Jamal berkahwin lagi dengan Aisah? Siapakah dia Aisah?

Pelakon : Kasmah Booty, Siput Sarawak, Osman Gumanti, Jaafar Wiryo, P. Ramlee, Siti Tanjung Perak dan A.R. Tompel.

انيكا ANEKA Pelita Brunei

RTB
سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

# سوسونن رنچاڠن تيليۏيشن
# susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar masa-masa jua rancangan

## سروان سوچي
## Seruan Suci

*(20 Mei)*
Tajuk : Qiamullail.
*(21 Mei)*
Tajuk : Peraturan Poligami Dalam Islam.
*(22 Mei)*
Tajuk : Wanita Saleha dan Ciri-Cirinya.
*(23 Mei)*
Tajuk : Bakti Anak Terhadap Kedua Ibu Bapa.
*(24 Mei)*
Tajuk : Sikap Baik Terhadap Tetangga.
*(25 Mei)*
Tajuk : Kelebihan Basmallah — Bhg. I.
*(26 Mei)*
Tajuk : Kelebihan Basmallah — Bhg. II.

## عمالن ٢ سنة
## Amalan-Amalan Sunat

*(21 Mei)*
Tajuk : Zikir/Doa Pada Hari Jumaat.
*(22 Mei)*
Tajuk : Doa/Zikir Menghindari Dan Menolak Bala Bencana.
*(23 Mei)*
Tajuk : Doa Apabila Ditimpa Kesusahan.
*(24 Mei)*
Tajuk : Zikir Ketika Menghadapi Kesukaran.
*(25 Mei)*
Tajuk : Doa Masuk Tandas (Bilik Air).
*(26 Mei)*
Tajuk : Doa Keluar Tandas.
*(27 Mei)*
Tajuk : Doa Ketika Takut Atau Terkejut.
*(28 Mei)*
Tajuk : Bacaan Memudahkan Membayar Hutang.

## SIRI PILIHAN

### LITTLE ROSEY
*(24 Mei, jam 5.55 petang)*

SIRI animasi yang membawa penonton terutama kanak-kanak ke dalam dunia koboi, lampu ajaib, lanun, dinosaur, gergasi, superhero dan kapal angkasa. Dunia Little rosey.

### MCGYVER
*(26 Mei, jam 7.20 malam)*

MACGYVER dengan tidak senghaja terlibat dalam utusan FBI/CIA di mana Abe telah mencuri sebuah helikopter untuk menggoda Marcel Peugot, presiden St. Rochelle. Bila mengetahui akan kejahatan yang dilakukan oleh Peugot MacGyver membantu Abe menangkap Peugot untuk dibawa ke muka pengadilan.

## RABU 20 MEI

**PETANG**

4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 TALESPIN
4.40 THE WINJIM POM (Episod Akhir)
5.05 WISHKID 'Love At First Wish'
5.30 HOGAN FAMILY 'California Dreaming' Bhg II
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 HOGAN FAMILY — Sambungan
6.00 WILDLIFE ON ONE 'Dragon And The Damsel'
6.00 WIDGET 'Rock 'N' Roll Widget'
6.28 AZAN MAGHRIB
6.33 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.45 SERUAN SUCI 'Qiamullail' Bahagian II

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 DILUPA JANGAN 'Selambut Sutra'
7.42 AZAN ISYAK
7.47 DILUPA JANGAN — Sambungan
8.30 WARTA BERITA
9.05 SUDUT PELITA
9.10 LAPORAN DARI TANAH SUCI
9.25 LIPUTAN SEMASA
9.45 HERMAN'S HEAD 'Lies, Lies, Lies'
10.15 HUNTER
11.15 BOXING UNDERCUT MATCHES
12.35 DOA
12.45 SIARAN TAMAT

## KHAMIS 21 MEI

**PETANG**

4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 SESAME STREET
5.10 DISNEY'S ADVENTURES OF THE GUMMI BEARS 'May The Best Princess Win'
5.35 TORKELSONS 'Return To Sender'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 TORKELSONS — Sambungan
6.00 WILDLIFE ON ONE 'Dragon And The Damsel'
6.28 AZAN MAGHRIB
6.33 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.42 SERUAN SUCI 'Peraturan Poligami Dalam Islam'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 HIDAYAT
7.42 AZAN ISYAK
7.47 HIDAYAT — Sambungan
8.00 SURAH YAASIIN
8.30 WARTA BERITA
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.30 WAYANG PILIHAN 'In The Line Of Duty : The Twilight Murders'
11.00 UEFA CHAMPION CLUBS CUP FINAL 'Sampdoria Vs Barcelona'
12.00 DOA
12.40 SIARAN TAMAT

## JUMAAT 22 MEI

**PAGI**

8.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
8.02 AL-QURAN
8.12 SUSUNAN RANCANGAN
8.15 STORY WORLD
8.30 RAMPAI PAGI (Siaran Langsung)
9.30 THE NEW ADVENTURES OF THE BLACK BEAUTY
9.55 CERAMAH JUMAAT
10.25 SEKITAR HAL EHWAL AGAMA
11.00 THE ARABS 'Th City Victorious?'
11.30 WARTA BERITA
11.40 NEON RIDER 'Running Man'
12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BSB (Siaran Langsung)

**PETANG**

1.30 BIMBINGAN ISLAM
1.45 SUSUNAN RANCANGAN
1.50 SUKAN DUNIA
2.50 NADASARI — Ulangan
3.25 CAMP CANDY
3.40 AZAN ASAR
3.45 CAMP CANDY — Sambungan
3.55 DARKWING DUCK
4.20 STARSTREET ANIMATION
4.45 ASEAN DOCUMENTARY 'Indonesia Musical Instruments' — The Sound Of Wind and Trees
5.15 FULL HOUSE 'Baby Love'
5.40 MARI BELAJAR MENGAJI
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MARI BELAJAR MENGAJI — Sambungan
6.00 THE CHANGING CITY 'Surabaya — From Kampong To Subsidised Housing'
6.28 AZAN MAGHRIB
6.32 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.42 SERUAN SUCI 'Wanita Saleha dan Ciri-Cirinya'.

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 DRAMA
7.43 AZAN ISYAK
7.48 DRAMA — Sambungan
8.30 WARTA BERITA
9.00 KHUTBAH JUMAAT
9.15 LIPUTAN SEMASA
9.35 DOCUMENTARY — 360 DEGREES 'Western Samoa'
10.05 FRESH PRINCE OF BEL AIR
10.35 GOLD
11.25 DOA
11.35 SIARAN TAMAT

## SABTU 23 MEI

**PETANG**

4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 SESAME STREET
5.05 PIRATES OF DARK WATER 'A Drop Of Darkness'
5.30 A DIFFERENT WORLD
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 A DIFFERENT WORLD — Sambungan
6.00 ATTACK OF THE KILLER TOMATOES
6.28 AZAN MAGHRIB
6.33 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.45 SERUAN SUCI 'Bakti Anak Terhadap Kedua Ibu Bapa'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 BREAKTHROUGHS 'A Friend Indeed'
7.43 AZAN ISYAK
7.48 BREAKTHROUGHS — Sambungan
8.00 MUSTIKA SILAM 'Racun Dunia'
8.30 WARTA BERITA
9.00 MUSTIKA SILAM — Sambungan
10.00 PERFECT STRANGERS 'Block Widow'
10.30 LIFE GOES ON 'Isn't It Romantic?'
11.20 POWER BOAT RACING 'Russian Grand Prix'
11.50 DOA
11.55 SIARAN TAMAT

## AHAD 24 MEI

**PAGI**

8.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
8.02 AL-QURAN
8.12 SUSUNAN RANCANGAN
8.15 MARI BELAJAR HADRAH
8.30 RAMPAI PAGI (Siaran Langsung)
9.30 CHILDREN'S WARD
10.00 ZORRO 'Her Apparent'
10.30 CHALLENGE 'Antartica Challenge'
11.00 SUNDAY MATINEE 'Moving'

**TENGAH HARI**

12.00 BERITA TENGAH HARI
12.15 SELINGAN
12.19 AZAN ZUHUR
12.24 SUNDAY MATINEE — Sambungan
12.55 SUSUNAN RANCANGAN

**PETANG**

1.00 ENGLISH SOCCER 'Liverpool Vs Leeds'
1.50 ADVENTURES OF SHERLOCK HOLMES 'The Norwood Builder'
2.40 TAYANGAN GAMBAR 'Goldenrod'
3.42 AZAN ASAR
3.47 TAYANGAN GAMBAR — Sambungan
4.15 FUN HOUSE
4.40 TOTALLY HIDDEN VIDEO
5.10 RENCANA TEMPATAN — Warisan 'Nyiru'
5.35 WHO'S THE BOSS 'Days Of Blunder'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 WHO'S THE BOSS — Sambungan
5.55 LITTLE ROSEY — Siri Baru
6.28 AZAN MAGHRIB
6.33 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.45 SERUAN SUCI 'Sikap Baik Terhadap Tetangga'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 MARI MEMASAK 'Cucur Udang dan Dadar Jagung'
7.43 AZAN ISYAK
7.46 MARI MEMASAK — Sambungan
8.00 TIRAI KELUARGA 'Panglima Layar'
8.30 WARTA BERITA
9.00 TIRAI KELUARGA — Sambungan
10.00 SUDUT ASIA
10.30 TRUE COLORS
10.55 CHINA BEACH 'You Babe'
11.45 DOA
11.55 SIARAN TAMAT

## ISNIN 25 MEI

**PETANG**

4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 THE ADVENTURES OF DYNAMO DUCK
4.40 SCHEME OF THINGS 'Our Biggers Backyard'
5.05 SURVIVAL 'Strictly For The Birds'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 DOCUMENTARY — Sambungan
6.05 ALFRED J. KWAK
6.28 AZAN MAGHRIB
6.33 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.45 SERUAN SUCI 'Kelebihan Basmalah' Bhg I

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 L.A. LAW
7.43 AZAN ISYAK
7.48 L.A. LAW — Sambungan
8.30 WARTA BERITA
9.05 LIPUTAN SEMASA
9.25 FAMILY MEDICAL CENTER 'Mistaken Retardation'
9.50 TAYANGAN GAMBAR 'Lies Before Kisses'
11.20 DOA
11.30 SIARAN TAMAT

## SELASA 26 MEI

**PETANG**

4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 WONDERFUL WIZARD OF OZ 'Escape From Mombi'
4.40 GRUEY
5.05 MIGHTY MOUSE AND FRIENDS
5.35 MEDICINAL DRUGS 'Vitamins — Do they Gurantee A Long Life?'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MEDICINAL DRUGS — Sambungan
6.00 PETER PAN AND THE PIRATES
6.28 AZAN MAGHRIB
6.33 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.45 SERUAN SUCI 'Kelebihan Basmalah' Bhg II

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 MACGYVER 'Honest Abe'
7.44 AZAN ISYAK
7.49 MACGYVER — Sambungan
8.30 WARTA BERITA
9.05 REKASENI 'Bunga Daripada Kain Net'
9.35 ARENA SUKAN
10.35 JUST FOR THE RECORD
11.30 DARK JUSTICE 'Urban Renewal'
11.50 DOA
12.00 SIARAN TAMAT

سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

# سوسونن رنچاڠن راديو
# susunan rancangan RADIO

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

## BAHAGIAN MELAYU

### RABU, 20 MEI

**PAGI:** 10.15 Varia Peristiwa; 11.00 Kugiran Tanahair; **PETANG:** 1.00 Sudut Pelita; 1.30 Sudut Hobi; 3.15 Tetamu Radio (SU); **MALAM:** 7.00 Gema Pembangunan (SU); 8.15 RTB Minggu Ini (SU); 8.30 Lagu-Lagu ASEAN (SU); 9.00 Permintaan Salam Mesra.

### KHAMIS, 21 MEI

**PAGI:** 10.15 Tahukah Awda (SU); 11.00 Senandung Melayu; **PETANG:** 3.15 Majalah Agama; **MALAM:** 7.00 Bacaan Surah Yaasiin; 8.30 Nur Islam; 9.00 Belia (SU); 9.30 Ashbabun Nuzul.

### JUMAAT, 22 MEI

**PAGI:** 10.15 Soalan Di Udara/Apa Pendapat Biskita; 10.30 Salam Muhibah RTB/RTM; 11.30 Jendela Masyarakat; 11.45 Nada Pedoman; **T/HARI:** 12.15 Bacaan Al-Quran Antarabangsa; 12.30 Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat; **PETANG:** 2.00 Majalah Agama (SU); 2.30 Liwa Ul-Islam; 2.45 Terkenang Semasa Dulu; 3.15 Kemusykilan Agama; 4.00 Nur Islam (SU); 4.30 Lagu-Lagu ASEAN; 5.00 Drama; 5.45 Suntingan Khutbah Jumaat; **MALAM:** 7.00 Melodi Si Alai (SU); Senandung Melayu (SU); 8.15 Ruangan Kitani (SU); 8.45 Ashbabun Nuzul; 9.30 Bangsawan Di Udara (SU).

### SABTU, 23 MEI

**PAGI:** 10.15 Soalan Di Udara/Apa Pendapat Biskita (SU); 10.30 Rampaisari; **PETANG:** 1.30 Bimbingan Kerjaya; 3.15 Citra Irama; 5.45 Liwa Ul Islam (SU); **MALAM:** 7.00 Muzika Tanahair; 8.15 Permintaan Malam Minggu; 9.00 Senandung Malam.

### AHAD, 24 MEI

**PAGI:** 10.15 Sukan Dunia; 10.30 Taman Mekar; 11.00 Pujaan Sukaramai; 11.30 Gema Pembangunan; **T/HARI:** 12.00 Sandiwara Radio; **PETANG:** 1.00 Permintaan Dua Stesen; 2.00 Ehwal Semasa; 12.15 Tetamu Radio; 3.15 Serbaneka Hiburan; 4.00 Jendela Masyarakat (SU); 4.15 Hubungan Muhibah RTB/RRI; 4.30 Muzika Tanahair (SU); 5.00 Arena Sukan; **MALAM:** 7.00 Data Ekonomi; 8.15 Terkenang Semasa Dulu (SU); 8.30 Nada Pedoman (SU); 9.00 Hiburan Selekta Malam.

### ISNIN, 25 MEI

**PAGI:** 10.15 Majalah Wanita; **PETANG:** 1.30 Tetamu Sukan; 2.15 Sudut Hobi; 3.15 Pembangunan Masyarakat/Ulasan Buku; **MALAM:** 7.00 Arena Sukan (SU); 8.15 Bimbingan Kerjaya (SU); 8.30 Kemusykilan Kerjaya (SU); 9.00 Serbaneka Hiburan (SU); 9.30 Citra Irama (SU).

### SELASA, 26 MEI

**PAGI:** 11.00 Taman Mekar (SU); **PETANG:** 1.15 Sekitar Daerah; 1.30 Tahukah Awda; 3.15 Bangsawan Di Udara; **MALAM:** 7.00 Belia; 8.30 Kugiran Tanahair; 9.00 Sandiwara Radio (SU); 9.30 Mari Berpantun.

### RANCANGAN HARIAN

**PAGI :** 4.33 Bacaan Al-Quran; Tarhim/Azan Subuh; Suntingan Khutbah Jumaat (Sabtu); Surah Ar-Rahman (Ahad) Surah Al-Mulk (Isnin) Surah Al-Waqiah (Selasa) Surah As-Sajadah (Rabu) Surah Ad-Dukhan (Khamis) Surah Yaasiin (Jumaat); 5.30 Kuliah Subuh; 6.05 Sinaran Wahyu; 6.35 Menuju Keredaan Allah; 6.45 Berita Perdana; 6.57 Suntingan Hidayah; 7.00 Rampai Pagi/Selamat Pagi (Jumaat dan Ahad), Brunei Kita; Maklumat Paras Air; Berita Sukan, Catatan Radio; Laporan Dari Belait; Bahasa Arab; 8.00 Berita; Menuju Kesempurnaan Ibadat (dalam Rampai Pagi); 9.00 Pilihan Pendengar (kecuali Jumaat dan Ahad); 9.15 Ehwal Semasa/Sekitar Daerah (setiap Selasa); 10.00 Berita; 10.30 Permintaan Sukaramai (kecuali Jumaat dan Ahad); 11.30 Sukma Ria (kecuali Jumaat dan Ahad) Amalan-amalan Sunat (selepas azan Zuhur); **T/HARI :** 12.45 Berita (Berita hari Jumaat jam 1.45 petang); **PETANG :** 1.15 Ehwal Semasa/Sekitar Daerah (setiap Selasa); 2.00 dan 2.30 Pilihan Pujaan Lama (kecuali Jumaat dan Ahad); 3.00 Berita; 4.00 Rampai Petang (kecuali Jumaat dan Ahad); 5.30 Berita Perdana/Bahasa Arab Di Radio (kecuali Jumaat dan Ahad); 6.00 Amalan-amalan Sunat (SU); **MALAM :** 7.30 Menuju Kesempurnaan Ibadat (SU)/ Amalan-amalan Sunat (selepas azan Isyak); 8.00 Berita; 10.10 Bacaan Al-Quran.

**DENGARKAN Radio Brunei Bagi Panduan Keselamatan Jalan Raya "Permulaan Hari Awda Jangan Disudahi Dengan Kedukaan dan Sesalan : Pandu Cermat Jiwa Selamat."**

## BAHAGIAN TIONGHOA

### RABU, 20 MEI

**PAGI:** 10.00 — Drama Radio; 10.30 — Kehidupan dan Kesihatan (SU); **PETANG:** 6.00 — Liputan Nasional Radio.

### KHAMIS, 21 MEI

**PAGI:** 9.30 — Mengenal Islam — Ulangan; 10.00 — Wanita dan Keluarga; **PETANG:** 6.00 — Kebersihan dan Perubatan.

### JUMAAT, 22 MEI

**PAGI:** 10.00 Drama Radio; 10.30 Mimbar Hadis ; **PETANG:** 5.15 — Mengenal Islam; 6.00 — Perspektif U.N.

### SABTU, 23 MEI

**PAGI:** 10.00 — Wanita dan Keluarga. **PETANG:** 6.00 — English By Radio 'Follow Me'.

### AHAD, 24 MEI

**PAGI:** 10.00 — Penyelidikan Mengenai Haiwan; 10.15 — Dunia Belia; **PETANG:** 5.00 — Sudut Kanak-kanak; 6.00 — Sains dan Teknologi.

### ISNIN, 25 MEI

**PAGI:** 10.00 — Drama Radio; 10.30 — Terbang Bersama Kami; **PETANG:** 6.00 — Ingin Tahu.

### SELASA, 26 MEI

**PAGI:** 10.00 — Wanita dan Keluarga; **PETANG:** 6.00 — Kebersihan dan Perubatan.

### RANCANGAN HARIAN

**PAGI:** 8.30 — Selamat Pagi Brunei Darussalam; 10.45 Berita Mandarin; **PETANG:** 4.00 — Hiburan Petang; 5.30 — Berita Perdana; 5.45 — Sekata Sehari/Bacaan Al-Quran; 6.15 — Berita Mandarin; 6.25 — Brunei Kita; 6.33 — Azan Maghrib; 6.40 — Irama Senja.

## BAHAGIAN INGGERIS

### RABU, 20 MEI

**MALAM:** 8.00 Hello Tomorrow; 8.30 My Music; 9.00 Health On The Air (Repeat); 9.30 Perspective.

### KHAMIS, 21 MEI

**MALAM:** 8.00 International Money Programme; 8.15 Sixty Minute Theatre: "The Cranes Are Flying by Victor Rozov"; 9.30 Light Music — Collaboration 22.

### JUMAAT, 22 MEI

**PAGI:** 11.00 A Religious Talk; 11.15 Light Music From The Netherlands; 11.30 Children's stories ; 1) The Party Princess; 2) The Wishing Skin; **T/HARI:** 12.15 Roy Castle In Castle's On Air; 12.45 Friday Prayer Time Announcement, Just For Variety; **PETANG:** 1.30 Health Watch; 1.45 Interlude Of Music; 2.00 Country Music USA (Repeat); 2.30 Children's Half Hour; 3.00 Calling On You (A Request Programme); **MALAM:** 8.00 The World Of Books; 8.30 Teen's Entertainment (Repeat); 9.30 The Religious Talk (Repeat).

### SABTU, 23 MEI

**MALAM:** 8.00 Melody Time/Hits In Germany; 8.30 The Arts World wide; 8.45 Top Of The Pops; 9.30 Light Music From The Netherlands.

### AHAD, 24 MEI

**PAGI:** 11.00 Children's Half Hour (Repeat); 11.30 Just A Minute; **T/HARI** 12.00 Nostalgic Moments With/Music From ASEAN; 12.45 Just For Variety; **PETANG:** 1.45 Top Of The Pops — (Repeat); 2.15 Teen's Entertainment; 3.00 Weekend Greetings (A Request Programme); **MALAM:** 8.00 Nostalgic Moments With/Music From ASEAN (Repeat); 8.30 BBC Science Magazine; 9.00 Instrumental; 9.30 Country Music USA.

### ISNIN, 25 MEI

**MALAM:** 8.00 Theatre Forty Five: "The Power Of Dawn by Emlyn Williams; 8.45 Frank Muir Goes Into; 9.30 International Profile.

### SELASA, 26 MEI

**MALAM:** 8.00 Just For You (A Request Programme); 9.00 BBC World Report; 9.30 Latin American Music.

### RANCANGAN HARIAN

**PAGI:** 6.20 Jingle; 6.30 Opening Announcement; 6.32 Quran And Its Translation; 6.45 Berita Perdana (Relayed From The Malay Service); Weather Forecast. Our Brunei, Dedication Time, Daily Dairy; 7.30 Local News; 7.35 Tide Times; 11.00 Ladies At Eleven (Kecuali Jumaat dan Ahad). **T/HARI:** 12.00 Afternoon Mix (Kecuali Jumaat dan Ahad) Road Safety, New Inventions, Sports News, Prayer Time Announcement; 12.30 News; Weather Forecast, 12.45 Our Brunei, National Event, Fun With Maths, Birthdays, Anniverseries... **PETANG:** 2.00 Afternoon Melodies (Isnin — Khamis); Prayer Time Announcement; **MALAM:** 9.15 News; Closing Prayers; 10.00 Close Down.

## TETAMU RADIO

RANCANGAN siaran hari Ahad 24 Mei, 1992 jam 2.15 petang akan dimuatkan perbualan bersama AWANG ABDUL RAHIM BIN HAJI ABDUL HAMID, salah seorang penyiar di Bahagian Rangkaian Nasional, RTM Sabah.

★

## PILIHAN PENDENGAR

*(Rabu, 20 Mei, 1992)*

Dk. Ratnasari binti Pg. Ajak, Jabatan Perumahan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Brunei Darussalam.

*(Khamis, 21 Mei, 1992)*

Mohd. Zaidie bin Mohd. Salleh, Kampong Palu Penanjong Tutong, Brunei Darussalam.

*(Sabtu, 23 Mei, 1992)*

Dk. Fatimah binti Pg. Ahmad, Seria, Kuala Belait, Brunei Darussalam.

*(Isnin, 25 Mei, 1992)*

Zurinah binti Kalong, 808 Simpang 17, Jalan Batang Duri, Kampong Selangan Temburong, 8780, Brunei Darussalam.

*(Selasa, 26 Mei, 1992)*

Md. Asmadi, Kampong Pekilong Muara, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

# تايڠن ݢمبر TAYANGAN GAMBAR تايڠن ݢمبر

### KHAMIS, 21 MEI

## IN THE LINE OF DUTY : THE TWILIGHT MURDERS

**(9.30 malam)**

SEBUAH tayangan gambar yang penuh mistri, suspen dan menarik. Di waktu senja yang dingin dekat North Dakota Road sepasukan pegawai Federal yang tahan lasak menunggu untuk menghalang seorang lelaki yang paling bahaya di Amerika. Dia ialah Gordon Kahl ketua pergerakan 'Posse Commitatus'. Dalam tembak-menembak yang hanya beberapa minit dua orang ejen mati di tangan Kahl dan orang-orangnya.

### AHAD 24 MEI, 1992

## MOVING

**(11.00 pagi)**

SEBUAH tayangan gambar yang berbentuk komedi yang mengisahkan Arlo Pear seorang jurutera yang telah kehilangan pekerjaan yang dilakukannya selama 14 tahun. Dengan penuh semangat dia menempatkan semula keluarganya ke Idaho.

Pelakon : Baverly Todd, Dave Thomas, Dana Carvey, dan Randy Quaid.

### AHAD 24 MEI, 1992

## GOLDENROD

**(2.40 petang)**

JESSE Gifford seorang juara dalam pertandingan menali lembu, hero yang terkenal dalam masyarakat dan di mata anak-anaknya. Kerjaya dan perkahwinannya berakhir bila ia mendapat kemalangan dalam arena tersebut yang melibatkan kecacatan pada kakinya. Dia terpaksa menilai semula kehidupannya dan mendapat kekuatan dan arahan dari anaknya yang tua.

### ISNIN, 25 MEI

## LIES BEFORE KISSES

**(9.50 malam)**

BILA seorang usahawan yang terkenal dituduh membunuh seorang pelacur terhormat, isterinya yang jelita dan penyayang menyamar sebagai wartawan untuk membuat penyiasatan demi untuk membersihkan nama suaminya.

Pelakon : Jaclyn Smith, Ben Gazzara, Nick Mancuso dan Greg Evigan.

انيكا ANEKA Pelita Brunei

## Belia dan Sukan بليادان سوكن

# Semangat maju dalam sukan dapat dimanfaatkan dalam tugas seharian

Oleh Bolhassan HAB

PEMBUKAAN rasmi Sukaneka Kementerian Pembangunan telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail sebagai pembuka tirai bagi semua pertandingan sukan kementerian berkenaan di sepanjang tahun ini.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan melancarkan pembukaan sukaneka yang berlangsung di Dewan Muhibah, Pejabat Daerah Brunei/Muara, Berakas pada 10 Mei lepas itu dengan menumbangkan sebanyak 7,000 keping domino yang diwarnakan dengan tujuh warna sebagai melambangkan pegawai dan kakitangan di pejabat Kementerian Pembangunan dan enam jabatan di bawah kementerian itu dalam menuju satu matlamat — perpaduan, keberkesanan dan kecemerlangan bagi mendukung kemajuan dan pembangunan negara.

Dalam ucapan perasmiannya, Yang Berhormat antara lain menyeru para pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Pembangunan agar semangat untuk maju dan berjaya dalam bidang kesukanan akan dapat dimanfaatkan untuk mencari kejayaan dan keberkesanan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab seharian.

Yang Berhormat menambah, seandainya azam, disiplin diri dan semangat berpasukan yang diamalkan melalui sukan jika dimanfaatkan dan dipraktikkan dalam menghadapi tugas dan tanggungjawab pejabat, ia akan mendatangkan kesan yang lebih bermakna dan menguntungkan.

Acara-acara sukan yang akan dipertandingkan ialah badminton, sepak takraw, ping-pong dan bolasepak sementara perlawanan golf telah pun diadakan pada awal tahun ini.

Dalam perlawanan badminton kumpulan bergu VIP iaitu sebagai acara pembukaan sukaneka yang dikendalikan oleh Jabatan Tanah pasangan Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Pengarah Kemajuan Perumahan, Dato Paduka Awang Zakaria berjaya menumpaskan pasangan Pengarah Kerja Raya, Dato Paduka Awang Haji Othman dan Pesuruhjaya Tanah, Dato Paduka Awang Haji Mohammad dengan straight set, 15-2, 15-6.

Manakala dalam perlawanan yang sama iaitu pertemuan antara pasangan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh dan Haji Idris berjaya menundukan pasangan Juruukur Agung, Dato Paduka Awang Haji Yunus dan Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Awang Zakaria dengan kiraan rubber set, 15-8, 4-15 dan 8-15.




MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan yang menyertai Sukaneka Kementerian Pembangunan. — Gambar oleh Ak Raffee PDP Haji Metassim.



TAHNIAH ... Ketua Pasukan Sekolah Rendah Serasa, Yusni Yussof menerima piala rebutan yang disampaikan oleh Pengiran Hajjah Hairani binti Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar. — Gambar oleh Amat Moksin.

# Sekolah Rendah Serasa wakili Brunei Dua

KELOLAAN OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL

SEKOLAH Rendah Serasa akan mewakili Kawasan Brunei Dua ke perlawanan bolajaring sekolah-sekolah setelah menumpaskan Sekolah Rendah Delima Satu dalam perlawanan akhir di Sekolah Rendah Haji Md. Salleh Sungai Hanching.

Sekolah Rendah Delima Satu, selaku juara bertahan dan juga juara dalam Kumpulan 'B' pada mulanya memperlihatkan kecemerlangan dengan mendahului 8-4 di separuh masa pertama.

Penyerang utama Sekolah Delima Satu, Aini Abdullah dan Siti Isah Osman masing-masing menjaringkan 4 jaringan manakala penyerang utama Sekolah Rendah Serasa Maslinah Mahmud dan Yusni masing-masing menjaringkan dua jaringan.

Di perlawanan separuh masa kedua pula memperlihatkan penguasaan Sekolah Rendah Serasa dengan awal-awal lagi berjaya menembusi 6 jaringan menjadikan kedudukan 10-8, tetapi pada pertengahan permainan Sekolah Rendah Delima Satu berjaya membuat 4 jaringan yang menjadikan kedudukan Sekolah Rendah Delima Satu mendahului 12-10.

Bagaimanapun di saat-saat terakhir sebelum wisel penamat dibunyikan, Sekolah Rendah Serasa berjaya menambahkan 3 lagi jaringan menjadikan 13-12 mengatasi Sekolah Rendah Delima Satu.

Sejumlah 15 buah sekolah rendah dari Kawasan Brunei II menyertai pertandingan itu dengan dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu Kumpulan 'A' Sekolah Rendah Pulaie, Sekolah Rendah Serasa, Sekolah Berakas Garison, Sekolah Rendah Tanah Jambu, Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin Sungai Besar, Sekolah Rendah SUAS Muara, dan Sekolah Rendah Pantai Berakas. Dalam kumpulan 'B' pula ialah Sekolah Rendah Delima Satu, Sekolah Rendah Datu Gandi, Sekolah Rendah Anggerek Desa, Sekolah Rendah Haji Mohd Salleh Sungai Hanching, Sekolah Rendah Datu Mahawangsa Lambak dan Sekolah Rendah Pasukan Tentera Laut Muara.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Penolong Pengarah (Rendah) Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajjah Hairani binti Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.



TERSASAR ... Penjaring utama Sekolah Rendah Serasa, Maslinah Mahmud membuat percubaan jarak jauh tetapi tersasar daripada jaring. — Gambar oleh Amat Moksin.

# B-sepak KHEDN : PENJARA tewas 5-1

JABATAN Penjara tewas 1-5 kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara di hari pembukaan Kejohanan Bolasepak Antara Jabatan-Jabatan Di Bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang berlangsung di Kompleks Sukan Balapan dan Padang Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas minggu lepas.

Juara bertahan itu gagal mempamerkan corak permainan yang menarik dengan banyak melakukan corak bertahan sehingga membolehkan dibolosi tiga gol di separuh masa pertama hasil jaringan daripada Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin Pengiran Anak Saifuddin; Alihassan Haji Leman dan Mustafa Haji Ibrahim.

Bagaimanapun di separuh masa kedua rentak permainan Jabatan Penjara yang dikemudikan oleh Ali Rashid kembali bernafas apabila beliau menjaringkan gol tunggal penjara sementara Jabatan Daerah Brunei dan Muara hanya berpeluang menambahkan dua jaringan lagi melalui Rosli Haji Leman dan Husra Metusin menjadikan kedudukan 5-1.

Kejohanan yang dirasmikan oleh Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Harun bin Haji Ismail dan dikelolakan bersama oleh Jabatan Kemajuan Kerjasama dan Jabatan Buruh itu disertai oleh 9 buah jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan dibahagikan kepada Kumpulan 'A' dan 'B'.

Menurut Awang Mawardi Haji Abdullah, kejohanan kali itu antara lain bertujuan bagi merapatkan atau mengeratkan lagi hubungan silaturahim yang telah sedia wujud di antara pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan seterusnya bagi mempertingkatkan semangat intergrasi di kalangan pegawai dan kakitangan melalui sukan.

Beliau menambah, "Di samping itu dengan adanya pertandingan serupa ini juga akan dapat memupuk semangat kesukanan di kalangan pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri."

# IKLAN-IKLAN اعلان-اعلان

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) **PENGAWAL POS**
**(DI JABATAN PERKHIDMATAN POS, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN (Bilangan Kod : 074 35 – 212)**
**Tanggagaji** : B.2 $2,270 – $3,760 sebulan.
**Kelayakan** :
a) Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan yang bersesuaian.
ATAU
b) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Ketua Penguasa Pos atau jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 5 tahun.
**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :**
Ditugaskan sebagai Pegawai Penyelia dan Pembantu Kanan kepada Timbalan atau Penolong Ketua Pos Agung dalam mentadbir dan mengendalikan kerja-kerja di salah satu cawangan seperti kewangan, Pentadbiran, Operasi dan Filatelik.

2) **PEMBANTU TEKNIK KANAN**
**(DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN)**
(Bilangan Kod : 110 03 992)
**Tanggagaji** : C.2 EB.3 $1,450 – $2,270 sebulan.
**Kelayakan** :
a) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun.
b) i) Higher National Certificate/TEC Higher Certificate atau kelulusan dalam bidang berkaitan yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Ordinary National Diploma dalam bidang yang bersesuaian.
ATAU
iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Pembantu Teknik dalam bidang atau jawatan yang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun.
**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :**
a) Membuat audit ke atas keselamatan bagi tapak *pembinaan*.
b) Membuat penilaian dan pemeriksaan audit bagi kilang-kilang perusahaan batu bata, makmal ready mix, simen, welding bagi menentukan kilang tersebut mengikuti kehendak piawaian antarabangsa ISO 9000.
c) Membuat penilaian dan pemeriksaan terhadap kualiti atau mutu keselamatan di tapak pembinaan ke atas kontraktor-kontraktor pembekal.

3) **TUKANG PELAN KANAN**
**(DI JABATAN UNIT PETROLEUM, JABATAN PERDANA MENTERI)** (Bilangan Kod : 001 03 – 292)
**Tanggagaji** : C.2 EB.3 $1,450 - $2,270 sebulan.
**Kelayakan** :
a) i) Higher National Certificate atau TEC Higher Certificate atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang draughtsmanship atau yang sebanding.
ATAU
ii) Ordinary National Diploma dalam jurusan draughtsmanship atau yang sebanding serta pengalaman dalam bidang draughtsmanship tidak kurang dari 5 tahun.
ATAU
iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Tukang Pelan tidak kurang dari 7 tahun.

4) **PEGAWAI PERANGKAAN RENDAH**
**(DI JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN)** (Bilangan Kod : 030 08 – 114)
**Tanggagaji** : C.1 - 2 - 3 EB.4 $1,280 – $2,620 sebulan.
**Kelayakan** :
a) i) Higher National Certificate dalam bidang berkaitan serta mendapat latihan dan pengalaman dalam bidang perangkaan tidak kurang dari 3 tahun.
ATAU
ii) Lulus Part I Peperiksaan Institute of Statistician serta berpengalaman dalam bidang Perangkaan tidak kurang dari 3 tahun.
ATAU
iii) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam bahagian IV dalam jawatan yang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun.
b) Boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

5) **PENOLONG PEGAWAI YANG MENGUASAI LALULINTAS UDARA**
**(DI JABATAN PENERBANGAN AWAM, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN)** (Bilangan Kod : 016 35 – 967)
**Tanggagaji** : D. 3 EB. 4 $900 – $1,465 sebulan.
**Kelayakan** :
a) Berumur di antara 18 hingga 25 tahun.
b) i) Ordinary National Certificate/TEC Certificate dalam jurusan yang bersesuaian.
ATAU
ii) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab atau Fizik serta 3 tahun pengalaman dalam bidang-bidang yang berkaitan.
c) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris adalah satu kelebihan.
d) Mempunyai darjah kesihatan yang memenuhi syarat-syarat ICAO bagi pegawai-pegawai Kawalan Trafik Udara. Sebaik-baiknya mempunyai minat dan pengetahuan dalam hal-hal penerbangan.

**PELUANG KENAIKAN PANGKAT :**
Calon-calon yang berjaya akan dilantik mula-mula dalam bercubaan semala 3 tahun dan dikehendaki lulus peperiksaan jabatan sebelum ditetapkan dalam jawatan tetap. Peluang yang baik terbuka kepada mereka untuk dinaikkan pangkat ke peringkat Pegawai Pengawal Lalulintas Udara yang akan meliputi latihan seberang laut dan latihan penerbangan sebagai juruterbang hingga ke peringkat Private Pilot Licence.

6) **CHEF**
**(DI KEMENTERIAN KESIHATAN)**
(Bilangan Kod : 113 53 – 121)
**Tanggagaji** : D. 3 EB. 4 $900 – $1,465 sebulan.
**Kelayakan** :
a) i) City and Guilds 855/856 dalam kursus Penyelenggara Permakanan yang bersesuaian dari sekolah atau Institutsi Teknikal yang diiktiraf oleh kerajaan dan sekurang-kurangnya mempunyai 2 tahun pengalaman dalam bidang penyelenggaraan atau penyediaan makanan.
ATAU
ii) Mestilah terdiri dari Tukang Masak yang berkebolehan dan berpengalaman dalam kerjaya ini sekurang-kurangnya selama 8 tahun.
**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :**
a) Mengetuai kerja-kerja penyediaan dan memasak makanan dan minuman.
b) Menyediakan dan mengaturkan jadual kerja Tukang Masak dan Pembantu Dapur.
c) Menyediakan sukatan pesakit-pesakit mengikut kadar yang tertentu dan mengelakkan pembaziran.
d) Meninggikan mutu dan memperbaiki resepi-resepi yang difikirkan perlu.
e) Memeriksa makanan pesakit bagi catuan dan mutunya sebelum dihantar ke wad-wad pesakit.
f) Mengawasi alat-alat dan perkakas dapur digunakan dengan sempurna.
g) Mengetuai kerja-kerja kebersihan alat-alat perkakas dapur iaitu yang kecil/besar/berat seperti asap, udara, lantai tembuk, dapur acuan-acuan kueh, senduk, pisau dan lain-lain perkakas.
h) Mengawasi kebersihan pekerja-pekerja dapur dari segi pakaian dan kebersihan diri.
i) Bekerjasama dengan Penolong Bekalan Makanan dalam mengendalikan pekerja-pekerja dapur.
j) Menerima dan menjalankan arahan-arahan yang diberikan oleh Pengurus dan Penolong Pengurus Bekalan Makanan.

7) **TUKANG KAYU TINGKAT KHAS**
**(DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN)**
(Bilangan Kod : 114 95 – 410)
**Tanggagaji** : D. 2 EB. 3 $650 – $1,125 sebulan.
**Kelayakan** :
a) i) City and Guilds dalam pertukangan kayu atau yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Tukang Kayu tidak kurang dari 3 tahun.
ATAU
iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang Pertukangan Kayu.
b) Cekap dalam menggunakan perkakas tukang kayu yang biasa termasuk alat-alat yang menggunakan tenaga elektrik.

8) **PEMBANTU TEKNIK**
**(DI JERUDONG PARK)**
(Bilangan Kod : 081 03 – 393)
**Tanggagaji** : D. 1 - 2 - 3 EB. 4 - 5 $530 – $1,625 sebulan.
**Kelayakan** :
a) Satu (1) mata pelajaran Sains Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau City and Guilds Final Certificate dalam bidang yang bersesuaian atau yang sebanding dengannya.
ATAU
b) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Pembantu Teknik Pelatih atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya dalam bidang teknikal sekurang-kurangnya selama 3 tahun.
ATAU
c) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian V dalam jawatan-jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya 5 tahun.

9) **PEGAWAI ISTILAH**
**(DI JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN)**
(Bilangan Kod : 056 19 – 507)
**Tanggagaji** : D. 1 - 2 - 3 EB. 4 - 5 $530 – $1,625 sebulan.
**Kelayakan** :
a) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran tidak termasuk mata pelajaran Lukisan atau yang sebanding dengannya serta dapat menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) dengan baik.
b) Mempunyai bakat dan kecenderungan dalam kerja-kerja istilah.
c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang berkebolehan membaca dan menulis Jawi dengan baik.
**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :**
a) Bertanggungjawab kepada Ketua Cawangan.
b) Mengumpul dan mendokumentasi istilah dari berbagai-bagai sumber, data dan makluman balas yang tidak selaras antara bidang dan peringkat pengguna.
c) Menaip dan menyusun kad perubahanan istilah.
d) Menyediakan draf berbagai jenis daftar istilah yang diperlukan oleh Jawatankuasa Istilah atau kerja penyelarasan.
e) Membantu penyelenggaraan urusan Jawatankuasa Istilah.
f) Menjadi Penolong Setiausaha Jawatankuasa Istilah.
g) Menjalankan kerja yang diatur oleh Ketua Cawangan atau Ketua Bahagian.

10) **PENJAGA KESELAMATAN**
**(DI JABATAN BIRO MENCEGAH RASUAH, CAWANGAN KUALA BELAIT, JABATAN PERDANA MENTERI)**
(Bilangan Kod : 005 58 – 988)
**Tanggagaji** : D. 1 EB. 2 $530 – $820 sebulan.
**Kelayakan** :
a) i) Satu mata pelajaran Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta 3 tahun pengalaman dalam bidang keselamatan.
ATAU
iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian V dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya selama 5 tahun.
ATAU
iv) Telah berkhidmat dalam jawatan yang berkaitan dengan keselamatan seperti bekas seorang Askar, Polis, Ahli Bomba atau Warder sekurang-kurangnya 5 tahun serta mempunyai prestasi yang baik.
b) Boleh membuat laporan-laporan dalam Bahasa Melayu.
c) Mempunyai disiplin dan sikap yang baik terhadap pekerjaan yang pernah dijawat sebelumnya.
d) Memiliki sifat seorang jujur, cekal dan berkeupayaan.
**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :**
a) Memastikan keselamatan dan mengendalikan rondaan di semua kawasan Pejabat Biro Mencegah Rasuah.
b) Memastikan bahawa tidak ada orang yang tidak berkenaan berada di kawasan Pejabat Biro Mencegah Rasuah dan sekitarnya.
c) Menangkap/menahan dan melaporkan orang-orang yang membuat kacau-bilau dan merosakan harta benda Pejabat Biro Mencegah Rasuah.
d) Memeriksa dan memastikan bahawa pintu-pintu keluar/ masuk bangunan pejabat berkunci selepas waktu bekerja.

11) **PEMBANTU REKOD-REKOD PERUBATAN**
**(DI KEMENTERIAN KESIHATAN)**
(Bilangan Kod : 113 19 – 181)
**Tanggagaji** : D. 1 EB. 2 - 3 $530 – $1,125 sebulan.
**Kelayakan** :
a) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta 3 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan.
ATAU
c) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan di Bahagian Rekod Perubatan tidak kurang dari 5 tahun.
d) Keutamaan akan diberi kepada calon lelaki yang tinggal di Daerah Temburong.
**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :**
a) Bersedia bertugas di bahagian lain (Klinik-Klinik Perubatan) yang ada mempunyai perhubungan dengan kerja-kerja pentadbiran bahagian rekod-rekod perubatan.
b) Bertanggungjawab ke atas pemeliharaan dan keselamatan rekod-rekod perubatan yang di bawah jagaannya.

**Am :**
Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**
Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup : 30 Jun, 1992**
**Bilangan Pendaftaran : 21/1992 Rujukan (E/1477/76)**

انيكا ANEKA Pelita Brunei

# IKLAN-IKLAN اعلان-اعلان

## JABATAN PENERBANGAN AWAM, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

**Bilangan Tawaran : JPA/AT/92/04**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal "DIGITAL AIR TRAFFIC INFORMATION SERVICE SYSTEM".
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, dan hendaklah ditulis dengan:

   TAWARAN BAGI MEMBEKAL
   DIGITAL AIR TRAFFIC INFORMATION SERVICE SYSTEM
   Bilangan Tawaran : JPA/AT/92/04
   Tarikh Tutup : 24 Jun, 1992

   Kepada :
   Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan,
   Tingkat 2, Bangunan Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan 1150, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Kecil tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Rabu, 24 Jun, 1992.

   Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati dari Pejabat Pengarah Penerbangan Awam, Tingkat 4, Bangunan Operesen, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan bayaran cagaran $100.00 tunai.
5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Ketua Pegawai Telekom Penerbangan, Tingkat 3, Bangunan Operesen, Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam.
   Telefon : (02) 330142 Sambungan 1010
   Teleks : BU 2267
   Faks : (02) 331706
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## JADUAL PERPUSTAKAAN BERGERAK

| TEMPAT PERHENTIAN | TARIKH | HARI | MASA | TARIKH MENGEMBALIKAN |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Serasa | 20.5.92 | Rabu | 9.45 — 10.15 pagi | 3.6.92. |
| Sekolah Rendah Mentiri | 20.5.92 | Rabu | 10.30 — 11.00 pagi | 3.6.92. |
| Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin Sungai Besar | 20.5.92 | Rabu | 11.15 — 12.00 T/hari | 3.6.92. |
| Sekolah Rendah Pulaie | 20.5.92 | Rabu | 9.30 — 10.30 pagi | 3.6.92. |
| Sekolah Rendah Pintu Malim | 20.5.92 | Rabu | 9.00 — 10.00 pagi | 3.6.92. |
| Sekolah Rendah Tungku | 20.5.92 | Rabu | 10.15 — 11.15 pagi | 3.6.92. |
| Sekolah Rendah Haji Mohd Yusof, Katimahar | 23.5.92 | Sabtu | 8.30 — 9.30 pagi | 6.6.92. |
| Penjara Jerudong | 23.5.92 | Sabtu | 9.45 — 10.45 pagi | 6.6.92. |
| Sekolah Rendah Mulaut | 23.5.92 | Sabtu | 11.00 — 12.00 T/hari | 6.6.92. |
| Sekolah Rendah Birau (Ugama) | 23.5.92 | Sabtu | 1.30 — 2.30 petang | 6.6.92. |
| Sekolah Rendah Kiudang (Ugama) | 23.5.92 | Sabtu | 2.45 — 3.45 petang | 6.6.92. |
| Sekolah Rendah Lamunin (Ugama) | 23.5.92 | Sabtu | 4.00 — 5.00 petang | 6.6.92. |
| Sekolah Rendah Kiarong | 25.5.92 | Isnin | 8.30 — 9.30 pagi | 8.6.92. |
| Sekolah Rendah Mata-Mata Gadong | 25.5.92 | Isnin | 9.45 — 10.45 pagi | 8.6.92. |
| Sekolah Rendah Hj. Mohd. Salleh | | | | |
| Sungai Hancing | 25.5.92 | Isnin | 8.45 — 9.45 pagi | 8.6.92. |
| Sekolah Rendah Tutong Kem | 25.5.92 | Isnin | 10.00 — 10.30 pagi | 8.6.92. |
| Sekolah Rendah Binturan | 25.5.92 | Isnin | 10.45 — 11.45 pagi | 8.6.92. |
| Sekolah Rendah Delima Satu | 26.5.92 | Selasa | 9.15 — 10.15 pagi | 9.6.92. |
| Sekolah Rendah Anggerik Desa | 26.5.92 | Selasa | 10.30 — 11.00 pagi | 9.6.92. |
| Sekolah Rendah Hj. Mohd Jaafar, Kiulap | 26.5.92 | Selasa | 2.45 — 3.15 petang | 9.6.92. |
| Sekolah Rendah Sengkurong (petang) | 26.5.92 | Selasa | 3.30 — 4.40 petang | 9.6.92. |
| Sekolah Rendah Telisai, Tutong | 20.5.92 | Rabu | 9.45 — 10.45 pagi | 3.6.92. |
| Sekolah Rendah Labi, Belait, | 21.5.92 | Khamis | 9.45 — 10.45 pagi | 4.6.92. |
| Sekolah Rendah Rampayoh, Belait | 21.5.92 | Khamis | 11.00 — 12.00 T/hari | 4.6.92. |
| Sekolah Rendah Sungai Liang | 26.5.92 | Selasa | 9.45 — 10.45 pagi | 9.6.92. |
| Sekolah Rendah Puni | 20.5.92 | Isnin | 9.00 — 10.00 pagi | 3.6.92. |
| Sekolah Rendah Bukok | 20.5.92 | Isnin | 10.15 — 11.15 pagi | 3.6.92. |
| Sekolah Rendah Kenua | 23.5.92 | Rabu | 9.00 — 10.00 pagi | 6.6.92. |
| Sekolah Rendah Semabat | 23.5.92 | Rabu | 10.15 — 11.15 pagi | 6.6.92. |
| Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi | 25.5.92 | Isnin | 9.30 — 10.30 pagi | 8.6.92. |

## PAT-PAT GULAMBIR



### SOALAN

1. Gambar ini diambil dari sudut tertentu, sebutkan apakah nama lengkap bangunan ini?
2. Di daerah manakah letaknya bangunan ini?

### SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

### HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti kemeja T; alatulis atau buku-buku.
3. Gambar comel alai akan disiarkan dalam PELITA BRUNEI di ruangan Pat-Pat Gulambir.

### TARIKH TUTUP

1. Hantarlah borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

### BORANG JAWAPAN
**Pat-Pat Gulambir .........**

Jawapan :

1. ........................................................................

2. ........................................................................

Nama : ____________________

____________________

Umur : ____________________

Alamat : ____________________

____________________

____________________

Telefon rumah (jika ada) : ____________________

Sekolah : ____________________

____________________

Hantarlah borang jawapan alai:

Kepada,
Ruangan Alai,
Pat-Pat Gulambir, 20,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan 2041,
Negara Brunei Darussalam.

### NAMA PEMENANG PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN 29 APRIL, 1992

Jawapan Pat-Pat Gulambir keluaran 29 April, 1992 ialah **Pejabat Pos Tutong, di Daerah Tutong.**

Mereka yang berjaya memenangi hadiah setelah dijalankan undian ialah :

ARIFFIN BIN OSMAN
P.O. BOX 1139, GADONG 3111,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
UMUR : 8 TAHUN
SEKOLAH RENDAH AMAR PAHLAWAN

AK MOHD SHAHARANI BIN PG MD SAID
NO. 80 BARIK PWD NO 2,
SUNGAI BASONG, DAERAH TUTONG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
UMUR : 12 TAHUN
SEKOLAH RENDAH MUDA HASHIM TUTONG

NORHUFAIDAH BINTI JAMAN
164L KAMPONG SABA DARAT 'A',
BANDAR SERI BEGAWAN 2483,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
UMUR : 9 TAHUN
SEKOLAH RENDAH SABA DARAT BRUNEI



AK MOHD SHAHARANI BIN PG MD SAID

انيكا ANEKA Pelita Brunei

# IKLAN-IKLAN اعلان-اعلان

## JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**Bilangan Tawaran : JPE/LTK/70/1992**

Tajuk Kerja :
INSTALLATION OF LOOP DETECTORS AT HASSANAL BOLKIAH HIGHWAY ACCESS TO GOVERNMENT OFFICE.
Cagaran : $100.00
Tarikh Tutup : 20 Mei, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.
Kelayakan Pemborong : Penanaman kabel kelas A, B dan C.

**Bilangan Tawaran : JPE/LTK/164/1992**

Tajuk Kerja :
PROVISION OF FIRE PROTECTION – CO 2 SYSTEM AND ASSOCIATED WORKS FOR SERIA TELEPHONE EXCHANGE, BELAIT DISTRICT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran : $100.00 Tarikh Tutup : 20 Mei, 1992.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan.
Kelayakan Pemborong : Pemborong elektrik kelas "A" dan "B" sahaja.

**Bilangan Tawaran : JPE/LTK/165/1992**

Tajuk Kerja :
ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED ONE ADDITIONAL BUILDING BLOCK FOR SCIENCE LABORATORY AT S.M. MUDA HASHIM, TUTONG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran : $100.00
Tarikh Tutup : 20 Mei, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan.
Kelayakan Pemborong : Pemborong elektrik kelas "A", "B" dan "C".

**Bilangan Tawaran : JPE/LTK/179/1992**

Tajuk Kerja :
PARTITIONING OF ELECTRICAL BILLING SECTION'S COMPUTER ON FIRST FLOOR, FINANCE SECTION P.S.C BUILDING, JALAN OLD AIRPORT, BERAKAS.
Cagaran : $100.00 Tarikh Tutup : 27 Mei, 1992.
Tempat Tutup : Kotak Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.
Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar dari Jabatan Kerja Raya kelas 'C' ke atas sahaja.

**Bilangan Tawaran : JPE/LTK/177/1992**

Tajuk Kerja :
RENOVATION OF TRANSMISSION AND DISTRIBUTION DIVISION OFFICE ON SECOND FLOOR OF P.S.C. BUILDING AT JALAN OLD AIRPORT, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran : $100.00 Tarikh Tutup : 27 Mei, 1992
Tempat Tutup : Kotak Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.
Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar dari Jabatan Kerja Raya kelas 'C' ke atas sahaja.

**Bilangan Tawaran : JPE/LTK/199/1992**

Tajuk Kerja :
IMPROVEMENT OF STREET LIGHTING IN MUARA AREA.
Cagaran : $100.00
Tarikh Tutup : 3 Jun, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.
Kelayakan Pemborong : Penanaman kabel kelas "A", "B" dan "C".

**Bilangan Tawaran : JPE/LTN/34/1992**

Tajuk Kerja :
PEMELIHARAAN ALAT-ALAT HAWA-DINGIN JENIS CENTRAL DI KEDIAMAN RASMI P.A.P HAJJAH MASNAH, P.A.P. AMAL UMI KALTHUM, P.A.P AMAL RAKIAH DAN P.A.P. AMAL NASIBAH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran : $200.00
Tarikh Tutup : 8 Jun, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Kewangan.
Kelayakan Pemborong : Kelas "A", "B" dan "C", Hawa-Dingin.

**Bilangan Tawaran : JPE/LTN/86/1992**

Tajuk Kerja :
FIRE PROTECTION FOR RICE AND SUGAR STORES AT STATE STORE, JALAN GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran : $200.00
Tarikh Tutup : 25 Mei, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Kewangan.
Kelayakan Pemborong : Pemborong elektrik kelas "A" dan "B" sahaja.

**Bilangan Tawaran : JPE/LTN/94/1992**

Tajuk Kerja :
PENGANGKUTAN BARANG-BARANG ATAU PERKAKAS ELEKTRIK DARIPADA STOR ELEKTRIK ATAU KABEL YARD GADONG KE MANA-MANA TEMPAT DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH (2) TAHUN.
Cagaran : $300.00
Tarikh Tutup : 25 Mei, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan.
Kelayakan Pemborong : Pemborong Pemunggahan atau Pengangkutan yang berdaftar sahaja.

**Bilangan Tawaran : JPE/LTN/100/1992**

Tajuk Kerja :
PEMASANGAN BAGI DUA BUAH TANGGA GELUNGSUR DI BANGUNAN LETAK KERETA BERTINGKAT, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran : $200.00
Tarikh Tutup : 8 Jun, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Kewangan.
Kelayakan Pemborong : Pemborong Pemasangan Tangga Gelungsur yang berkelayakan sahaja.

**Bilangan Tawaran : JPE/LTN/180/1992**

Tajuk Kerja :
SUPPLYING & DELIVERY OF UNIFORM TO ELECTRICAL SERVICES DEPARTMENT STORE, GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran : $100.00
Tarikh Tutup : 3 Jun, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan.
Kelayakan Pemborong : Peniaga Tempatan yang berdaftar mahir dalam selok-belok Tukang Jahit.

**Bilangan Tawaran : JPE/LTK/181/1992**

Tajuk Kerja :
PROVISION OF FIRE PROTECTION – C02 SYSTEM AND ASSOCIATED WORKS FOR MUMONG TELEPHONE EXCHANGE, BELAIT DISTRICT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran : $100.00
Tarikh Tutup : 27 Mei, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan.
Kelayakan Pemborong : Pemborong elektrik kelas "A" dan "B" sahaja.

**Bilangan Tawaran : JPE/LTN/182/1992**

Tajuk Kerja :
SUPPLY AND INSTALL LIGHTING FITTINGS AND CEILING FANS FOR 6 UNITS AT LOT 11789, MILE 1-1/2, JALAN TUTONG FOR PG. ANAK HAJJAH SITI RAFEAH.
Cagaran : $100.00
Tarikh Tutup : 27 Mei, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan.
Kelayakan Pemborong : Pemborong elektrik kelas "A", "B" dan "C".

**Bilangan Tawaran : JPE/LTN/183/1992**

Tajuk Kerja :
ELECTRICAL INSTALLATION FOR CLASS "F" QUARTERS AT JALAN ONG SUM PING, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran : $100.00
Tarikh Tutup : 27 Mei, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan.
Kelayakan Pemborong : Pemborong elektrik kelas "A", "B" dan "C".

**Bilangan Tawaran : JPE/LTN/189/1992**

Tajuk Kerja :
SUPPLYING & DELIVERY OF ROTATING BEACON LIGHT FOR BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.
Cagaran : $100.00
Tarikh Tutup : 20 Mei, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan.
Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar sahaja.

**Bilangan Tawaran : JPE/LTN/188/1992**

Tajuk Kerja :
SUPPLYING (ONE) AERIAL PLATFORM VEHICLE OF 12 METRES HIGH FOR DEPARTMENT OF ELECTRICAL SERVICES, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran : $100.00
Tarikh Tutup : 20 Mei, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan.
Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar sahaja.

**PERINGATAN :**

**Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.**

## JUALAN LELONG

NOTIS ini memberitahu kepada orang ramai bahawa barang yang tersebut di bawah ini milik Kerajaan Brunei/akan dijual dalam jualan lelong yang akan diadakan pada 30 Mei, 1992 bertempat di Balai Polis Panaga, Lurong 14, Seria.

1. KM 7938Q (ISUZU TRUCK)
2. KE 1144 (TOYOTA COROLLA HIACE)

## UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**Syarat-Syarat Tawaran :**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar Pejabat Pentadbiran Universiti Brunei Darussalam. Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 10 Jun, 1992.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

   Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil,
   Universiti Brunei Darussalam,
   Bandar Seri Begawan, 3186.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
   Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut :-
   ISNIN - KHAMIS : 8.30 pagi - 11.00 pagi
   1.30 pagi - 2.30 petang
   SABTU : 8.30 pagi - 10.00 pagi
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan Wang Tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

| Bilangan Tawaran | Keterangan | Cagaran |
|---|---|---|
| UBD/LTK/E8/8/92 | MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG "ALATAN SAINS UNTUK JABATAN BIOLOGI" | $300.00 |
| UBD/LTK/E8/9/92 | MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG "ALATAN PERKAKAS UNTUK BENGKEL FIZIK" | $200.00 |

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Syarat-syarat Tawaran :**

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Pejabat Kementerian Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat-alamat yang berkenaan di bilangan 3 dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.
3. Tawaran-tawaran yang mempunyai rujukan bilangan KK/TK/45/92 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 3.00 petang, hari Rabu 3 Jun, 1992 dan dialamatkan kepada :

   Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Kesihatan, Lapangan Terbang Lama,
   Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam.

4. Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Cagaran bagi tawaran adalah seperti yang dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

**TAWARAN-TAWARAN KECIL**

| Bil. Tawaran | Keterangan | Cagaran |
|---|---|---|
| KK/TK/45/92 | SUPPLY AND DELIVERY OF GENERATOR | $100.00 |

## BANGUNAN INDUSTRI SUNGAI KEBUN

1. PEMOHON-PEMOHON terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berminat di dalam perusahaan-perusahaan seperti berikut:-
   * PERTUKANGAN PERAK
   * TENUNAN KAIN
   * PERTUKANGAN TEMBAGA
   * ANYAMAN DAN JAHITAN
   * SENI UKIR
   * PEMBUATAN SONGKOK
2. Pemohon adalah dipelawa untuk menyewa kedai yang berukuran 2.5 m × 8.25 m di kawasan Kampong Sungai Kebun (Bekas pasar yang diubahsuai)
3. Borang-borang permohonan dan keterangan lanjut boleh didapati dengan menghubungi Unit Industri, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Lapangan Terbang Lama Berakas.
4. Pemohon yang difikirkan sesuai sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
5. Borang permohonan hendaklah dikembalikan tidak lewat daripada 30 Jun, 1992 kepada :-

   Pengarah Unit Industri, Unit Industri,
   Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
   Negara Brunei Darussalam.

انيكا ANEKA Pelita Brunei

# IKLAN-IKLAN • اعلان-اعلان

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

**No. 6/1992**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Awang Junit bin Besar kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Issah binti Besar yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah adik beradik kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 2 Jun, 1992, pada jam 9.00 pagi.

Bertarikh 29 April, 1992

---

**No. 237/1991**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Lee Kiet Yung kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Chang Hoi Chiew yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 2 Jun, 1992, pada jam 10.00 pagi.

Bertarikh 29 April, 1992

---

**No. 39/1992**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Awang Abd. Majid bin Md. Saruai kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Mohamed Saruai bin Haji Fakir Mohamed yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 Jun, 1992, pada jam 9.30 pagi.

Bertarikh 4 Mei, 1992

---

**No. 86/1992**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Yahya bin Abu Bakar kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Zainun binti Abu Bakar yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah adik beradik kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 Jun, 1992, pada jam 9.15 pagi.

Bertarikh 4 Mei, 1992

---

**No. 36/1992**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Mahari bin Dato Harimau Alam Haji Awang Besar kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Dato Harimau Alam Haji Awang Besar bin Munaf yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 Jun, 1992, pada jam 9.15 pagi.

Bertarikh 4 Mei, 1992

---

**No. 87/1992**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Jahri bin Haji Abd. Lamit kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Dayang Hajjah Jambol bin Ja'afar yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 Jun, 1992, pada jam 9.30 pagi.

Bertarikh 4 Mei, 1992

---

**No. 83/1992**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Rahman @Hashim bin Samsudin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Arzan bin Abdul Rahman yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah bapa kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 Jun, 1992, pada jam 9.00 pagi.

Bertarikh 2 Mei, 1992

**PERINGATAN:**

**Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.**

**Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.**

---

# SUKAN RIA DAN GERAK BADAN

**Gerak badan adalah langkah pertama untuk kehidupan yang sihat.**

**Kunjungilah sukan ria dan sertai beramai-ramai acara gerak badan**

Tempat : **Padang Balapan Stadium Negara Hassanal Bolkiah**

Tarikh : **Hari Ahad, 24 Mei 1992**

Jam : **7.15 pagi**

Anjuran : **Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam**

**Sempena Hari Kesihatan Sedunia, 1992**

---

# HARGA BARANG

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang berikut di bawah ini bermula pada hari Rabu 1992.

| Jenama | Harga | Nama Kedai |
|---|---|---|
| Pusu Kering 1 kilogram | $6.50 | Leong Chuan, 25, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan |
| | $7.00 | Ali Maricar, Kampong Patani, Tutong |
| | $8.00 | Guan Heng, 30, Jalan Sungai, Kuala Belait |
| | $8.00 | Soon Kheng, 52 Jalan Bunga Kuning, Seria |
| Ubi Kentang 1 Kilogram | $1.20 | Chop Ken Ken, B 2, Jalan Robert, Bandar Seri Begawan |
| | $1.30 | Ali Maricar, Kampong Patani, Tutong |
| | $1.50 | Guan Heng, 30 Jalan Sungai, Kuala Belait |
| | $1.60 | Foo Hap Shing, 20, Jalan Sultan Omar Ali, Seria |
| Cuka Yeos 640 ML | $1.00 | Thye Seng Dept, B1, Jalan Robert, Bandar Seri Begawan |
| | $1.00 | Chop Wah Kee, 6 Jalan Enche Awang, Tutong |
| | $0.90 | Teo Hiang Hng, 45, Jalan Pretty, Kuala Belait |
| | $0.80 | Haji C.A. Mohammad, No. 51 Jalan Bunga Kuning, Seria |

Dikeluarkan oleh Bahagian Pengawal Harga, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

---

## JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**Bilangan Tawaran : JPE/LTK/168/1992**

Tajuk Kerja :
MEMBEKAL UNIT-UNIT PENYAMAN UDARA JENIS PORTABLE UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran : $100.00
Tarikh Tutup : 3 Jun, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.
Kelayakan Pemborong : Pembekal yang diiktirafkan sahaja.

**Bilangan Tawaran : JPE/LTK/186/1992**

Tajuk Kerja :
PEMASANGAN UNIT-UNIT HAWA DINGIN JENIS BERASINGAN UNTUK BILIK PENGARAH DAN TIMBALAN PENGARAH PERTANIAN DI IBU PEJABAT PERTANIAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran : $100.00
Tarikh Tutup : 3 Jun, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan.
Kelayakan Pemborong : Kelas 'A', & 'B' sahaja (Hawa Dingin).

**PERINGATAN :**

**Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.**

# ANTI RASUAH SEMPENA MENCEGAH RASUAH






KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima junjung ziarah pegawai dan kakitangan Biro Mencegah Rasuah seperti kelihatan dalam gambar atas dan bawah.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat di Majlis Pelancaran Kempen Anti Rasuah sempena Pembukaan Rasmi Bangunan Biro Mencegah Rasuah. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, berbual-bual dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah sambil diperhatikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah (bawah).





YANG Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria juga berangkat sama di majlis tersebut.

HADIR sama ialah Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, timbalan-timbalan menteri dan setiausaha-setiausaha tetap.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah ketika meraikan Presiden Pejuang Pembebasan Kebangsaan Rakyat Khamer (KPNLF) dan Ahli Majlis Kebangsaan Tertinggi Kemboja (SNC), Tuan Yang Terutama Tuan Son Sann dan isteri, Puan Son Sann Nametoula di Majlis Santapan Tengah Hari yang diadakan di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan. — Gambar oleh Amat Moksin.

# TYT Tuan Son Sann diraikan di Majlis Santapan Tengah Hari

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Mei. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah berkenan mengadakan Majlis Santapan Tengah Hari bagi meraikan Presiden Pejuang Pembebasan Kebangsaan Rakyat Khamer (KPNLF) dan Ahli Majlis Kebangsaan Tertinggi Kemboja (SNC), Tuan Yang Terutama Tuan Son Sann dan isteri, Puan Son Sann Nametoula serta rombongan.

Majlis santapan tengah hari yang juga dihadiri oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali; Duta Besar Republik Filipina ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Eusebio Abaquin dan kedua-dua Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Paduka Awang Lim Jock Seng dan Pengiran Anak Dato Seri Laila Jasa Haji Putih serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri itu berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan di sini.

Menyerikan lagi majlis santapan itu ialah persembahan kebudayaan oleh Kumpulan Senandung Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Yang Terutama Tuan Son Sann tiba di negara ini kelmarin, 12 Mei bagi mengadakan lawatan tidak rasmi selama dua hari dalam rangka lawatannya ke negara ASEAN.

# Perkhidmatan pemulihan sangat diperlukan, dipertingkatkan

Oleh Dk. Saidah

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Mei. — Perkhidmatan pemulihan sangat diperlukan dan dipertingkatkan lagi di negara ini memandangkan meningkatnya kadar kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kecederaan tulang belakang dan kecederaan kepala serta bertambahnya insiden penyakit strok dan sebagainya.



DATO Paduka Dr. Haji Hussein bin Haji Mohd. Daud, Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan ketika berucap merasmikan Seminar Penyampaian Perkhidmatan Pemulihan.

Menurut perangkaan yang diperolehi dari Unit Statistik Kementerian Kesihatan dan yang berdaftar dengan organisasi-organisasi sukarela, kira-kira 3 ke 4 peratus dari penduduk di Negara Brunei Darussalam merupakan orang-orang cacat atau mendapat kecacatan.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Paduka Dr. Haji Hussein bin Haji Mohd. Daud berkata demikian ketika membuka rasmi Seminar Penyampaian Perkhidmatan Pemulihan di Pusat Latihan Jururawat, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini.

Menurut beliau walaupun terdapat organisasi-organisasi sukarela yang sama-sama mengambil berat tentang rawatan perubatan namun sokongan daripada pihak-pihak tertentu adalah sangat-sangat diperlukan terutama sekali untuk melengkapkan perkhidmatan pemulihan dengan tenaga kerja yang mahir dan terlatih di samping bantuan bagi memperolehi alat-alat yang bersesuaian dengan kecacatan yang dihadapi.

Menurut beliau lagi khidmat pemulihan di negara ini banyak tertumpu di dalam hospital tetapi langkah-langkah seperti merawat mereka di rumah sudah pun dijalankan dan akan diperkembangkan lagi.

Rawatan ini katanya akan diperkembangkan memandangkan jumlah orang yang mendapat kecacatan kian bertambah terutama mereka yang tinggal jauh dari hospital dan tidak mempunyai kenderaan justeru itu tidak mendapat khidmat pemulihan di hospital secara sepenuhnya.

Di samping itu katanya kita perlu menanamkan sikap yang positif di kalangan masyarakat di mana ada sebilangannya berpendapat orang cacat adalah termasuk di dalam golongan orang yang tidak dapat dibuat apa-apa dan seterusnya menimbulkan sosial stigma yang negatif.

"Kita perlu menunjukkan kasih sayang dan memastikan kesejahteraan mereka di dalam suasana yang normal dan memberi perangsang untuk meningkatkan kemajuan kepotensi yang maksima," ujar beliau menyeru.

Perubahan sikap ini tambahnya harus dilakukan dengan memberi kefahaman dan pendidikan tentang orang cacat melalui media massa dan elektronik di samping melibatkan keluarga dan pihak sukarelawan dalam pengendalian pemulihan.

Selain itu katanya beberapa perkara lain perlu juga diambil kira seperti bangunan-bangunan, pejabat-pejabat dan kompleks membeli-belah patut disesuaikan bagi membolehkan orang-orang cacat mengunjungi tempat-tempat tersebut tanpa bantuan atau dengan bantuan yang minima.

Di samping itu peluang-peluang pekerjaan yang setanding dengan kelayakan dan kebolehan mereka perlu diberikan demi membolehkan mereka menjadi ahli masyarakat yang lebih berguna dan produktif serta tidak semata-mata bergantung kepada balas kasihan dan ihsan orang lain.

Timbalan Pengarah Perubatan, Dr. Haji Abd. Latif bin Haji Ibrahim yang juga selaku pengerusi seminar di dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata walaupun tahap perkhidmatan pemulihan ini baik tetapi banyak lagi yang perlu dibuat untuk mempertingkatkan dan memperbaiki lagi perkhidmatan ini.

"Penjagaan ke tahap yang boleh diterima oleh masyarakat 'Community Based Rehabilitation' (CBR) harus diteliti dan diperkembangkan supaya tidak lagi tertumpu kepada penjagaan di pusat-pusat pemulihan 'Institutionalised Rehabilitation,'" katanya.



SEBAHAGIAN daripada 60 peserta yang menghadiri Seminar Penyampaian Perkhidmatan Pemulihan. — Gambar oleh Amat Moksin.



YANG Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menyaksikan sebahagian daripada fotografi yang dipamerkan sempena Tahun Melawat ASEAN 1992. — Gambar oleh Amat Moksin.

# Ke arah memperkenalkan warisan bangsa, negara

JALAN TUTONG, 11 Mei. — Salah satu cara untuk memperkenalkan negara ini kepada para pelancong ialah dengan mempamerkan foto-foto yang memaparkan khazanah warisan dan keindahan Negara Brunei Darussalam.

Justeru itu Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam dan dua buah syarikat tempatan yang diselaraskan bersama oleh Jawatankuasa Penyelaras Tahun Melawat ASEAN 1992 dan Lembaga Kemajuan Ekonomi telah menganjurkan Pameran Fotografi sempena Tahun Melawat ASEAN sebagai memperkenalkan keenam buah negara Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) di kalangan penduduk tempatan dan juga para pelancong.

Pameran selama sepuluh hari itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud di salah sebuah gedung membeli-belah terkemuka di sini.

Sebanyak 16 buah foto dari keenam-enam buah negara ASEAN dipamerkan di pameran fotografi selama sepuluh hari sebagai salah satu acara sempena Tahun Melawat ASEAN 1992.

Antara yang hadir di perasmian pameran itu ialah Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Dayangku Hajjah Urai binti Pengiran Ali yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Tahun Melawat ASEAN 1992.

# ISTIADAT MEMBACA DOA SELAMAT



PARA pegawai masjid membacakan dikir di Istiadat Membaca Doa Selamat sempena kelahiran Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raafi'ah Amalul Bolqiah, anak perempuan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajjah Mazuin yang berlangsung di Istana Darul Hana. — Gambar oleh Pengiran Haji Abu Bakar PHO.

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Mei. — Istiadat Membaca Doa Selamat sempena kelahiran Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raafi'ah Amalul Bolqiah, anak perempuan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajjah Mazuin berlangsung hari ini di Istana Darul Hana.

Istiadat yang berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Grand Chamberlain itu diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban oleh pegawai-pegawai masjid yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Abd. Wahid bin Haji Besar yang diikuti dengan tembakan meriam sebanyak tujuh belas das.

Doa selamat di istiadat itu telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Antara yang berangkat dan hadir sama di istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja, timbalan-timbalan menteri dan setiausaha-setiausaha tetap.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raafi'ah Amalul Bolqiah dilahirkan pada 23 April lepas bersamaan dengan 19 Syawal 1412 Hijrah.

## Majlis Jamuan Makan Malam

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Mei. — Setiausaha Tetap yang baru dan bekas Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta beberapa orang pegawai kanan kementerian berkenaan yang ditukar telah diraikan di satu Majlis Jamuan Makan Malam di salah sebuah hotel termuka di sini.

Majlis bagi meraikan Pengiran Dato Paduka Mohd. Yassin, Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang baru dan bekas Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu serta Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Mahmud dan juga pegawai-pegawai kanan kementerian tersebut diberikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain yang juga selaku tetamu kehormat.

Di majlis tersebut kedua-dua setiausaha tetap itu telah menyampaikan ucapan. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga berucap sebelum menyampaikan cenderamata kepada para pegawai yang diraikan.

Dato Paduka Awang Haji Chuchu kini bertugas sebagai Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan yang baru, sementara itu Pengiran Dato Paduka Mohd. Yassin adalah bekas Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan.

Majlis jamuan makan malam itu dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Zainal Abidin bin Penghulu Haji Ibrahim.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain di majlis meraikan pertukaran beberapa orang pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

# DBP anjurkan Pesta Buku Antarabangsa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bagi memperingati dan menyemarakkan lagi Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta yang akan berlangsung pada bulan Oktober depan, Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka akan menganjurkan Pesta Buku Antarabangsa.

Pesta itu dijangka akan diadakan di Pusat Pameran Perdagangan, Kompleks Perniagaan Bumiputera di ibu negara pada 1 hingga 7 Oktober, 1992.

Di samping untuk mengenalkan dan menjual buku serta bahan penerbitan, Pesta Buku Antarabangsa ini juga bertujuan memberi peluang pertemuan bagi toko buku, pengedar, pencinta buku dan masyarakat umum untuk meningkatkan daya apresiasi terhadap buku.

Menurut pihak penganjur sepanjang pesta ini nanti, beberapa acara sampingan seperti ceramah, forum, pembacaan, persembahan, tunjukcara dan peraduan akan diadakan bagi menjayakan pesta.

Orang ramai yang ingin menyertai pesta ini bolehlah mendapatkan borang permohonan dan syarat-syarat penyertaan dari Urusetia, Pesta Buku Antarabangsa, Sempena Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan 2064.

Borang-borang yang telah diisi hendaklah dihantar dialamat yang sama tidak lewat pada 30 Jun, 1992.



SEBAHAGIAN dari para peserta Seminar Mengenai 'Post Tensioning In Buildings' yang dikendalikan oleh VSL System (B) Sdn. Bhd. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

# Para jurutera, arkitek diharap hasilkan kerja yang lebih ekonomi

**Oleh**
**Abd. Karim HAB**



PENGARAH Kerja Raya, Dato Paduka Awang Haji Othman bin Haji Yaakub.

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Mei. — Seramai 60 orang jurutera dan arkitek dari sektor kerajaan dan swasta hari ini menghadiri seminar mengenai 'Post Tensioning' In Buildings' di sebuah hotel utama di sini.

Pengarah Kerja Raya, Dato Paduka Awang Haji Othman bin Haji Yaakub telah merasmikan seminar itu.

Beliau antara lain berkata, dengan permintaan yang baik bagi kerja-kerja bangunan dan infrastruktur, potensi untuk penggunaan teknologi baru dalam projek-projek baru adalah ketara.

"Saya berharap, para jurutera dan arkitek selalu mencari pelbagai cara dan bahan baru bagi menghasilkan kerja yang baik, lebih ekonomi dan memberi kepuasan sepenuhnya kepada pengguna," ujar beliau.

Menurut pengendali seminar itu, Syarikat VSL Systems (B) Sdn. Bhd., seminar sehari itu bertujuan memberi penerangan mengenai teori, penggunaan dan butir-butir sistem 'Post Tensioning' VSL yang digunakan di pelbagai bangunan di Asia dalam tempoh 20 tahun kebelakangan.

# Pertukaran, kenaikan pangkat pegawai k'jaan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Mei — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan bagi kenaikan pangkat dan pertukaran pegawai-pegawai berikut mulai hari ini.

Dato Paduka Awang Haji Abd. Aziz bin Mohammad, Timbalan Pengarah Perjawatan di Pejabat Perjawatan, Jabatan Perdana Menteri diaturkan untuk bertukar sebagai Pesuruhjaya Buruh, Pejabat Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Awang Haji Zainal bin Haji Momin, Pesuruhjaya Buruh di Pejabat Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dinaikkan pangkat dan seterusnya diaturkan untuk bertukar sebagai Pemangku Timbalan Pengarah Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Jabatan Perdana Menteri.

Awang Adnan bin Haji Hanafiah, Ketua Pos Agung di Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan diaturkan untuk bertukar sebagai Pegawai Pentadbir Kanan, Kementerian Perhubungan.

Awang Haji Abd Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abd Rahim, Timbalan Pengawal Imigresen di Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dinaikkan pangkat dan seterusnya diaturkan untuk bertukar sebagai Ketua Pos Agung, Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan.

Awang Haji Abd Hamid bin Ismail, Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diaturkan untuk bertukar sebagai Pegawai Pentadbir Kanan, Pejabat Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

Awang Haji Omar bin Haji Abd Rahman, Timbalan Pengarah Percetakan di Pejabat Percetakan, Kementerian Undang-Undang diaturkan untuk bertukar sebagai Timbalan Pengawal Imigresen, Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Awang Haji Othman bin Haji Momin, Jurutera Kerja Kanan di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dinaikkan pangkat dan seterusnya diaturkan untuk bertukar sebagai Timbalan Pengawal Stor dan Perbekalan Negara, Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan.

Pengiran Haji Othman bin Pengiran Haji Omar, Arkitek Kanan di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengarah Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

Awang Hamidon bin Haji Mohd. Tahir, Jurutera Kerja Kanan di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengarah Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.


DATO Paduka Awang Haji Abd. Aziz bin Muhammad.


AWANG Haji Zainal bin Haji Momin.


AWANG Adnan bin Haji Hanafiah.


AWANG Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abd Rahim.


AWANG Haji Abd. Hamid bin Ismail.


AWANG Haji Omar bin Haji Abd Rahman.


AWANG Haji Othman bin Haji Momin.


PENGIRAN Haji Othman bin Pengiran Haji Omar.


AWANG Hamidon bin Haji Mohd Tahir.

# Nilai kerohanian sesuatu puak bukan sebagai tontonan

Oleh
Aliddin HM

TUTONG, 8 Mei. — Nilai kerohanian dan kebendaan sesuatu puak itu bukan hanya sebagai tontonan atau pameran dalam pelbagai pesta yang bermusim tetapi hendaklah bermanfaat khususnya dalam pembentukkan kebudayaan nasional.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakyr dalam ucapan perasmiannya di Pesta Budaya dan Adau Gayoh Puak Dusun di Kampong Batang Mitus, Lamunin di sini sterusnya menambah, kebudayaan pada keseluruhannya adalah sistem dalam kehidupan yang merangkumi nilai kerohanian dan kebendaan yang sentiasa berubah.

Pesta selama dua hari yang mendapat sambutan hangat itu diserikan dengan permainan tradisi, pameran kraftangan serta pertunjukan perkahwinan dan budaya puak Dusun.

Sehubungan dengan itu, Pengarah DBP menyeru puak berkenaan supaya berusaha untuk meningkatkan teknologi berkenaan agar dapat bersaing dengan kebudayaan luar.

Pesta Budaya dan Adau Gayoh yang bermaksud hari besar bagi puak Dusun diadakan setiap tahun, kali ini disempenakan dengan Tahun Melawat ASEAN 1992.

Ia antara lain bertujuan untuk mendedahkan kebudayaan puak Dusun kepada masyarakat setempat dan juga para pelancung. Di samping itu ia merupakan salah satu kegiatan tahunan Persatuan Batang Mitus (BAMIT) dalam bidang kebudayaan.

Antara yang hadir di pesta itu ialah Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Dayangku Hajjah Urai binti Pengiran Ali selaku Pengerusi Eksekutif Tahun Melawat ASEAN 1992.


PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakyr ketika memukul gong bagi merasmikan Pesta Budaya dan Pesta Adau Gayoh Puak Dusun di Kampong Batang Mitus. — Gambar oleh Masmaleh HMA.


SALAH satu daripada tarian tradisi puak Dusun yang dipersembahkan di pesta tersebut. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

## BUKU PANDUAN TELEFON

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Telekom memaklumkan kepada orang ramai bahawa buku Panduan Telefon Negara Brunei Darussalam keluaran 1992 boleh diperolehi untuk pembahagian mulai dari 7 Mei, 1992.

Buku Panduan Telefon boleh didapati di pusat-pusat Telekom yang berikut:-

Daerah Brunei Muara — Bahagian Perdagangan dan Perkhidmatan-perkhidmatan Pelanggan, Pejabat Telekom, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Daerah Belait — Pejabat Telekom, Kuala Belait; Pekan Seria — Pejabat Telekom, Seria; Daerah Tutong — Pejabat Telekom, Tutong dan Daerah Temburong — Pejabat Telekom, Bangar.

# Tenaga kerja setiap rakyat amat diperlukan

BERAKAS, 14 Mei. — Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Datin Paduka Hajjah Jusnani binti Haji Lawie menegaskan bahawa tenaga kerja setiap rakyat dan penduduk negara ini adalah amat diperlukan, bukan sahaja bagi memenuhi sektor kerajaan tetapi juga sektor swasta.

Perkara ini penting memandangkan Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang sedang membangun dan memerlukan sumbangan dan komitmen dari semua pihak, tegasnya.

Datin Paduka Hajjah Jusnani menegaskan demikian ketika berucap selaku tetamu kehormat di Upacara Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas, Rekrut Ahli Bomba Wanita Pelatih Skuad Ke-2 yang berlangsung di Pusat Latihan Bomba di sini Khamis lepas.

Beliau seterusnya berkata bahawa peluang pekerjaan bagi kaum wanita telah mulai terbuka bagi pekerjaan-pekerjaan yang mana dahulunya hanya terbuka untuk kaum lelaki sahaja iaitu seperti ahli bomba.

"Yang lebih menggalakkan lagi ialah pada masa ini kaum wanita telah mulai bersedia untuk memasuki bidang-bidang pekerjaan yang dahulunya hanya diceburi oleh kaum lelaki," jelas Datin Paduka.

Dengan adanya perubahan 'attitude' atau sikap memilih kerja ini, tegas Datin Paduka, akan lebih mendatangkan kesan ke arah usaha-usaha kerajaan memperkembanggiatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam pada itu beliau menyeru ahli-ahli Bomba wanita supaya bertugas dengan baik, di samping berusaha mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan dalam kerjaya yang telah dipilih.

Perkhidmatan Bomba, menurut Datin Paduka, adalah satu perkhidmatan penting yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk rakyat dan penduduk di negara ini.

Perkhidmatan yang diberikan dengan baik dan berkesan, tegas Datin Paduka, akan dapat menyelamatkan bukan sahaja harta benda dan nyawa tetapi juga alam sekitar dan keindahan alam semula jadi untuk generasi akan datang.

Keadaan dunia yang semakin panas, perubahan iklim dan cuaca telah menyebabkan kebakaran hutan yang merebak memusnahkan segala-galanya di beberapa buah negeri, jelasnya.

Oleh yang demikian tugas dan tanggungjawab ahli-ahli bomba adalah sangat berat dan penting.

Beliau yakin dengan adanya latihan-latihan dan bimbingan dan pemedulian yang sentiasa diberikan dari semasa ke semasa dan dengan sumbangan yang jujur dan ikhlas dari pegawai-pegawai dan ahli-ahli bomba, Negara Brunei Darussalam akan selamat dan terhindar dari mengalami kerugian-kerugian besar akibat kebakaran-kebakaran.

Dalam Upacara Perbarisan Tamat Latihan itu Rekrut ABW 245 Salimah binti Haji Salleh telah dipilih sebagai pelatih terbaik dalam semua jurusan; Rekrut ABW 228 Rosita binti Haji Aman terbaik dalam teori dan Rekrut ABW 357 Rosmahwati binti Haji Tengah.

Kursus Latihan Asas Rekrut Ahli Bomba tersebut bukan sahaja meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan tugas harian anggota bomba, tetapi juga pelatih-pelatih telah diberikan peluang untuk mempelajari pertolongan cemas dan dibawa melawat bangunan-bangunan yang mempunyai sistem isyarat kecemasan bagi dapat memberikan gambaran akan masalah yang mungkin dihadapi semasa menjalankan tugas seharian.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral Dato Seri Paduka Haji Awang Sulaiman ketika menyematkan pingat kepada salah seorang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang menerima Pingat Kerja Lama dan Perangai Baik.

Dari muka 4

Sejurus selepas menyembahkan watikah perlantikan masing-masing, ketiga-tiga ketua perwakilan asing yang baru itu telah diperkenan mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ketiga-tiga ketua perwakilan asing yang beribu pejabat di Singapura itu sebelumnya telah menerima tabik hormat dari 30 orang anggota Batalion Kedua Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei di bawah perintah Leftenan Azhar bin Haji Ahmad di Perkarangan Istana Nurul Iman dalam upacara yang berasingan.

Hadir di istiadat itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud.

# Pamerkan perangai baik dan mulia

**Oleh Bolhassan HAB**

BERAKAS, 15 Mei. — Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral Dato Seri Paduka Haji Awang Sulaiman mengingatkan semua anggota agar mempamerkan perangai baik atau akhlak mulia serta perasaan luhur dan ikhlas.

"Adalah menjadi hasrat kita semua untuk melihat ABDB sebagai satu angkatan tentera yang berwibawa dengan ahli-ahlinya bermaruah dan bersemangat pada setiap waktu dan ketika," tegas Yang Dimuliakan ketika berucap selaku tetamu kehormat di Upacara Penyampaian Pingat Kerja Lama dan Perangai Baik di Bolkiah Garison di sini hari ini.

Yang Dimuliakan berkata, hasrat yang murni itu mestilah sentiasa disemarakkan dengan perangai atau akhlak yang mulia.

Sehubungan dengan itu, Yang Dimuliakan menambah, ABDB telah mempertingkatkan usahanya dalam pelajaran agama Islam untuk semua ahli-ahlinya.

Arahan telah pun diberi agar semua anggota yang kurang pengetahuan agama akan dibimbing secara teliti dengan memberi pelajaran asas agama. Yang Dimuliakan menambah, "Semoga dengan jalan ini akan dapat menghindar mereka dari pekerjaan yang mungkar sama ada di segi agama ataupun undang-undang negara ataupun undang-undang tentera."

Di upacara tradisi tentera yang berlangsung di Padang Kawad 'A' itu, Pemerintah ABDB menyempurnakan penyampaian pingat-pingat kepada 17 orang anggota yang telah menggenapkan perkhidmatan selama 18 tahun.

Penerima pingat-pingat tersebut terdiri dari lima anggota Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, seorang dari Markas Angkatan Tentera Laut, lapan dari Markas Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata dan tiga anggota Pusat Latihan ABDB.

# IMEJ BERDIKARI PERLU DITONJOLKAN

**Oleh Aliddin HM**

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Mei. — Sebagai rakyat dan penduduk di negara ini adalah menjadi tanggungjawab kitani untuk memberikan dukungan taat setia yang tidak berbelah bahagi serta meyakini sepenuhnya kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memberikan sokongan kepada usaha-usaha kerajaan baginda kepada peningkatan kemakmuran pembangunan, kesejahteraan, kestabilan, keselamatan dan keamanan rakyat di negara ini.

"Dalam kita menghadapi cabaran-cabaran bagi mengisikan erti kemerdekaan itu, kita perlu menunjukkan imej kita sebagai rakyat yang berdikari yang tidak sematamata bergantung kepada usaha-usaha pembangunan dan kemajuan kerajaan akan tetapi bersedia menggandingi dan memberikan sumbangan pada menjayakan setiap rancangan kemajuan kerajaan itu," kata Pengarah Penerangan, Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dalam Majlis Taklimat Penerangan kepada lebih 20 orang ahli Jawatankuasa Penduduk Kampong Lamunin yang membuat lawatan ke Jabatan Penerangan.

Pengarah Penerangan menambah, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, mestilah mempunyai sifat positif ke arah menyumbangkan khidmat bakti bagi pembangunan dan kemajuan negara dengan tujuan untuk memperkukuhkan dan memastikan kesinambungan bangsa.

"Sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kita mestilah mempunyai sifat-sifat positif ke arah menyumbangkan khidmat bakti bagi pembangunan dan kemajuan negara. Dalam menyumbangkan bakti tidak semestinya kitani menyumbangkan secara besar iaitu terlibat secara langsung di dalam pengendalian pentadbiran negara ataupun menjalankan jentera-jentera pembangunan negara, tetapi sumbangan-sumbangan yang kecil, walau semana kecilnya adalah juga amat diperlukan oleh bangsa dan negara bagi tujuan untuk membangun dan memajukan negara dan seterusnya bagi mempekalkan kedaulatan dan kemerdekaan bangsa yang sama-sama kitani tanai. Sumbangan rakyat dan penduduk kepada negara telah digariskan dan dijelaskan di dalam titah baginda sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini dalam mana setakat doa bagi keselamatan negara dan penduduk juga adalah merupakan sumbangan," jelas Awang Haji Hazair di Bilik Taklimat Jabatan Penerangan di sini, hari ini.

Menurut Pengarah Penerangan, kedaulatan tanahair adalah suatu yang sangat tinggi nilai dan ertinya kepada sesuatu bangsa yang merdeka dan bertamadun.

Kedaulatan tanahair itu melambangkan keunggulan dan keagungan sesuatu bangsa itu. Tidak kira sama ada ianya sebuah negara yang besar ataupun yang kecil. Soal pokoknya, kedaulatan tanahair menjadikan kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan mana-mana negara yang merdeka dan berdaulat di dunia ini, tegas Awang Haji Hazair.

Menurut Awang Haji Hazair, sebagai sebuah negara dan bangsa yang berdaulat, kita mempunyai cita-cita tersendiri baik dari segi politik, pemerintahan dan kerajaan mahupun dari aspek sosial dan budaya yang menjadikan kita walih atau berbeza daripada bangsa-bangsa dari negara-negara lain.

"Sebagai kedaulatan bangsa itu sendiri, kita tidak mahu kedaulatan ini diganggu-gugat atau terancam sama ada dalam negeri mahupun oleh anasir-anasir dari luar negeri. Ciri-ciri ini adalah juga suatu nilai yang tidak boleh tawar-menawar atau bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang cuba menggugat atau mengancam," tegas Awang Haji Hazair.

Dalam usaha mempertahankan kedaulatan tanahair, jelas Awang Haji Hazair, ianya memerlukan beberapa nilai yang patut ada dalam diri kita sebagai rakyat dan penduduk negara ini iaitu kefahaman mengenai dengan kedaulatan itu sendiri, tanpa kefahaman, kita tidak akan dapat mempertahankan kedaulatan kita.

Dari pemahaman itu datangnya penghayatan kedaulatan bangsa dan tanahair kemudiannya diikuti dengan komitmen dan penglibatan kita pada menanai kedaulatan tanahair dan bangsa kita.

"Komitmen dan penglibatan itu bukan hanya merupakan satu komitmen yang separuh-separuh hati bahkan komitmen yang sepenuhnya. Selepas itu, setelah kita mempunyai pemahaman dan mempunyai komitmen dan penglibatan secara 'total' maka adalah perlu kita memberikan sumbangan dan pengorbanan ke arah mengekalkan dan mempertahankan kedaulatan tanahair dan bangsa kita," tegas Awang Haji Hazair.

Terdahulu dari itu, rombongan yang diketuai oleh Ketua Kampong Lamunin, Dato Paduka Kapten (B) Haji Bahar bin Haji Tamat telah diberikan ucapan alu-aluan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Kassim bin Haji Abd. Rahman dan diikuti oleh taklimat mengenai 'Melayu Islam Beraja' yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Awang Yussof bin Haji Ladi.

Majlis pada hari itu juga diselajurkan dengan sesi perbincangan dan ramah mesra dengan Pengarah Penerangan dan para pegawai kanan di jabatan itu.




PENGARAH Penerangan, Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah ketika memberikan taklimat kepada lebih 20 orang ahli Jawatankuasa Penduduk Kampong Lamunin yang membuat lawatan ke Jabatan Penerangan. — Gambar oleh Abdullah HAD.

# Dokumentari Mengenai Penyakit Jantung Koronari

Oleh
Dr On Sui Chee

PENYAKIT jantung koronari merupakan satu keadaan gangguan yang berlaku pada fungsi biasa jantung yang disebabkan oleh ketidakseimbangan di antara bekalan dan permintaan oksigen.

Jantung memperolehi bekalan oksigennya sendiri dari darah yang mengalir melalui dua arteri utama koronari iaitu arteri koronari kanan dan kiri. Permintaan bagi oksigen meningkat semasa kegiatan fizikal yang menyebabkan jantung terpaksa bekerja dengan lebih kuat dan cepat. Peningkatan permintaan ini dapat dipenuhi oleh peningkatan serentak aliran darah melalui arteri koronari pada individu yang normal.

Bagi pesakit yang menghidap penyakit jantung koronari, arteri koronari menjadi tebal dan keras disebabkan oleh pendapan di dinding arteri oleh bahan-bahan lemak terutama sekali kolestrol, platelet dan bahan-bahan lain. Akibatnya berlaku penyempitan arteri koronari, yang demikian mengurangkan aliran darah ke bawah paras yang kritikal. Ketika inilah bermulanya beberapa gejala penyakit jantung koronari.

Pada kebiasaannya, pesakit mengadu sakit pada dada yang disebabkan oleh kegiatan fizikal misalnya, selepas berjalan beberapa lama atau dalam sesuatu permainan. Pada peringkat ini, terdapat gangguan sementara pada otot jantung, disebabkan oleh permintaan bekalan oksigen yang tidak dapat dipenuhi. Kesakitan berkurangan bila pesakit berehat.

Penyakit jantung berlaku bilamana terdapat gangguan yang lebih teruk pada aliran darah, yang mengakibatkan kerosakan kekal pada bahagian otot jantung. Dalam keadaan ini, pesakit mengadu sakit yang amat sangat dan berpanjangan pada dada disertai dengan kesukaran bernafas, berpeluh, ras loya dan muntah.

Yang amat membimbangkan ialah ada setengah-setengah pesakit yang menemui maut dengan tiba-tiba tanpa sebarang petanda. Bagaimana pun, dari beberapa tinjauan, besar kemungkinan pesakit seperti ini pernah mengalami sakit dada di masa lalu, yang tidak begitu dihiraukan atas beberapa sebab, sama ada semasa berehat atau semasa melakukan kegiatan fizikal.

### Musuh Kesihatan

Di seluruh dunia, penyakit pembuluh jantung, terutama sekali penyakit jantung koronari dan strok, dinamakan "musuh kesihatan awam No.1" meragut 12 juta nyawa setiap tahun, demikian catatan Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Satu ketika dahulu penyakit ini dikaitkan dengan negara-negara industri yang mewah. Bagaimanapun keadaan ini sudah berubah. Penyakit pembuluh jantung kini menjadi pembunuh utama di negara-negara membangun, disebabkan oleh perubahan cara dan gaya hidup manusia. Fakta yang paling membimbangkan ialah kebanyakan mangsa terdiri dari golongan pengusaha dan profesional yang amat diperlukan kemahiran dan kepakaran mereka bagi pertumbuhan ekonomi negara. Berjuta-juta manusia menemui maut setiap tahun dan beberapa juta lagi menjadi lumpuh. Begitu besar kerugiannya dari segi ekonomi dan di Amerika Syarikat sahaja, ianya dianggarkan bernilai $127 bilion setahun.

Di Negara Brunei Darussalam, kita tidak terkecuali dari tren yang melanda dunia masa ini. Angka pada tahun 1988 menunjukkan bahawa 20% dari jumlah kematian disebabkan oleh penyakit pembuluh jantung, menjadikannya pembunuh utama di Negara Brunei Darussalam. Angka yang sebanding bagi penghidap kanser ialah 13%.

Penyakit pembuluh jantung kini merupakan ancaman kepada kesihatan kesemua orang, sejajar dengan perubahan gaya hidup masyarakat yang menjalani cara hidup yang moden, seperti merokok, meminum minuman keras, kurang beriadah serta mengamalkan cara pemakanan yang kurang sihat.

Kita tidak boleh bersikap sambil lewa. TIADA SEORANG PUN YANG TERKECUALI. Penyakit jantung koronari boleh mengenai sesiapa sahaja : awda sendiri, orang-orang yang awda kasihi, jiran tetangga awda atau teman-teman awda. Kita boleh mendapatkan vaksin bagi penyakit-penyakit berjangkit yang lain seperti campak atau batuk kering, tetapi tidak terdapat vaksin bagi penyakit jantung dan arterinya. Yang dapat dilakukan hanyalah PENCEGAHAN. Satu-satunya cara yang paling praktikal dan murah ialah dengan PENCEGAHAN - melalui cara hidup yang sihat — sebelum penyakit jantung koronari menghinggapi ..... dengan amat parah.

Kini diketahui sebenarnya bahan-bahan berlemak sudahpun didapati bila mencapai usia 15 tahun. Ianya kemudiannya terhimpun bila usia seseorang meningkat. Proses ini dipercepatkan oleh kehadiran kolestrol darah tinggi, merokok dan tekanan darah tinggi. Kajian baru-baru ini menunjukkan bahawa rawatan agresif untuk menurunkan tahap tekanan darah dan kolestrol, di samping mengamalkan cara hidup yang sihat, boleh mengakibatkan berkurangnya penyempitan arteri koronari.

### Dikenalpasti

Beberapa faktor risiko bagi perkembangan penyakit jantung koronari telah pun dikenalpasti. Yang paling penting ialah MEROKOK, KOLESTROL DARAH TINGGI DAN TEKANAN DARAH TINGGI. Yang lain termasuklah berat badan yang berlebihan, kurang riadah, kencing manis dan ketegangan. Wanita pertengahan umur agak terlindung pada had yang tertentu, disebabkan oleh adanya estrogen, sejenis hormon wanita.

Bagaimanapun, perlindungan ini berkurangan selepas wanita itu putus haid disebabkan estrogen tidak lagi dikeluarkan. Kemungkinan terkena penyakit jantung koronari juga meningkat, jika kalangan keluarga pernah menghidapinya iaitu yang berlaku pada keluarga yang rapat dalam usia yang rendah (50 tahun). Perlu juga difahami jika beberapa faktor risiko yang diketahui berlaku pada waktu yang sama pada seseorang individu, risiko menghadapi penyakit juga meningkat berlipat ganda.

***PENYAKIT pembuluh jantung kini merupakan ancaman kepada kesihatan kesemua orang, sejajar dengan perubahan gaya hidup masyarakat yang menjalani cara hidup yang moden, seperti merokok, meminum minuman keras, kurang beriadah serta mengamalkan cara pemakanan yang kurang sihat.***

Kebanyakan faktor risiko yang disebutkan terlebih awal dapat dikurangkan atau dihapuskan. Caranya adalah mudah iaitu dengan hanya mengamalkan cara hidup yang sihat dan cara pemakanan yang teratur — perkara ini hendaklah dimulakan sejak kecil lagi. Perubahan cara hidup ini amat besar nilainya. Kita sudahpun menyaksikan menurunnya kadar kematian yang disebabkan oleh penyakit jantung koronari di beberapa buah negara industri seperti Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Perancis, Finland, Belgium dan Norway. Ini adalah hasil dari cara pemakanan yang teratur, lebih banyak kegiatan fizikal, kurangnya merokok dan semakin berkurangnya kepekatan kolestrol darah.

Dari bilangan lelaki dan perempuan yang terlibat, merokok menyebabkan lebih banyak kejadian penyakit jantung koronari daripada yang menyebabkan penyakit kanser paru-paru. Beberapa kajian menunjukkan bahawa berhenti merokok dengan segera mengurangkan risiko penyakit jantung koronari. Menggantikan rokok dengan cerut atau dengan menghisap paip tidak digalakkan.




Tema Tahun Kesihatan Sedunia tahun ini, 'Degupan Jantung : Irama Kesihatan'.

### Permakanan Moden

Tujuan mengendalikan cara pemakanan adalah untuk mengurangkan kolestrol, kalori, lemak dan garam. Cara pemakanan moden seperti makanan bergoreng dan makanan segera juga minuman manis adalah membahayakan kesihatan jantung kita. Ramai di antara kita yang tidak menyedari 'bahan lemak yang tersembunyi' dalam biskut, kek, coklat dan beraneka jenis 'makanan segera'.

Cara pemakanan yang sihat hendaklah yang rendah kandungan lemaknya, terutama sekali lemak tepu seperti yang terdapat dalam beberapa jenis minyak masak, produk binatang seperti daging merah, mentega dan keju. Daging putih mempunyai kandungan lemak yang rendah seperti ayam dan ikan. Makanan yang kaya dengan kolestrol termasuklah otak, kuning telur, hati, udang, ketam, sotong. Mengurangkan pengambilan garam dapat menurunkan tekanan darah tinggi.

Kegiatan fizikal secara tetap pada tahap yang sederhana wajar dilakukan tetapi perlu diambil kira usia, kesihatan fizikal dan keadaan kesihatan seseorang. Cara dan tahap senaman yang dipilih hendaklah mengikut keupayaan individu. Bagi mereka yang dalam lingkungan umur pertengahan dan ke atas, berjalan pantas adalah cukup sesuai. Jumlah minima berjalan pantas ialah sebanyak 3 kali seminggu dengan mengambil masa kira-kira 20 minit setiap kali.

Pada umumnya pengambilan ubat adalah diperlukan untuk merawat tekanan darah tinggi, selain daripada mengurangkan pengambilan darah. Pengambilan ubat juga diperlukan untuk merawat tahap kolestrol yang tinggi jika sukar untuk mengawal cara pemakanan, atau sekiranya terdapat beberapa faktor risiko pada waktu yang sama.

Cara-cara mencegah penyakit jantung koronari yang disebutkan terlebih awal tadi tidaklah begitu sukar untuk diikuti. Apa yang amat diperlukan ialah kesungguhan untuk mengamalkan cara hidup yang sihat, yang juga dapat menolong mengurangkan risiko terkena penyakit-penyakit lain seperti kanser, kencing manis dan strok.

### Kempen

Kementerian Kesihatan sangat mengambil berat terhadap ancaman yang semakin meningkat yang disebabkan oleh penyakit jantung koronari ke atas kesihatan penduduk negara kita. Keutamaan diberikan terhadap pencegahan sejak awal sebelum seseorang terkena penyakit jantung koronari. Kempen bagi melindungi dari penyakit ini dianjurkan untuk mengesan beberapa faktor risiko seperti kolestrol darah tinggi, tekanan gula dan darah. Oleh itu nasihat dan rawatan yang bersesuaian diberikan kepada para individu yang mempunyai faktor risiko sedemikian.

Sekiranya pesakit menghidap penyakit jantung koronari, Rumah Sakit RIPAS di ibu negara, dan Rumah Sakit Suri Seri Begawan di Kuala Belait, mempunyai Unit Rawatan Koronari (CCU) yang cukup lengkap untuk memberikan rawatan. Rakyat Negara Brunei Darussalam yang memerlukan pembedahan bypass koronari arteri atau angioplasty akan dihantar ke luar negeri dengan dibiayai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa rawatan terhadap penyakit jantung koronari yang disahkan sama ada di dalam negeri atau di luar negeri, memerlukan penggunaan alat perkakas dan perubatan yang mahal, yang demikian meningkatkan perbelanjaan rawatan kesihatan negara. Dengan mengambil kira kehilangan produktiviti dan hasil pendapatan, kesannya terhadap perkembangan ekonomi dan sosial adalah agak besar. Di samping itu keluarga yang terlibat juga menanggung rasa kecewa dan bimbang.

Justeru itu adalah penting bagi orang ramai menyedari pepatah lama yang menyatakan : MENCEGAH LEBIH BAIK DARIPADA MENGUBATI. Sudah pasti setiap yang buruk ada baiknya. Penyakit jantung koronari sememangnya dapat DICEGAH dengan perbelanjaan yang tidak begitu banyak. Kementerian Kesihatan akan berusaha segenap tenaga untuk menggesa orang ramai bersama-sama mengurangkan merebaknya penyakit yang amat ditakuti ini yang dikenali sebagai "musuh kesihatan orang ramai No.1". Negara Brunei Darussalam akan menjadi tempat yang lebih baik untuk didiami tanpa adanya beban ekonomi, sosial dan saikologikal yang ditanggung dari penyakit ini. Sewajarnya bagi kita berusaha bersungguh-sungguh untuk memeranginya.



PEMERIKSAAN kesihatan seperti mengambil contoh-contoh darah terhadap orang ramai di negara ini adalah salah satu kempen mengesan penyakit jantung koronari.

# RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN

### 25 JUN, 1992 (HARI KHAMIS)

Dayang Nooriah binti Haji Mohd. Yussof K/P 045072 (K); Awangku Badar bin Pengiran Bungsu K/P 063428 (K); Roslan bin Haji Abd Hamid K/P 062514 (K); Aliddin bin Abu Bakar K/P 048490 (K); Dk Normah binti Pg Burut K/P 056420 (K); Awang Mahali bin Omar K/P 110821 (K); Raup bin Haji Basman K/P 056288 (K); Nawi bin Hassan K/P 041213 (K); Ak. Khalid bin Pg. Matzaini K/P 050800 (K); Ramli bin Haji Matassim @ Metassim K/P 056106 (K); Hamidoon bin Haji Mahmud K/P 060978 (K); Hamin bin Tamit K/P 019549 (K); Narudin bin Matusop K/P 053764 (K); Suhaimi bin Karim @ Ibrahim K/P 058164 (K); A. Adinin bin A. Ahmad K/P 065004 (K); A. Ladi bin Awang Sebudin @ A. Roslan bin Shahbudin K/P 061611 (K); Matussin bin Haji Jamahat K/P 053610 (K); Mohd Sapian bin Haji Mohd Jair K/P 054835 (K); Awang Yusof bin Baha K/P 054412 (K); Sariani binti Penglima Raja Haji Maidin K/P 058557 (K); Adros bin Bahari K/P 047701 (K); Sulaiman bin Haji Timbang K/P 060637 (K); Bakir bin Haji Lisa K/P 047030 (K); Mat Salleh bin Mat Zin K/P 017148 (K); Merzuki bin Mustapha @ Juki K/P 073857 (K).

### 29 JUN 1992 (HARI ISNIN)

Metali bin Awang Damit K/P 010028 (K); Sulaiman bin Nayan K/P 051789 (K); Awang Mauni bin Matjin @ Maruni K/P 111120 (K); Siti Rosani binti Haji Abdullah K/P 044050 (K); Abdul Rahman bin Awang Haji Hashim K/P 037189 (K); Lamit bin Haji Gantang K/P 066981 (K); Mat Serudin bin Haji Pakar K/P 041895 (K); Mastura binti Haji Abd Latif K/P 054666 (K); Dayangku Safiah binti Pengiran Haji Apong K/P 047964 (K); Umar bin Haji Latif @ Dom bin Latif K/P 050883 (K); Latif bin Damit K/P 051551 (K); Mohamad bin Awang Chuchu K/P 000271 (K); Mat Dali bin Rajap K/P 056514 (K); Masnah binti Zulkifli K/P 066571 (K); Siti Jauyah binti Haji Ahmad K/P 046997 (K); Mohamad bin Haji Bakar K/P 052399 (K); Mohamad bin Mustapa K/P 043877 (K); Mohamed Hussain bin Haji Abdul Hamid K/P 059688 (K); Abdullah Thani bin Haji Abdul Halim K/P 061808 (K); Simpul bin Laini K/P 030351 (K); Mohammad Alli bin Zaini K/P 054891 (K); Manis bin Umbi @ Ipoh K/P 003032 (K); Awang Jaya bin Matusin @ Jais K/P 044219 (K); Dayang Hadijah binti Hamid K/P 051347 (K); Mahmud bin Haji Ibrahim K/P 031822(K).

### 30 JUN, 1992 (HARI SELASA)

Timbang bin Tengah K/P 034155 (K); Abdullah bin Md Yassin/Mohd Yassin K/P 068989 (K); Aisah binti Mohd Gais K/P 060650 (K); Ali Othman bin Awang Besar K/P 017135 (K); Dayang Asmah binti Haji Durahim K/P 056593 (K); Bungsu bin Rajak K/P 045055 (K); Ak Damit bin Pg Ahmad K/P 024265 (K); Hamidah binti Saman/Salam K/P 060172 (K); Dayang Lawayah binti Buang K/P 058122 (K); Moga bin Paun K/P 054178 (K); Noraini binti Haji Md Sum K/P 063403 (K); Rosni binti Haji Bakar K/P 058581 (K); Saman bin Haji Mat Salleh K/P 030066 (K); Sani bin Omar K/P 019658 (K); Suhaimi bin Timbang K/P 069099 (K); Abdul Wahab bin Abu Bakar K/P 048616 (K); Zainal bin Haji Md Daud K/P 026856 (K); Mohd Zaini bin Bagul K/P 049393 (K); Zahari bin Haji Mohd Noor K/P 047831 (K); Awang Adanan bin Haji Abd Latif K/P 006406 (K); Awang Mohamad Salleh bin Awang Mat Daud K/P 064521 (K); Kamis bin Hashim @ Kurus K/P 017957 (K); Junaidi bin Pudin K/P 055415 (K); Md Hashim bin Haji Md Jair K/P 057602 (K); Osman bin Kasmorjo K/P 026259 (K).

### 1 JULAI 1992 (HARI RABU)

Adanan bin Bakar K/P 008310 (K); Dayang Anak binti Haji Othman K/P 052721 (K); Baha bin Badar K/P 030390 (K); Tamit bin Sidek K/P 052179 (K); Awang Abdullah bin Ahmad K/P 031989 (K); Awang Haji Hussein bin Haji Ismail K/P 053944 (K); Dayang Fatimah binti Tengah K/P 052611 (K); Mayasin bin Sulaiman K/P 043453 (K); Latipah binti Mohamad Yassin K/P 062635 (K); Saidin/Sharbini bin Md Tumin K/P 047599 (K); Norhani binti Ladi K/P 068806 (K); Sabariah binti Haji Mohamad K/P 067479 (K); Rusnah binti Haji Abas K/P 000432 (K); Latip bin Haji Matnor/Md Noor K/P 037241 (K); Hashim bin Haji Md Noor K/P 064777 (K); Awang Su'ut bin Haji Ahmad K/P 057272 (K); Haji Sibu Daud bin Haji Tahir K/P 063537 (K); Dayang Masni binti Ahmad K/P 046201 (K); Zarah binti Pengarah Haji Matusin K/P 057936 (K); Shahminan bin Chuchu K/P 051498 (K); Siti Normah binti Mahmud K/P 052509 (K); Anuar bin Awang Haji Mahmud K/P 060188 (K); Rosnani binti Awang Haji Metali K/P 051606 (K); Mohd Rawi bin Mohd Zainin K/P 049993 (K); Mohd Jaafar bin Haji Luidin K/P 055123 (K).

### 6 JULAI 1992 (HARI ISNIN)

Awang Moslim bin Awang Haji Matnor K/P 056507 (K); Ali bin Sapar K/P 051718 (K); Marzuki bin Awang Achee K/P 063454 (K); Mat Jinin bin Ibrahim K/P 118851 (K); Mohamad bin Duraman @ Abd Rahman K/P 033234 (K); Pg Ibrahim bin Pg Haji Othman K/P 050037 (K); Pg Jumaat bin Pg Jaya Indera Pg Besar K/P 018839 (K); Awang Yahya bin Haji Ahmad K/P 056462 (K); Shamri bin Abdullah @ Leong Ah Song K/P 042399 (K); Rhomayaney Mochsin bin Abdullah K/P 063650 (K); A. Abdul Ghani bin Md Daud K/P 023437 (K); Dk. Zaibidah binti Pg Haji Damit K/P 027196 (K); Abd Rasid bin Salim K/P 011370 (K); Muamad bin Dullah K/P 048203 (K); Haji Abd Kadir bin Abd Rahman K/P 012718 (K); Osmar bin Duraman K/P 013724 (K); Abd Razak bin Abd Ghani K/P 051675 (K); Besar bin Latif K/P 012708 (K); Wasli bin Ismail K/P 039512 (K); Rosnani binti Haji Abdul Hamid K/P 046374 (K); Haji Morsidi bin Haji Awang Ahmad K/P 053924 (K); Kasma binti Mokti K/P 055023 (K); Latif bin Madris K/P 045423 (K); Mohaimin bin Mohamed K/P 061855 (K); Halimah binti Johan K/P 011260 (K); Hasnah binti Ibrahim K/P 042729 (K); Saban bin Lamat K/P 004530 (K).

# SKIM TANAH KURNIA RAKYAT JATI

JABATAN Tanah akan menemuduga pemohon-pemohon yang menyertai Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati secara berperingkat-peringkat.

Temuduga tersebut akan diadakan di Pejabat Tanah, Lapangan Terbang Lama Berakas pada tarikh yang telah ditentukan, jam 8.00 pagi.

Perkara yang perlu dibawa oleh pemohon-pemohon semasa temuduga adalah seperti berikut:-

Untuk pemohon yang ayahnya masih hidup, semasa menghadiri temuduga di atas, sila bawa bersama perkara-perkara berikut:-

a. Kad Pengenalan sendiri.
b. Sijil akuan kerakyatan sendiri/ayah/isteri/suami/semua tanggungan (jika ada).
c. Kad Pengenalan/surat beranak isteri/suami/semua tanggungan/ayah (jika ada).
d. Geran Tanah (jika ada).

2. Untuk pemohon yang ayahnya meninggal dunia, semasa menghadiri temuduga di atas, sila bawa bersama perkara-perkara berikut:-

a. Sijil mati ayah.
b. Dokumen yang ditinggalkan ayah (pasport).
c. Kad Pengenalan atau pasport adik-beradik ayah.
d. Kad Pengenalan atau pasport adik-beradik sendiri.
e. Geran tanah (jika ada).

3. Untuk pemohon, hendaklah membawa satu salinan bergambar Kad Pengenalan sendiri dan suami/isteri (photocopy) untuk kegunaan pejabat ini.

4. Untuk pemohon wanita, suami (jika ada) dijemput hadir bersama.

5. Kegagalan untuk menghadiri temuduga yang tersebut di atas dan membawa dokumen-dokumen yang dikehendaki tanpa sebab yang munasabah akan dikira menarik diri dari skim berkenaan dan peluang ini akan diberikan kepada pemohon lain yang memenuhi syarat yang ditetapkan.

### SKIM PENGURNIAAN TANAH KEPADA RAKYAT JATI

Awg. Jaafar bin Apong, k/p 003807 K; Mohd. Salleh bin Dollah, k/p 046150 K; Dyg. Saripah binti Mohamad Yusof, k/p 037225 K; Dyg. Tiasah binti Laman @ Tampoi binti Laman, k/p 000604 K; Awg. Tudah bin Awg. Kalob, P 824; Awg. Gani bin Awg. Sawal, k/p 004671 K; Awg. Saman bin Metusin, k/p 004659 K; Awg. Ibrahim bin Tengah, k/p 041894 K; Hj. Ibrahim bin Hj. Rasid, 023812 K dan Hj. Zainal bin Salleh, k/p 017672 K.

Awg. Ismail bin Puteh, k/p 069896 K; Awg. Ismail bin Mohd. Daud, k/p 044534 K; Ak. Serpudin bin Pg Mat Salleh, k/p 002286 K; Mohamed bin Hj. Mat. Nor, k/p 002169 K; Abd. Manaf bin Tabit, k/p 044882 K; Awg. Yaakub bin Hj. Chuchu, k/p 048104 K; Pg. Azahar bin Pg. Hj. Mahmud, k/p 044527 K; Dk. Zabaidah binti Pg. Abdullah k/p 006174 K; Awg. Zaini bin Ahmad, k/p 048453 K dan Awg. Bujang bin Jumat, k/p 045926 K.

Md. Yunus bin Hj. Ahmad, k/p 056461 K; Hj. Besar bin Othman, k/p 037621 K; Awg. Yusof bin Jumat, A 0743; Abd. Rahman bin Metussin, k/p 042470 K; Awg. Japar bin Awg. Besar, A 01391; Awg. Yahaya bin Janai, k/p 012324 K; Awg. Amzah bin Hj. Abd. Rahman, A 02182; Awg. Hj. Masri bin Abu. Bakar, k/p 015567 K; Awg. Suhaili bin Ahmad, k/p 038088 K dan Awg. Bagol bin Norzaman, k/p 024132 K.

Dyg. Latifah binti Shafie, k/p 061677 K; Pg Ismail bin Pg. Ahmad, k/p 019552 K; Awg. Matnaruddin bin Ibrahim, k/p 053791 K; Awg. Abdullah bin Abbas, k/p 020421 K; Awg. Abu Bakar bin Budin, k/p 072811 K; Dyg. Azizah binti Timbang, k/p 050657 K; Awg. Bungsu bin Buntar, k/p 007212 K; Awg. Abuzah bin Abu. Bakar, k/p 063818 K dan Awg. Hj Zainal bin Japar, k/p 017259 K.

Awg. Moksin bin Awg. Salleh, k/p 004401 K; Awg. Abdullah bin Mohammad, k/p 014136 K; Awg. Yahaya bin Puteh, k/p 023533 K; Hj. Timbang bin Md. Yusof, k/p 008149 K; Hj. Besar bin Hj. Mohd. Hassan, k/p 048612 K; Dyg. Sallun binti Lamit, k/p 037587 K; Awg. Morni bin Damit, k/p 031231 K; Mohd Salleh bin Omar, k/p 052259 K; Pg. Mohamad bin Pg. Mustafa, k/p 117181 K dan Dyg. Hjh. Isah binti Awg. Jeludin, k/p 007446 K.

Awg. Hj. Bakir bin Hj. Abdullah, k/p 047109 K; Awg. Omar bin Kasim, k/p 003444 K; Awg. Taha bin Bakar, k/p 042081 K; Awg. Maidin bin Hj. Hassan, k/p 007337 K; Ak. Seriman bin Pg. Damit, k/p 048100 K; Ak. Alli bin Pg. Hj. Samsuddin, k/p 053140 K dan Awg. Aminuddin bin Mohamad, k/p 048348 K.

## KESELAMATAN JALAN RAYA




**MENEMPAH MAUT** ... tempat menyeberang yang selamat (jejatas) sudah disediakan tetapi mengapa masih juga menyeberang jalan di tempat yang merbahaya seperti yang dilakukan oleh penuntut-penuntut sekolah ini. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Presiden Pejuang Pembebasan Kebangsaan Rakyat Khamer (KPNLF) dan Ahli Majlis Kebangsaan Tertinggi (SNC) Kemboja, Tuan Yang Terutama Tuan Son Sann di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima perutusan daripada Presiden Republik Gabon yang disembahkan ke hadapan majlis baginda oleh Tuan Yang Terutama Tuan Ali Bongo, wakil peribadi Presiden Republik Gabon.

# Berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Mei. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Presiden Pejuang Pembebasan Kebangsaan Rakyat Khamer (KPNLF), dan Ahli Kebangsaan Tertinggi (SNC), Kemboja, Tuan Yang Terutama Tuan Son Sann di Istana Nurul Iman di sini.

Di istiadat itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Pejuang Pembebasan Kebangsaan Rakyat Khamer dan Ahli Kebangsaan Tertinggi Kemboja telah membincangkan isu-isu serantau termasuk perkembangan di Kemboja.

Tuan Yang Terutama Tuan Son Sann tiba di negara ini kelmarin, 12 Mei bagi mengadakan lawatan tidak rasmi selama dua hari dalam rangka lawatannya ke negara ASEAN.

Hadir sama di istiadat itu ialah Menteri Undang-Undang, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin, ketiga-tiga Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad; Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin dan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Paduka Awang Lim Jock Seng.

DARI MUKA 1

utama Tuan Ali Bongo selaku wakil peribadi Presiden Republik Gabon di istiadat yang berlangsung di Istana Nurul Iman hari ini.

Di istiadat itu, Tuan Yang Terutama telah menyembahkan ke hadapan majlis baginda perutusan daripada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Gabon.

Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Alimin bin Haji Abd. Wahab juga hadir di istiadat itu.

# Menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan menerima mengadap isteri Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-Undang Malaysia, Datin Sharifah Aziah binti Syed Zainal Abidin.

Istiadat mengadap tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga telah berkenan menerima mengadap Datin Sharifah Aziah binti Syed Zainal Abidin di Istana Nurul Izzah Jerudong pada hari yang sama.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam di istiadat tersebut juga telah berkenan menerima cenderamata yang disembahkan oleh Datin Sharifah Aziah.

Datin Sharifah Aziah di kedua-dua istiadat mengadap tersebut telah diiringi sama oleh isteri Yang Berhormat Menteri Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Datin Hajjah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Datin Sharifah Aziah berada di negara ini dalam lawatan rasmi selama tiga hari bagi mengiringi Yang Berhormat Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-Undang Malaysia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berkenan menerima mengadap Datin Sharifah Aziah binti Syed Zainal Abidin, isteri Yang Berhormat Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-Undang Malaysia di Istana Nurul Iman.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan menerima mengadap Datin Sharifah Aziah binti Syed Zainal Abidin, isteri Yang Berhormat Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-Undang Malaysia di Istana Nurul Izzah, Jerudong.

سلامت منونيكن فرض حاج سموك مندافت حاج يغمبرور

**SELAMAT MENUNAIKAN FARDU HAJI**
**SEMOGA MENDAPAT HAJI YANG MABRUR**

دتربيتكن اوله جابتن ڤنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجأن، كمنترين اوندڠ٢، نڬارا بروني دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam